



Tak Sesungguh Seluang Melaut



Kumpulan Artikel
Tokoh Sejarah Kedah

Ismail Saleh

Tak Sesungguh Seluang Melaut

Diselenggarakan oleh
Mazizah Haji Md. Darus
Zahidi Dato' Zainol Rashid

Diterbitkan oleh
Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman
Alor Setar
1999

Sebuah Terbitan Siri Zamalah Ceritera Budaya
Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Cetakan Pertama 1999
© Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman 1999

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Dicetak oleh
Percetakan UPCAS Sdn. Bhd.
No. 43, 45 & 47, Seberang Jalan Putra,
05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

M 1995112 APB 01039764
1SM

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
31 OCT 2001


KATA ALUAN

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinnya sebuah buku sejarah dapat diterbitkan. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah adalah satu-satu agensi yang mewujudkan Zamalah Ceritera Budaya (ZCB). Zamalah ini memberi sokongan dan bantuan kepada segala bentuk kegiatan budaya termasuk bidang sejarah terutama dalam kerja-kerja penyelidikan dan penerbitan. Penerbitan buku ini adalah sebagai sebuah lagi dokumentasi yang bermanfaat kepada kita dan pensejarahan Kedah.

Sungguhpun Kedah adalah sebuah negeri tertua di Malaysia tetapi buku-buku yang diterbitkan berkenaan sejarahnya amat kurang. Kekurangan ini menyebabkan kita tidak mengetahui seja-sjelasnya keadaan Kedah pada masa dahulu. Oleh itu adalah bertepatan sempena '**Anugerah Tokoh Sejarah Kedah Darul Aman**' sebuah buku sejarah Kedah yang merupakan kumpulan artikel tokoh-tokoh sejarah iaitu **Tuan Haji Ismail bin Saleh** yang dipetik daripada majalah, kertas kerja, buku cederamata yang secara teliti dipilih untuk dikumpul dan dibukukan. Dengan terbitnya buku ini bererti bertambah lagi buku-buku sejarah tanahair yang ditulis oleh pengarang tempatan khusus berkenaan sejarah Kedah.

'BUDAYA NILAI BANGSA'

DATO' HJ. SYED RAZAK BIN SYED ZAIN
DSDK., KMN., BKM., JP.,
Yang DiPertua Majlis Kebudayaan Negeri
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.



KATA PENGHANTAR

BISMIL-LAHIR-RAHMANIR-RAHIM.

Kami bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, maka buku ini dapat disusun dan di terbitkan.Buku ini direrbitkan bersempena dengan majlis ‘**Anugerah Tokoh Sejarah Darul Aman**’. Anugerah ini diberi kepada seorang tokoh sejarah yang telah lama melibatkan diri dan bergerak aktif dalam memajukan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman yang ditubuhkan pada 28 Julai 1956 telah merayakan ulangtahun yang ke-40 pada tahun 1996. PSMCK sejak ditubuhkan atas anjuran Penasihat British di Kedah Encik E.C. Barret dengan Presiden yang pertama iaitu YTM Tunku Nong Jewa (1956-1963) telah melalui perkembangan yang pesat. Sehingga kini PSMCK adalah sebuah persatuan sejarah yang aktif. Anugerah Tokoh Sejarah ini adalah diadakan sempena ulangtahun ke-40 PSMCK.

Tuan Haji Muhammad Ismail Haji Saleh, Tokoh Sejarah Kedah Darul Aman telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan sejarah di Negeri Kedah Darul Aman. Beliau telah memegang jawatan Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Kedah Darul Aman sejak tahun 1965 hingga 1992. Beliau amat bermimat dalam sejarah dan merupakan seorang ahli sejarah tempatan yang ulung. Beliau banyak menulis dan menyumbang tenaga kepada pencejarahan Kedah. Atas hasil usaha beliau, beberapa bahan sejarah seperti bulan piala, musuh bisik, perahu lumba, laga kerbau, halu pulau dikumpul agar tidak luput. Tuan Haji Ismail menerusi tulisan-tulisan beliau membuktikan bahawa Kedah adalah negeri yang terawal menerima kedatangan agama Islam. Usaha-usaha ini memberi kesedaran tentang kepentingan aspek sejarah ini. Dalam usaha mengumpul dan memelihara buku dan naskah-naskah sejarah beliau telah menjalankan penyelidikan ke atas draf-draf Almarhum Sultan Badlishah dan telah menerbitkan sebuah buku bertajuk ‘**The Sultan was not alone**’.

Tuan Haji Ismail Haji Saleh sering diundang untuk menjadi ahli panel, pembentangan kertas kerja dan pengurus majlis diskusi berkenaan sejarah dan budaya Kedah. Beliau mempunyai pengetahuan luas tentang

sejarah, adat istiadat Melayu Kedah, pakaian, tengkolok, makanan, dialek Kedah dan lain-lain. Oleh yang demikian beliau menjadi pakar rujuk dan konsultan pencejarahan Kedah.

Usaha Majlis Kebudayaan Negeri Kedah membukukan koleksi artikel-artikel Tuan Haji Ismail Haji Saleh adalah bertepatan dengan matlamat menambahakan bahan-bahan berkenaan sejarah yang ditulis oleh pengarang tempatan.

Mazizah Haji Md. Darus
Zahidi Dato' Zainol Rashid
Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
1 Oktober 1999

ISI KANDUNGAN

Tak sesungguh seluang melaut.	1
Sejarah pasukan Polis Negeri Kedah Darul Aman.	3
Kedah: Negeri Islam yang pertama di Nusantara.	7
Cerita Sang Kuriang.	14
Berlaga ayam.	16
Halu pulau.	20
Lagenda Mahsuri puteri Langkawi.	22
Lagenda menuntut sejarah Liang.	36
Nobat Kedah.	39
Lagenda berkaitan dengan Nobat Kedah.	43
Kedah bersiap habis-habisan.	46
Tunku Kudin tentang Siam.	49
Perut hijau mendapat bantuan.	52
Serangan Siam ke atas Langkawi.	56
Utusan Kedah temui Raja Burma.	61
20 ribu orang Melayu di Kedah.	64
Siam tewas, Kedah mara ke Senggora.	67
Kapitan China: Baba Seng.	71
Dur-ul Manzum bicarakan ketuhanan di zaman Sultan Mansor.	75
Perwira Langkawi dalam kenangan.	78

TAK SESUNGGUH SELUANG MELAUT

Tunku Muhammad Jiwa berangkat pulang dengan sebuah baghalah orang Arab dari Maskat yang kebetulan hendak belayar ke Negeri-negeri Melayu. Shaikh Abdul Jalil dan Shaikh Hafiz Sab turut mengiring. Kapal-kapal belayar ke Tanah Jawi dalam Bulan Mei disorong oleh angin Barat Daya. Setelah hampir tiga bulan singgah menyinggah di pesisiran Teluk Benggala, baghalah itupun sampailah di Murgi dan ramai pula di antaranya pelayar dan saudagar-saudagar Melayu yang berulang alik antara Nusantara dan India melalui Teluk Benggala.

Padri-padri Perancis berjalan mundar-mandir di sana sinidi bandar Murgi berselisih bahu dengan saudagar-saudagar Belanda. Orang Inggeris boleh dikatakan tidak ada sungguhpun kapal-kapal mereka ditemui sebiji dua di laut. Orang-orang eropah di Murgi keronnya sedang mengintai kalau-kalau ada lorong yang boleh ditembusi ke Negeri China. Padri-padri pula hendak menggantung salib di leher Raja Siam - mengkeristiankannya.

Dato' Indera Setia dari Kedah melabuhkan lancangnya di Murgi. Beliau ditugaskan mencari Tunku Muhammad Jiwa. Seperti orang berjanji, lancang kenaikan Dato' Indera Setia mencampakkan sauh berhampitan baghalah Maskat kenaikan Tunku Muhammad jiwa. Sebagai kebiasaannya, bila bertemu dengan kapal dagang dari atas angin, Dato' Indera Setia akan berkayuh sambil menepi dengan kolek tundanya bertanya khabar kalau-kalau mereka bertemu dengan orang Melayu dari Kedah, dan jika bertemu tahukah mereka anak raja bernama Tunku Muhammad Jiwa. Orangnya masih muda, hitam manis dan bermata tajam.

Jeragan dan jurumudi yang ditujukan pertanyam menggiling kepala. Ramai orang Melayu di India, di Ormuz, di Judah dan di Mekah, malahan di Zanzibar dan di "Cape Town" hitam manis dan bermata tajam. Ada tua, ada muda. Yang bernama Tunku Muhammad Jiwa mereka belum temui.

Elok sahaja Dato' Indera Setia memijak kaki ke atas baghalah dan mengeluarkan suara memberi salam kepada jeragan maka tahulah Tunku Muhammad Jiwa suara Dato' Indera Setia - suara dalam dan garuk - suara orang Kedah yang lama tidak didengarinya.

Dato' Indera Setia tidak cam wajah Tunku Muhammad Jiwa yang

berada disisi jurumudi kerana beliau berserban dan berjubah. Sudah berjanggut dan berjambang pula.

Belum sempat jurumudi menggiling kepala, Tunku Muhammad Jiwa menyongsong Dato' Indera Setia dan memperkenalkan dirinya, "Hambalah Tunku Muhammad Jiwa". Bila ditilik baharulah dikenal. Dato' Indera Setia memeluk kaki Tunku Muhammad Jiwa dan menangis terisak-isak.

Guruh petus menimba limbat,
Limbat ditimba orang seberang,
Tujuh ratus carikan ubat,
Dapat bertemu maka senang.

Hai yang-yang telaga batu,
Jatuh kulit jadi belulang,
Sudah bertemu raja penghulu,
Sekarang juga nak bawa pulang.

Antara sedu dan sedan Dato' Indera Setia menceritakan perihal Almarhum Sultan Abdullah Paduka Ayahanda Tunku Muhammad Jiwa yang mangkat akibat merindui baginda. Sultan Abdullah menjadi penghuni pertama di Kota Langgar makam Diraja. Kemudian ditabalkan Paduka Adinda Tunku Ahmad Tajuddin menjadi Sultan. Sultan Ahmad Tajuddin memerintah selama 44 bulan lamanya kemudian baginda pun mangkat pula.

paduka Bonda Makchik Wan Nang di Bukit Pinang berendam air mata selama ini tetapi masih tabah kerana kuat yakin anak sulung akan berangkat pulang menyambut zuriat. Tunku Aishah anaknya yang bungsu, adinda Tunku Muhammad Jiwa sentiasa berdoa kepulangan abang yang jauh. Raja Bendahara mengutuskan Dato' Kama Jaya ke Jawa dan Sumatra dan mengutuskan Dato' Indera Setia ke India dan Burma untuk mencari Tunku Muhammad Jiwa.

Tunku Muhammad Jiwa menangis terisak-isak mendengar cerita Dato' Indera Setia.

Sultan Ahmad Tajuddin tidak mempunyai anak kandung. Sekarang sudah tujuh bulan Kedah tidak beraja. Raja Bendahara yang memangku negeri.

SEJARAH PASUKAN POLIS NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

Kerja-kerja menangkap penjenayah dan menyediakan pegawai menjaga penjara dan alat-alat menghukum orang salah menjadi tanggungjawab Temenggung. Orang-orang yang membantu temenggung ialah orang-orang yang melakukan kerja polis. Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk menjalankan hukuman bunuh setelah dijatuhkan hukumannya oleh hakim. Orang-orang Temenggung juga memungut hasil mahsul untuk Sultan. Oleh kerana Sultan yang melantik Temenggung menjalankan tugasnya, maka seluruh rakyat berdiri teguh menyokong Temenggung bersama-sama melaksanakan tugasnya. Jadi, Temenggung mendapat kerjasama dari ketua mukim, penghulu, tok kewing, imam dan orang sepuluh masjid. Jika melibatkan orang-orang Cina umpanya, Kapitan China yang dilantik oleh Sultan akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada orang-orang Temenggung.

Negeri Kedah yang dijajah oleh Siam sejak lama menuahkan pasukan polis, jika boleh dikatakan polis, seperti yang terdapat di Negara Thailand. Angota-anggota "polis"nya tiada beruniform dan tiada latihan pada bidang-bidang berkawad, menggunakan senjata atau penegakan disiplin. Mereka ini dipanggil mata-mata. Mata-mata membuat rondaan disebelah malam seperti memeriksa orang berjalan tanpa jamung, orang yang enggan memperkenalkan diri dan berkelakuan ganjil ditengah malam. Ada juga orang-orang yang bukan mata-mata diarahkan oleh Temenggung untuk membuat rondaan dalam pekan dan pelabuhan atau di dalam kampung supaya teringan sedikit tugas mata-mata. Orang-orang yang meronda ini dipanggil "sembang". Sekarang "sembang" telah bermaksud berbual-bual pula iaitu kerja yang dilakukan oleh mata-mata dan bukan mata-mata ketika membuat rondaan.

Dalam bulan November 1870, Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah [1854 - 1879] telah melantik seorang Inggeris dari Singapura bernama Captain Pallet mengajar sekumpulan orang-orang Melayu menjadi "sepahi". Bolehlah dikatakan Captain Pallet ialah Ketua Polis yang pertama di Negeri Kedah. Dibawahnya dilantik pula beberapa orang inspektor dari orang-orang Melayu juga.

Perkataan "Sepahi" ini berasal dari Parsi bermaksud tentera atau askar, bukan polis. British telah menuahkan pasukan tentera dari orang-

orang India yang berasal dari Punjab dan Bengala serta melantik mereka menggunakan senjata, berkawad dan berdisiplin dan memanggil mereka "Sepoy". British membawa askar-askar "Sepoy" atau "Sepahi" ini berkhidmat di Negeri-Negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) dan juga Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan) sejak British menjelaki kaki di negeri-negeri tersebut.

Lima belas orang Sepahi pernah diambil menagawal Kota Kuala Kedah dalam bulan Mei 1839. Mereka mempertahankan kota tersebut dari serangan siam bersama-sama dua ratus orang satria Melayu di bawah arahan Tunku Muhammad Saad. Sepahi-sepahi ini diarah menggunakan meriam membedil perahu-perahu Siam yang memasuki kuala. Sepahi-sepahi ini menjalankan tugas mereka dengan baik tetapi perahu-perahu Siam semakin ditembak semakin bertambah. Sepahi-sepahi ini tidak bergenjak dari meriam-meriam mereka selagi ubat bedil dibawakan oleh orang-orang Melayu kepada mereka.

Malangnya apabila Sepahi-Sepahi ini melihat beberapa buah kapal perang British dipintu Kuala Kedah membantu orang-orang Siam, mereka bertindak meninggalkan kota dan terjun ke dalam sungai. Mereka tahu siapa pun tidak akan menang menentang British. Malangnya lagi apabila Sepahi-Sepahi ini tidak pandai berenang..Lima belas mayat mereka didapati tersadai di belat batang-batang nibung yang dipacak oleh kapal "Hyacinth" bertujuan menyekat perahu-perahu Melayu dari laut, meksudnya yang dari Langkawi, Setol atau Merbuk, masuk membantu Tunku Muhammad Saad di dalam kota.

Tempat mayat-mayat Sepahi ini ditemui masih dikenali hari ini sebagai "Alor Bengali".

Harapan Sultan Ahmad Tajuddin ialah hendak menubuhkan pasukan polis yang berdisiplin dan terlatih seperti "Sepahi-Sepahi" yang mengawal ketenteraman dan keamanan di Negeri-negeri dibawah pemerintahan British. Captain Pallet membawa beberapa orang Sepahi ke Kedah untuk mengajar kawad dan menembak kepada beberapa orang Melayu dari kampung mengganggotai pasukan polis Kedah. Dalam bulan Julai 1875 Captain Pallet diganti oleh seorang British lain dari Singapura juga bernama Captain Thorndale.

Captain Thorndale digantikan pula oleh seorang Belanda Islam bernama Abdul Rahman Belanda dalam tahun 1880 iaitu beberapa bulan sekepas Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah mangkat ke rahmat Allah. Abdul Rahman Belanda merupakan Pengusaha Polis atau

“Superintendent of Police” yang pertama beragama Islam. Dalam bulan Jun 1885 Abdul Rahman digantikan oleh seorang dipanggil Captain Duyung. Captain Duyung berbangsa British tetapi ejaan anmaanya sebagai seorang dari Nusantara atau Belanda- de jong.

Pasukan Polis Kedah hingga kini belum juga teratur dan sempurna betul kerana terdapat mata-mata yang bersyubahat dengan penjenayah, bermain judi, menghisap madat dan menerima rasuah.

Dalam tahun 1889 Sultan Abdul Halim Syah (1882-1943) melantik **Tunku Bahadur Syah ibni Tunku Dziauddin** iaitu putera kepada Tunku **Kudin Klang** menajadi Inspektor Jeneral pasukan Polis Negeri. Seorang pegawai polis British bernama Ben Mitchell diarah membentuk sebuah **kontinjen** polis dari bangsa Sikh dan kontinjen ini ditempatkan di Kulim. **Polis Sikh** atau “Sepahi” ini berjumlah dua ratus orang dan bertugas sebagai polis militari mententeramkan pergaduhan-pergaduhan kongsi gelap di Negeri Perak dan Pulau Pinang.

Ben Mitchell terus dilantik menjadi Pesuruhjaya Polis Selatan dan **Encik Ismail bin Muhammad Hassan** menjadi Pesuruhjaya Polis Utara berpejabat di Alor Setar.

Pasukan Polis Kedah meningkat prestasi apabila dua orang pegawai **polis British** dilantik menjadi Ketua Inspektor (“Chief Inspector”) dalam **tahun 1906**. W.E. Speers menjadi Ketua Inspektor di Kuala Muda dan **P.F. Joyce** menjadi Ketua Inspektor di Alor Setar.

Dalam bulan Jun 1907, **Tunku Ibrahim**, putera sulung Sultan Abdul **Hamid** dilantik menjadi Inspektor Jeneral menggantikan **Tunku Bahadur Syah**. Dalam tahun 1907 inilah Kerajaan Negeri membina bangunan **pejabat** polis berhampiran Panjara Lama berhadapan dengan Pejabat Pos Besar di Jalan Raja. Sebelum 1907 Pejabat Polis ialah di sebuah pintu **bangunan** kedai di Jalan Pekan Melayu berhampiran Masjid Raja (Masjid Zahir Sekarang) Pemegang-pemegang jawatan inspektor ditambah lebih **ramai** dan tiap seorangnya diberi latihan di Pulau Pinang. Malahan pada **masa** itu ramai anak-anak Melayu dari Pulau Pinang menjadi inspektor **polis** di Kedah. Selain dari itu diambil juga inspektor-inspektor dari **Negeri-Negeri Bersekutu** berkhidmat di sini.

Tunku Ibrahim (Tunku Sulung) terpaksa meninggalkan jawatan **Inspektor Jeneral** kerana ditabah menjadi Rejen atau Pemangku Sultan dalam bulan Julai 1913. Jawatan Inspektor Jeneral dipegang oleh seorang **pegawai awam** bernama **Tunku Ismail**.

Dalam tahun 1909 Kedah menjadi sebuah negeri yang dinaungi oleh **British** dan tidak lagi dinaungi oleh Siam. Penasihat British yang pertama

ialah W.G.Maxwell. Beliau membubarkan kontinjen polis Sikh dan meletakkan anggota-anggotanya di dalam pasukan polis biasa.

Ben E.Mitchell bersara dalam tahun 1910. Masa ini mata-mata dibayar sepuluh ringgit sebulan dan kopral mendapat lima belas ringgit. Pakaian seragam mereka ialah songkok bulat, baju kot tangan panjang dengan lima butang dari dada hingga ke leher. Seluarnya panjang hingga ke bawah lutut. Betis berpatis dan memakai kasut but.

W.E Speers berkhidmat sebagai Ketua Inspektor di Kota Kuala Muda sejak 1906 akhirnya memberhentikan perkhidmatannya dalam tahun 1929 sebagai Pesuruhjaya Polis. Beliau berkhidmat selama 23 tahun dengan Kerajaan Kedah. Semasa beliau bertugas sebagai Pesuruhjaya Polis, W.E. Speers menubuhkan sebuah kontinjen khas polis Sikh yang dipanggil "Polis Sepahi". Tugas mereka ialah mengawal istana Yamtuan dan Istana Rejen serta rumah kediaman Penasihat British.

Dalam tahun 1929 kekuatan Pasukan Polis Kedah yang dianggotai oleh orang Melayu dan Sikh, termasuk Ketua Inspektor dan inspektor-inspektor semuanya berjumlah 764 orang. Masa itu tidak ada polis trafik. Segelintir dari 764 tadi mata-mata gelap.

A.W.Hamilton datang menggantikan W.E. Speers dalam tahun 1929 dan berusaha meningkatkan disiplin serta kemahiran polis dalam bidang menembak, kawad dan meronda kawasan-kawasan orang ramai. Begitu juga diperkenalkan pengetahuan saikologi ketika menangkap penjahat dan orang gila. Di kawasan Kulim diletakkan seorang Penolong Pesuruhjaya Polis bernama P.K.Hazlitt. Selepas ini Kedah dibahagikan kepada tiga kawasan polis dibawah tiga orang Pegawai Penguasa Polis E.P Colgan menjadi Pegawai Polis Penguasa di Alor Setar, A.F.Sheady menjadi Pegawai penguasa di Kulim dan D.Kenny di Sungai Petani. D.Kenny juga menjadi Pegawai Penjara Cawangan Mata-Mata Gelap seluruh negeri berpejabat di Sungai Petani.

A.W Hamilton tidak lama berkhidmat di Kedah. Minatnya kepada bahasa kebudayaan Melayu amat mendalam sehingga beliau pernah menyarungkan pakaian melayu dan berserban masuk ke dalam Masjid Zahir bersempayang Jumaat bersama-sama orang Melayu. Atas laporan dari Syaikul Islam, Tunku Mahmud menjadi presiden Dewan Masyuarat Negeri telah bertindak. A.W Himlton ditukarkan ke negeri lain. Buku Pantun Kanak-kanak iaitu "nursery Rymes" dwi-bahasa Inggeris-Melayu karya A.W. Hamilton masih menarik dibaca. Beliau digantikan oleh Ketua Pegawai Penguasa Polis (C.P.O) yang baru : Penny-Father Evans yang tidak tahu berbahasa Melayu.

KEDAH : NEGERI ISLAM YANG PERTAMA DI NUSANTARA

NEGERI Kedah yang dibuka oleh Maharaja Durbar Raja dalam KM 41 asalnya bermama "Kalah".¹ Pengarang "Al-Tarikh Salasilah Kerajaan Negeri Kedah" tidak menjelaskan bahawa "Kalah" itu ialah nama suku kaum Kurdi, iaitu penduduk asli Negara Iran yang membuyung ke Nusantara dalam KM 10 dan KM 11. Khususnya nama suku kaum ini ialah "Kalahar".² Kurdi, penduduk asal Benua Iran ini mempunyai sekurang-kurangnya empat puluh suku kaum.³ Sedang suku kaum "Kalahar" bertapak di Kedah, suku-suku kaum lain berhijrah ke tempat-tempat lain di Nusantara. Sejak zaman berzaman Negara Kurdi ini dikenali sebagai Iran, telah diubah menjadi Parsi. Enam puluh tahun dahulu dikenali semula dengan nama purbanya - Iran.

Salman al-Farisi, seorang sahabat Rasul Allah, adalah orang Kurdi dari suku Jawani. Seorang dari anak cucunya bernama Jawani al-Kurdi mengembangkan tulisan Parsi dari huruf-huruf Arab di Nusantara dan tulisan itu dipanggil Tulisan Jawi.⁴

Nusantara dengan Iran amat rapat pada zaman dahulu dan kesan-kesan kebudayaan Iran atau Parsi terdapat di mana-mana di tanahair kita.

Ahli-ahli sejarah Nusantara pernah membuktikan bahawa Kerajaan Pasai, Rokan, Kuntu dan Siak di Sumatera dibuka oleh orang-orang Iran yang beragama Islam sebelum 969 Masihi lagi. Terdapat di sana beberapa batang nisan yang berpahat dengan tulisan-tulisan Pahlawi. Begitu juga di Legor atau Nakhorn Sri Tammarat telah dibuka oleh orang-orang Iran Islam juga. Begitu juga perkampungan di Leren dekat Gerisik di Jawa Timur, dipercayai dibuka oleh orang Iran suku Lor. Zainab binti Maimun yang dikebumikan di Leren pada 1101 Masihi adalah titisan Sultan al-Farisi.⁵

1. Muhammad Hassan bin Muhammad Arshad. "Al-Tarikh salasilah Negeri Kedah". DBP. Kuala Lumpur. 1968. ms. 3. Edisi pertama bertulisan Jawi diterbitkan pada 1923

2. Dr. Omar Amin Hussain. "Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu". Pustaka Antara. K. Lumpur. 1962.. ms. 178.

3. ibid. 4. ibid. 5. ibid

Suku Kalahar tiba di Semenanjung dan mengikut pengarang "Sinbad al-Bahri" mereka sampai di Kedah⁶ dan menamakan negeri itu mengikut nama sukunya.: Kalahar. Muhammad Hassan dalam "Al-Tarikh Salasilah... menyebutnya "Kalah." Orang-orang Arab menyebutnya "Kalah".

Suku-suku Kurdi berhijrah ke Nusantara bukan sahaja kerana bermiaga atau berdagang tetapi juga kerana mencari tempat penghidupan yang damai dan tenang untuk beribadat. Tanahair di Iran diperintah oleh raja-raja yang zalim dan sedihnya raja-raja menggalakkan persengketaan suku-suku kaum. Rakyat Iran berhijrah ke Afrika, India, Timur Tengah, Timur Jauh dan New Zealand. Kepulauan Melayu atau Nusantara⁷ juga turut menjadi tumpuan.

Di sekitar 877 Masihi rumah-rumah orang Iran dan Arab di Kanton (China) telah dimusnahkan oleh segerombolan pemberontak yang menentang Kerajaan China. Saudagar-saudagar Islam yang tinggal sejak dua ratus tahun sebelumnya di Kanton dan amat berpengaruh di sana telah dibunuh beramai-ramai. Yang terkorban dianggarkan antara 120 ribu hingga 200 ribu orang.⁸ Pelarian-pelarian Islam berpindah ke Kemboja, Champa dan ke Kedah.

Sejak 877 itu Kedah menjadi sebuah dari pelabuhan Seri Wijaya yang amat sibuk. Saudagar-saudagar Islam dan bukan Islam berkumpul di Kedah sebelum meneruskan pelayaran ke Negara China atau pelabuhan lain di dunia sebelah sini. Pengembara-pengembara Arab meninggalkan beberapa catatan mengenai "Kalah" selepas 877.⁹

"Akhbar as-Sin wal-Hind" "Cerita-cerita Negeri China dan Negeri India") yang ditulis dalam tahun 851 oleh penulis yang tidak menerangkan namanya mengatakan "...dari Banjadalus (Pulau Nicobar) kapal kami belayar ke Kalahbar. " Bar" itu ertiannya negeri atau pantai. Kalahbar ini kepunyaan al-Zabaj (Seri Wijaya)...dan diperintah oleh seorang raja. Rakyatnya memakai "futah" (kain sarung)... orang-orang kapal mengambil air dari kolam di sini dan rasanya lebih lazat dari mata air atau air hujan..."

Ya'qubi, seorang ahli keluarga diraja Abbasiah tinggal di Khorasan, mengenbara di Afrika dan Asia dari 875 hingga 880 menulis mengenai Kalah menyebut laut Kalahbar mengandungi binatang besar-besaran pulau-pulau di Kalahbar ditumbuhi pokok-pokok kapur barus..."

Abu Zaid, seorang penduduk Siraf menulis dalam tahun 916 bahawa "Kalah" menjadi wilayah Maharaja Sribuza (Seri Wijaya) dan terletak antara China dan India... Pelabuhan Kalah ialah tempat tumpuan kapal

dari Oman dan dari sini kapal-kapal bertolak pula ke Tanah Arab.” “Kalah ialah pusat perdagangan, kayu gaharu, kapur barus, kau cendana, gading, bijih timah, kayu arang, kayu sepong, pelbagai rempah ratus dan lain-lain barang amat banyak nak disebutkan.”

Di tempat lain Abu Zaid pernah menulis:

“Kekuasaan Maharaja Sribuza amat terasa di Kalah, sebuah pulau tempat baginda tinggal sangatlah subur dan rumah-rumah kediaman rakyat bersambung-sambung bumbung terus menerus. Ada orang mengatakan apabila ayam berkokok di waktu fajar seperti yang berlaku di Negeri Arab, ayam jantan di Kalah bersahut-sahutan dalam kawasan lebih seratus perasang (350 batu) kerana kampung-kampungnya berdekatan dan bersambungan tanpa ruang kosong.”

Dalam tahun 940, Abu Dulaf al-Muhthalhil berasal dari Bukhara singgah sendiri di Kalah dan meriwayatkan bahawa “Apabila saya sampai di Kalah saya dapati tempatnya amat indah dengan tembok-tembok besar, taman-taman bunga dan mata-mata air dari bumi. Saya lihat lombong bijih timah yang tidak ada tolok bandingnya dalam dunia ini. Di dalam kota ada orang membuat padang “qala’i” iaitu pedang India yang asli...seperti Negara China, terdapat orang-orang yang tidak menyembelih ternakan yang mereka makan. Penduduknya mempunyai sistem keadilan, penjara dan denda. Mereka makan gadum, korma, sayur-sayuran (yang dijual dengan timbangan) dan lempeng-lempeng roti (yang dijual dengan longgok). Mereka tidak ada hamam tetapi mandi di sungai-sungai yang berair deras. Wang mereka ialah

6. ibid.

7. “Nus” dalam bahasa Iran bererti Khat-ul-istiwa (Equator), “an” bererti nun (jawi), “Tara” bererti pulau-pulau yang banyak. Jadi, “Nusantara bererti “pulau-pulau yang terletak jauh di Khat-ul-istiwa.

8. Dr. Syed Naquib Al-Attas” Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago” DBP K.L 1966, ms 11.

9. Penulis-penulis Arab yang menulis mengenai Kalah diperolehi semuanya dari buku Paul Wheatley, “The Golde Khersonese” UM press, K.L 1961, ms 216, 217 dan 218.

dirham perak... yang dipanggil "fahri". Mereka memakai kain "al-firand" (sutera) seperti orang Cina yang beharga sangat mahal. Raja yang didoakan di dalam khutbah Maharaja China... dan kiblat pun mengarah ke sana... Di sekitar bandar Kalah bersusun-susun pula pekan-pekan dan kampung-kampung.

Sinbad dalam "Hikayat 1001 Malam" telah bercerita"... Kalah adalah sebuah empayar besar di pinggir India... punyai lombong bijih timah dan ladang buluh. Kapur barusnya sangat baik... Pemerintahnya seorang raja yang kuat."

Mas'udi yang menulis mengenai perpindahan saudagar-saudagar Islam ke Kedah pada 877 adalah seorang pengembara yang banyak menulis Dalam "Kitab Muruj al-Dhahab" yang ditulisnya pada 943 itu ditulisnya juga bahawa "...disekitar Negeri Kalah dan Sribuza terdapat lombong-lombong emas dan perak. Ikat jalan laut, Kalah terletak jauh sedikit dari setengah perjalanan antara Negeri Arab dan Negeri China. Hari ini kalah adalah tumpuan saudagar-saudagar Islam dari Siraf dan Oman. Dari sini mereka menaiki kapal China untuk ke Negeri China. Laut Kalah cetek dan sukar dipelayari serta banyak pula pulau-pulau dan selat-selatnya..."

Sebatang nisan di Kampung Langgar dekat Alor Setar terpahat dengan nama Sheikh Abdul Kadir ibni Hussain Syah 'Alirah bertarikh 972¹⁰" Masihi telah ditemui. Langgar ialah perkataan Iran bererti sekolah atau surau tempat belajar agama. Ibni Hussain Syah ialah orang Iran. Perkataan "Alirah itu tidak jelas Jawinya,, mungkin "Kalahar". Dan ada berpuluhan lagi nisan di Langgar yang tidak bertarikh dan tidak bermama sebaya usianya dengan nisan keramat Tok Tanjung Serban Hijau ini. Jelas sudah ada perkampungan orang Iran dengan langgarnya di Langgar ini pada masa itu.

Ketika Islam masuk ke India dari utara dalam tahun 1000 Masihi sebuah kerajaan Hindu di Selatan bernama Cola sedang naik daun. Perhubungan antara Seri Wijaya dengan Cola dikira boleh tahan tetapi Cola tidak senang dengan monopoli-monopoli ekonomi dan budaya yang dipegang oleh Seri Wijaya di Selat Melaka. Serangan-serangan Islam di utara India terhadap kerajaan-kerajaan Hindu dan wujudnya saudagar-saudagar Arab, Iran dan Melayu yang beragama Islam di Lautan India merimaskan Maharaja Cola.

Pada 1025, Rajendra, Raja Cola menyerang Seri Wijaya dan menyebut Kadaram (Kedah) sebagai pusat penting Seri Wijaya yang paling akhir dan teruk dimusnahkan.¹¹ Sejarahnya dapat dibaca dengan

jelas di sebuah rumah berhala di Tanjur, Selatan India. Negeri-negeri di bawah empayar Seri Wijaya yang menerima serangan Cola seperti menerima hujan lebat tengah hari. Masing-masing tidak membuat persediaan. Kedah disebut oleh Rajendra sebagai negeri yang paling hebat membuat tindakan balas dan negeri yang paling ramai penduduk Islamnya inilah yang paling teruk menerima penangan Raja Cola.

Dari serangan ini Kedah menjadi Padang Jarak padang terkukur. Inilah serangan garuda yang paling ganas!

Lebih kurang dalam 1000 itulah Syi'ah di Iran memukau gerakan memburu orang-orang Ahli Sunnah wal jamaah dari bumi Iran. Kedudukan orang-orang Ahli's Sunnah amat pincang dan terdesak sekali. Mereka terpaksa berhijrah besar-besaran ketempat-tempat yang tidak boleh dipengaruhi oleh Syi'ah.¹⁰ Sebahagian besar dari mereka sampai di Nusantara dan pada masa inilah Merong Mahawangsa atau Maharaja Durbar Raja sampai di Kedah. Bumi Kedah yang dibakar oleh Cola masih berasap.

Hikayat Merong Mahawangsa ada menyebut bahawa Raja Kedah yang pertama ialah Merong Mahawangsa iaitu seorang raja yang menjadi duta Maharaja Rum untuk membawa Putera Raja Rum berkahwin dengan Puteri Maharaja China. Dalam pelayaran angkatan Merong Mahawangsa telah diserang oleh seekor burung geruda di laut berhampiran Pulau Langkapuri. Angkatan Merong Mahawangsa yang "penuh laut" telah binasa melainkan kapal Merong Mahawangsa sendiri. Baginda terpaksa mendarat di kawasan berhampiran kaki Gunung Jerai. Di situ Baginda dirajakan oleh penduduk tempatan.

Benua Rum, tempat asal Merong Mahawangsa , yang dimaksudkan di sini ialah kawasan Empayar Parsi, satu masanya sebahagian dari Wilayah Roman Timur ("Rome Orient"). Bukan Negara Italy. Kawasan Empayar Parsi inilah orang-orang Iran atau Parsi dan orang-orang Turki silih beganti menegakkun beberapa buah Kerajaan Islam yang kuat.

10. Tarikh ini belum dipastikan oleh Muzium Negara K.Lumpur

11. Paul Wheatley, "The Golden Khersonese", ms.201

12. Dr. Omar Amin Husin, "Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu", ms.27

Mengikut "Al-Tarikh Salasilah", raja Kedah yang pertama ialah Maharaja Durbar Raja yang berasal dari "Negeri Gumrun di dalam Tanah Parsi". Gombroon sekarang ialah sebuah pelabuhan di Laut Kaspi. Penduduk kawasan ini telah memeluk Islam sejak zaman Khulafa-ur-Rasyidin¹ lagi. Merong Mahawangsa dan Maharaja Durbar Raja ialah orang yang sama.

Burung geruda ialah kenderaan Dewa Wisnu dan menjadi satu dari lambang-lambang agama Hindu. Tak dapat tidak, angkatan Merong Mahawangsa diserang oleh angkatan perang Hindu. Dalam KM 11 dan 12, serangan-serangan angkatan Hindu ke atas angkatan Islam di Laut Arab dan di Laut India adalah perkara biasa.

Jika ditilik kepada jurai raja-raja Kedah dari dua-dua buah buku : Hikayat Merong Mahawangsa dan Al-Tarikh Salasilah Kerajaan Kedah: Raja Kedah yang pertama tiba di Kedah dalam pertengahan pertama KM 11 iaitu selepas serangan Cola 1025. Rajanya dapat berkuasa di Kedah kerana Seri Wijaya telah lemah.

Raja Merong Mahawangsa berkahwin dengan gadis dari kaum "Gergasi" dan menggalakkan rakyatnya berkahwin campur di antara kaum. Amalan ini tidak terdapat di kalangan penganut-penganut agama Hindu. Kaum "Gergasi" ialah orang-orang asli yang dikenali sebagai "Orang Laut" dan masih ditemui di Pulau Adang dan Terutau di utara Langkawi. Bukan bota atau raksasa!

Raja Kedah yang pertama telah memperkenalkan "Nobat" di istananya. Okestra ini bukan berasal dari Hindu tetapi istana Khalifah Harun al-Rasyid di Baghdad. Mungkin alat-alat yang dikumpulkan bercorak Hindu atau pribumi tetapi nobat adalah pakaian Raja-raja Islam di Timur Tengah.

Kita tidak tahu bilakah Phra Ong Mahawangsa dalam Hikayat Merong Mahawangsa memeluk Islam tetapi dari "Altarikh Salasilah Negeri Kedah", Muhammad Hassan meletakkan 531 Hijrah iaitu 1136 Masihi sebagai tahun Raja Kedah memeluk Islam dari Syaikh Abdullah Yamani. Sultan Islam yang pertama di Kedah bernama Sultan al-Muzaffar Syah. Dalam Hikayat Merong Mahawangsa nama Sultan Kedah yang pertama ialah Sultan Muzalfal Syah.

Dinasti Seljuk keturunan Turki di bawah Khalifah Abbasiah di Baghdad yang berfahaman Ahli-sunnah wal Jamaah mendirikan sebuah kerajaan di Bizantin dalam tahun 1091 Masihi. Orang-orang Seljuk ialah orang Islam yang paling awal menggunakan gelaran "Sultan" kepada pemerintahnya.² Sebagai sebuah negeri yang berfahaman Ahli-sunnah

wal Jamaah juga Kedah turut menggunakan gelaran "Sultan" dalam tahun 1136.

Merasmikan Islam sebagai agama rasmi bagi negeri Kedah pada 1136 tidaklah terlalu awal untuk disangsikan jika ditilik kepada perhubungan langsung yang berlangsung pergi balik antara Kedah dengan Timur Tengah sejak zaman Jahiliyah iaitu sebelum Hijrah lagi.

Perhubungan ini lebih erat dan menyerlah semenjak zaman Kerajaan Muawiyah (661-750) bertapak di Damsyik. Orang di Kedah masih ingat zaman mereka memeluk Islam iaitu di Zaman "Dum Makdum" yang bermaksud zaman makhдум-makhdum biasanya orang Iran berdakwah di sana sini.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, Merong Mahawangsa atau Maharaja Durbar Raja adalah Islam. Mengikut teori yang amat kerap diketengahkan iaitu apabila raja memeluk sesuatu agama maka rakyatnya turut memeluk agama itu, maka rakyat Kedah, sekurang-kurangnya yang tinggal di sekeliling istana telah memeluk Islam. Apabila mereka memeluk Islam, maka mereka membina masjid-masjid, membinakan langgar-langgar atau surau-surau, membaca al-Quran dan mempelajari tulisan Jawi, membinasakan kesan-kesan yang tidak Islamik, belayar ke Mekkah dan juga menjadi mubaligh mengembangkan agama itu kepada orang lain.

Sebelum 1136, Kedah tidak mengisytiharkan agama Islam menjadi agama rasmi negara kerana kerajaan yang lebih berkuasa di sekitar Negeri Kedah masih dikongkong kuat oleh unsur Hindu dan Buddha dan mereka lah yang mencengkam dan mencaturkan politik dan ekonomi Nusantara. Kerajaan Islam yang muncul di celah-celah suasana begitu akan menjadi sasaran kuasa-kuasa bukan Islam yang wujud di sekeliling pinggang.

-
13. Haji Dasuki Haji Ahmad "Ikhtisas Perkembangan Islam", DBP, KL, 1982 ms 183
 14. M.A.Rauf, "Ikhtisas Sejarah Islam", ms.70

CERITA SANG KURIANG

Tempat yang bernama Bandung itu asalnya sebuah danau yang luas. Bukit Tangkuban Parahu asalnya sebuah perahu yang tertangkap kerana ditendang oleh Sang Kuriang dan sebuah kawah Gunung berapi ialah tempat ibu Sang Kuriang, Dayang Sumbi, menerjunkan dirinya sedih di atas peristiwa yang akan diceritakan ini.

Seorang Raja yang gemar berburu bertemu dengan seorang gadis di dalam hutan. Nama gadis ialah Dayang Sumbi. Mereka berkahwin. Di istana raja selalu ditimpa kemalangan. Ahli nujum meramal Dayang Sumbi yang membawa mala petaka. Dayang Sumbi terpaksa disingkirkan ke dalam hutan semula bersama satu alat menenun kain dan ditemani seekor anjing hitam.

Dalam hutan Dayang Sumbi bertenun. Sedang asyik bertenun, lumin benangnya terjatuh ke dalam sebuah lurah yang dalam. Dia terus bermazar kalaularah orang yang mengambil luminnya itu lelaki, dia akan berkahwin dengan orang itu. Kalau perempuan mengambilnya, dia akan jadikan perempuan itu sahabatnya seumur hidup. Tiba-tiba anjing hitamnya menuruni lurah itu dan mengambil luminnya. Dia berkahwin dengan anjing hitam itu dan mengandungkan "Sang Kuriang"-ibu manusia bapanya anjing!

Sang Kuriang dipelihara dengan baik tetapi amat pemalas. Suatu hari ibunya menyuruhnya memburu kerana ibunya ingin memakan hati goreng. Anak yang malas amat lambat bertindak. Setelah puas disuruh bahaerulah Sang Kuriang mengambil panah dan busarnya. Tengahari itu mereka makan hati goreng. Ibunya teringat hendak memberikan sekeping hati goreng kepada suaminya si anjing hitam. Puas dipanggil tidak juga muncul. Akhirnya Sang Kuriang bercakap benar. Hati goreng itu ialah hati anjing hitam.

Emaknya marah. Amat marah sekali. "Itulah bapa kau!" herdik Dayang Sumbi. Dipukuinya anak itu hingga parah kepalanya dan diusir Sang Kuriang dari situ. Anaknya meninggalkan hutan itu dan hidup bersama manusia lain di dunia yang lebih luas.

Setelah mencapai umur dua puluh tahun Sang Kuriang bertemu dengan seorang wanita yang menawan hatinya dan mereka berkasih-kasihan. Sedang wanita itu menyisir rambut Sang Kuring, dia bertemu dengan parut luka di kepala. Wanita itu terkejut kerana dia sebenarnya Dayang Sumbi. Dia juga meninggalkan hutan rimbanya mencari Sang

Kuriang. Bila ditanya mengenai parut itu Sang Kuriang menceritakan kisah yang terjadi. Dayang Sumbi mencari helah tidak mahu berkahwin dengan anaknya tetapi rahsia dirinya tetap hendak dipendamkan.

Sang Kuring mendesak supaya mereka berkahwin esok harinya. Dayang Sumbi lantas meletakkan syarat. Dia meminta Sang Kuriang membuat sebuah danau yang besar dan menyediakan perahu besar untuk mereka bersenang-senang di hari perkahwinan besoknya.

Sang Kuriang menyeru dewa-dewa dan pari-pari menolongnya. Sebuah bukit runtuh kerana mengampangkan Sungai Citarum yang berlari di Lembah Bandung dan airnya menjadi danau besar. Beberapa dewata pula membuat perahu besar. Ini mengagitkan Ibu Sumbi. Sebelum fajar menyingsing, danau dan perahu hampir siap semuanya. Dayang Sumbi melemparkan sehelai daun yang telah diserapahnya dengan nama Brahma ke dalam danau. Danau itu mengering dan dasarnya menjadi tanah rata. Sang Kuriang naik marah melihat keadaan itu lalu ditendangnya perahunya yang hampir siap itu dan tertangkup di situ.

Sang Kuriang nampak jelas kekasihnya tidak jujur lalu membunuhkan dirinya. Dayang Sumbi juga terlalu sedih melihat nasib yang menimpa anaknya lalu diapun menerjunkan dirinya ke dalam sebuah lubang dan lubang itu dipanggil sekarang "Kawah Ratu". Lubang itu sebenarnya ialah kawah sebuah gunung berapi. Bunyi yang mengisak-isak dari kawah itu dikatakan bunyi ibu yang masih menangis. Gunung tinggi memanjang merupai serumpu sebuah perahu yang tertangkup dipanggil "Tangkuban Perahu" hingga sekarang.

Dalam Tahun 1971 Ibu Sumbi masih menangis dan menyemburkan lumpur panas sejauh lima meter. Di sekeliling Tangkuban Parahu terdapat kesan-kesan pendudukan orang Zaman Batu. Orang-orang inilah yang membuat cerita dongeng ini. Ada satu yang tidak dongeng. Orang di Bandung pandai membuat jamu awet muda resipi Dayang Sumbi.

6000 tahun dulu, ikut ahli kaji bumi, memang wujud danau yang luas di dasar Bandung sekarang. Erti "Bandung" itu ialah "luas"

BERLAGA AYAM

Satu dari kegemaran orang-orang melayu ialah berlaga ayam atau menyabung ayam. Permainan ini, jika boleh dipanggilkan permainan, berasal beratus-ratus tahun melahan beribu tahun jika dikira ia telah wujud di zaman Kerajaan Langkasuka lagi.

Arena ayam berlaga ini dipanggil "bon". Bon zaman dahulu merupakan sebuah lubang dua kali dalam yang dikorek bulat dengan garis lentang sepanjang 14 kaki di atas tanah. Bon sekarang tidak dikorek tanah lagi tetapi di atas keluasan yang sama kawasan itu dilengkungi dengan guni atau kain plastik sebagai dinding.

Ketua yang menjadi pengadil perlagaan ialah "Nai Bon". "Nai" ialah Tuan atau Ketua dalam bahasa Thai. Nai Bon ialah orang yang menentukan masa pusingan, jumlah pusingan dan syarat-syarat lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Satu-satu pusingan itu dipanggil "Air". Satu air berlangsung selama lima belas minit iaitu selama sebijik batil yang berlubang kecil tenggelam di dalam sebuah pasu air. Sekarang ini batil itu digantikan dengan tempurung sahaja.

Sebelum memulakan perlagaan, ayam-ayam yang hendak bertanding dipadankan terlebih dahulu. Banyak pasang dipadankan serentak di dalam bon. Pasang-pasang yang hendak berlaga di pegang dan diletakkan menghadapi satu sama lain oleh tuannya atau juara masing-masing.

Juara ialah orang yang membawa ayam masuk ke dalam bon, boleh jadi tuan ayam itu sendiri atau orang lain yang dipercayai oleh tuan ayam.

Persetujuan antara tuan ayam dan juara-juara dengan pasangan masing-masing perlu diperolehi dengan jelas. Nai Bon memerhatikan persetujuan-persetujuan itu dihormati kelak.

Selepas upacara berpadan, ayam-ayam diambil semula dan bersiap diri untuk berlaga. Masa ini tuan-tuan ayam akan berusaha menambah susuh, membalut susuh, meletakkan taji dan sebagainya supaya ayam-ayam berlaga sama padan dan sama sesuai seperti yang dipersetujui tadi.

Menambah susuh ialah melekatkan susuh yang diambil dari ayam yang telah mati tetapi susuh itu masih keras, kuat dan tajam. Susuh yang diraut dari tanduk tidak menjamin keberkesanannya seperti susuh ayam tua.

Jika seekor ayam itu mempunyai susuh yang terlalu patijang dari lawannya, susuhnya hendaklah dibalut sedikit.

Ayam-ayam itu dibasuh dengan air biasa. Air ini dibasahkan kepada sehelai kain dan dengan kain itu seluruh badan ayam dari kepala hingga ke kakinya dibasuhkan. Bulu-bulu sayap, bahagian bawah sayap dan ekornya digosok hingga basah kuyup.

Rengkung ayam di jolok dengan bulu ayam supaya keluar lendir yang boleh mengganggu pernafasannya.

Sebelum berlaga tuannya membuat persediaan di rumah secara memandikan ayam-ayam laganya dengan air yang bercampur akar-akar kayu dan daun-daun ubat mengikut petua masing-masing.

Ubat ini dipanggil pakan dan dapat menguatkan kulit ayam. Satu dari ubatnya ialah teras kayu keluat, sejenis kayu hitam seperti arang yang didapati di Petani, diasah-asah dan dilumurkan ke kulit ayam sabung. Biasanya sebelum turun berlaga tuan ayam akan memberi ayamnya meminum seteguk air keluat ini.

Setengah juara membungkus kelapa parut dengan kain kemudian dipedapkan ke atas tungku panas dan didemahkan pula di seluruh badan ayam semalam-malaman sebelum hari perlawaan. Ini pun boleh "mengkelaskan" kulit ayam dan menjadi pakan yang baik. Kulit yang berpakan begini tidak mudah ditembusi jarum. Tetapi apabila ayam berada di bon di bawah awasan Nai Bon, ayam-ayam dibenarkan basuh dengan air biasa yang disediakan Nai Bon sahaja.

Sebelum dilepaskan ayam ke dalam bon atau arenanya, Nai Bon akan meminta juara-juaranya membawa ayam masuk ke dalam bon membuat persetujuan atau tidak untuk mengadakan perlagaan cubaan terlebih dahulu. Cubaan ini berjalan selama dua atau tiga minit. Dalam istilah perlagaan ayam masa percubaan ini dipanggil "Jum".

Jika ada ayam yang lari dalam masa "Jum" ini atau keriau yakni menjerit kesakitan akibat serangan lawannya, perlagaan dibatalkan dan dikira tak aci, dan tuan ayam yang kalah tidak dikenakan sebarang penalti.

Selepas percubaan ini atau "Jum" tadi, perlagaan diteruskan sehingga satu air. Permulaan perlagaan yang rasmi itu diisyaratkan oleh Nai Bon dengan teriakannya, "Aci, sekang Aci".

Kadang-kadang juara dan tuan-tuan ayam bersetuju meneruskan perlagaan rasmi dengan tidak melalui masa percubaan dan ini dipanggil persetujuan "Lepas Ekor" iaitu berlaga terus. Nai Bon bolehlah meletakkan syarat-syaratnya berlawan terus. Syarat-syarat Nai Bon ialah mengistiharkan masa satu air dan jumlah pusingan yang telah dipersetujui.

Selepas cukup pusingan atau "Air"nya ataupun diketahui alah menangnya, perlagaan direntikan.

Satu-satu perlagaan pernah berlangsung sampai salah seekornya lari, menjerit kesakitan atau jatuh mati. Sekarang satu-satu perlagaan ditetapkan untuk enam air sahaja walaupun ayam-ayam masih berdegil menunjukkan kehandalan masing-masing, perlagaan itu direntikan dan dikira seri.

Selepas satu air atau 15 minit ini, ayam yang berlaga dirchatkan. Juara atau tuan ayam akan memulihkan ayamnya masing-masing. Ayam akan dibasuh dari debu dan kotoran, mencuci darah, mencuci lengkung dengan bulu ayam, menebuk kulit yang dimasuki angin, mendemah luka dan bengkak-bengkak, menjahit luka dan sebagainya.

Waktu rehat ialah selama lima belas minit juga.

Nai Bon menyediakan sekeping tin atau belanga di atas api yang sentiasa bernyala dan juara-juara ayam akan menekankan kain-kain lembut di permukaan tin atau belanga itu kemudian mendemahkan kain panas itu ke tempat-tempat luka dan bengkak ayamnya. Juara juga akan mendemah di merata-rata bahagian badan ayam terutama di muka, di bawah sayap dan di tapak kaki sebagai menyegarkan ayam.

Dalam sesuatu perlagaan, ayam yang kena tikam dengan susuh, ataupun "Kena Patah" sehingga jatuh boleh diangkat oleh Nai Bon supaya berdiri semula dan berlawan. Jika selepas tiga kali ditolong begitu ayam yang jatuh tak dapat berdiri lagi, ayam itu dikira kalah dan perlagaan dihentikan. "Kena Patah" bermaksud terseluh atau silap urat di leher, penangan susuh atau betis lawannya.

Ayam yang "Kena Patah" biasanya berpusing-pusing di dalam bon seperti kehilangan pedoman oleh terlalu sakit dan setengahnya berterbangan hingga keluar bon. Ayam ini ditangkap oleh juaranya dan ditempatkan di dalam bon semula supaya bertarung terus. Ini dilakukan jika ayam yang "Terkena Patah" tidak "kiok" iaitu menerbitkan suara. Jika "kiok" ayam itu dikira kalah dan perlagaan direntikan.

Ayam-ayam untuk perlagaan dipelihara khusus dari baka-baka yang biasa menang dalam perlagaan dahulu-dahulu. Baka-baka ayam yang biasa disebut antaranya ialah Kimin, To-on, Kamnyi, Eluang, Eset, Edang, Elau, Ekiau, Ekim, Biring, Cempa dan lain-lain.

Baka-baka ini dikenali dari warna-warna bulu, paruh, kuku, mata dan sisik kakinya serta saiz.

Ayam-ayam yang dipelihara untuk berlaga ini diberi pula latihan-latihan jasmani, diberi makan ubat-ubat, diberi makan padi dan gandum,

katak dan daging yang dipercayai boleh menguatkan ayam-ayam tersebut. Ayam-ayam sekarang banyak menelan pil kalsium.

Latihan jasmani ayam-ayam ini mengikut kepakaran tuannya. Ada yang melepaskan ayam ke dalam kolam supaya berenang beberapa minit setiap hari. Ada pula yang meletakkan makanan ayamnya di tempat tinggi supaya ayamnya dapat meriadahkan leher dan ada pula yang mengajar ayamnya melompat-lompat dan menendang ayam lain yang dipegang oleh tuannya.

Air akar kayu yang dimandikan ayam atau diberinya minum ialah rebusan dari pelbagai ramuan seperti akar seruntun, kunyit, limau purut, akar serta daun dan batang pokok pakan ayam daun pokok susuh ayam betina, lada hitam, bawang merah dan lain-lain lagi.

Ayam-ayam yang terlalu panas kerana terlalu banyak memakan ubat dan mandi air akar-akar kayu, diberi makan pisang dan isi-isi siput supaya badannya sejuk dan sihat.

Perlagaan ayam atau menyabung ayam ini diharamkan oleh kerajaan negeri sejak 1909 kerana melarang penduduk-penduduk melakukan seksaan terhadap binatang-binatang dan menghapuskan perjudian yang timbul dari perlagaan ayam.

HALU PULAU

Halu Pulau - ialah pesta menumbuk emping di kalangan penduduk kampung. Lima orang penduduk : Lelaki atau perempuan akan mengambil bahagian dalam satu-satu kumpulan "Halu Pulau" ini. Empat orang akan menggunakan empat batang halu menumbuk segengam padi pulut muda di sebuah lesung. Seorang lagi akan menumbuk dengan sebatang halu yang paling kecil dari lima batang tadi sebagai "Penganak" atau perentak lagu.

Bunyi dentuman halu yang bergilir-gilir menumbuk ke lesung itu mengeluarkan irama yang musical. Pesta ini dilakukan sesama mereka dan kampung lain akan mengadakan pula pesat yang sama di kampung mereka. Sebab itulah pesta ini dipanggil "Halu Pulau" kerana kampung-kampung yang berasingan, berselang seli dengan banjaran bukit dan lembah-lembah sawah yang luas, berupa sebagai kelompok-kelompok terpencil sebagai pulau-pulau pula.

Pesta ini biasanya diadakan di sebelah malam bulan pernama di musim padi hampir masak. Padi-padi pulut yang hampir masak dikumpul dan ditumbuk dijadikan emping.

Emping yang telah ditumbuk akan ditampi supaya keluar sekam dan dedaknya kemudian dimakan bersama-sama. Gadis-gadis ayu akan menggaulkan emping yang rangup rapuh ini dengan kelapa dan gula untuk disajikan kepada jejaka pilihannya.

Suasana menjadi riuh rendah dengan gelak ketawa apabila terdengar pula hentakan halu dan lesung dari kampung-kampung lain yang berhampiran. Hentakan "Huhi pulau" ini bergema di seluruh lembah sehingga bulan menjadi samar dilindungi bukit.

Majlis-majlis kenduri kahwin, berkhatam Quran, berkhatan dan menyambut kepulangan anak dari merantau biasanya dihiasi dengan pesta "Halu Pulau" di sebelah malamnya. Masa-masa yang tidak ada padi pulut muda, padi pulut usang pun boleh dijadikan emping setelah direndam semalam.

Bagi mengeluarkan bunyi dentuman yang nyaring antara lesung dan halu, kayu untuk dibuat lesung dipilih dari kayu temak yang tumbuh di bukit. Halu-halunya boleh juga dibuat dari kayu temak tetapi boleh pula dibuat dari kayu-kayu lain seperti kayu medang kok, medang kemangi, kayu encong kecil, kayu cempedak dan kayu nangka. Pokok-pokok ini dipilih yang mempunyai teras yang baik dan tidak mengandungi air yang banyak. Pokok-pokok yang tumbuh di bukit-bukit amat sesuai kerana

mereka memperolehi air hanya dari embun dan hujan sahaja sepanjang hidupnya.

Kayu-kayu yang dipilih menjadi lesung dan halu di jemur ke panas matahari sehingga betul-betul kering sebelum dibentuk seperti yang diperlukan oleh tukangnya. Halunya pula tidak dibuat semuanya sama panjang tetapi mempunyai ukuran yang berlainan. Halu yang tidak sama panjangnya ini akan mengeluarkan bunyi yang berlainan dan menimbulkan irama dalam hentakannya.

Keletihan tidak terasa. Peluh badan sihat yang memercik ketika menumbuk empin g bercampur dengan titikan embun membasahi pakatan masing-masing.

Pesta "Halu Pulau" masih hidup di beberapa buah kampung di Kubang Pasu seperti Kampung Darat, dan Kampung Wang Perah.

LAGENDA MAHSURI PUTERI LANGKAWI

Dua ratus tahun dahulu sempadan Negeri Kedah dengan Siam ialah Sungai Terang dan sempadannya dengan Negeri Perak di selatan ialah Sungai Kerian. Pusat pentadbiran negeri terletak di Alor Setar sedangkan angkatan laut yang bertanggungjawab mengawal keselamatan dan ketenteraman rakyat jelata dan dagang senteri berpusat di Pulau Langkawi. Bantuan-bantuan dari Langkawi sentiasa diperlukan untuk mengusir perompak lanun yang mengganggu kapal-kapal dagang dan perahu-perahu nelayan di sepanjang pantai Kedah walaupun benteng dan angkatan laut di kuala-kuala dibentuk oleh shahbandar dan penghulu kuala masing-masing.

Pelabuhan di Langkawi terletak di Padang Matsirat dipanggil Pengkalan. Pelabuhan ini sentiasa dipenuhi oleh kapal-kapal layar, jung, lancang, perahu dan tongkang dari Aceh, Siak, Lombok, Jawa, Siam dan Burma serta dari negeri-negeri Melayu seperti dari Perak, Selangor, Petani, Melaka dan Pulau Pinang. Di samping itu terdapatlah perahu dan jung dari tanah besar Kedah dan dari wilayah-wilayahnya Setul, Pangnga, Perlis dan Terutau.

Sultan di Alor Setar menganugerahkan kuasa istimewa kepada Dato' Pekerma Jaya yang mewakili baginda di Pulau Langkawi untuk mentadbirkan Pulau itu dan menjamin hubungan baik dengan saudagar-saudagar dari luar negeri dan juga dengan saudagar-saudagar dari kalangan rakyat baginda sendiri yang singgah di Langkawi. Dato' Pekerma Jaya tinggal di Kampung Raja berhampiran pelabuhan Pengkalan dan Pekan Padang Matsirat.

Suatu keluarga tiga beranak berhijrah ke Pulau Langkawi dari wilayah Setul. Mereka bertiga ialah Pak Andak Mayah, Mak Andak Alang dan anak perempuan mereka bernama Mek Yah. Pak Andak Mayah ini berasal dari Sumatera dan merantau ke Setul. Selepas beberapa ketika Pak Andak Mayah bertemu jodoh dengan Mak Andak Alang di sana. Mak Andak Alang berasal dari Gerebi sebuah tempat yang terletak bersentetangan dengan Pulau Tongka. Pulau Tongka dikenali sebagai Pulau Phuket sekarang ini. Mek Yah merupakan seorang anak dara sunti ketika menyertai emak dan bapanya belayar ke sini.

Keluarga tiga beranak ini menumpang jung seorang saudagar dari Setul dan singgah di Pengkalan. Mereka tinggal di pekan Padang Matsirat beberapa hari sebelum bertemu tempat yang sesuai untuk mereka membuka tanah menanam padi. Pak Andak Mayah yakin beliau tidak

berbakat mencari malkah sebagai pelaut atau seorang nelayan. "Laut itu," katanya kepada Mak Andak Alang, "Sejengkal pun laut, sehasta pun laut!"

Pak Andak Mayah dan Mak Andak Alang mendirikan sebuah pondok kecil di tepi sebuah bukit di mukim Ulu Melaka. Kampung itu bernama **Mawat**. Mata pencarian Pak Andak Mayah ialah menanam padi huma, menanam jagung, pisang, tebu, dan ubi. Di samping itu Pak Andak Mayah juga memungut jagung, pisang, tebu dan ubi. Di samping itu **Pak Andak Mayah** juga memungut getah meranti untuk dibuat damar dan mengumpul sarang burung layang-layang dari gua-gua dalam bukit **di situ**. Sarang burung ini sangat digemari oleh saudagar-saudagar Cina yang datang dari Pulau Pinang, sedangkan damar ialah bahan yang dibakar sebagai pelita oleh orang-orang tempatan pada zaman itu.

Pak Andak Mayah juga mengumpul kayu-kayu dan akar-akar pokok besar seperti yang dipesan oleh tukang-tukang pembuat kung perahu. **Mak Andak Alang** pula tidak berhenti henti menganyam tikar, menimbuli **bakul**, lekar dan terendak. Mak Andak Alang rajin pula menanam sirih, pinang, dan mengumpul buah-buah kelapa. Pak Andak Mayah juga menerima tempahan meucari kayu cendana, kayu gabur, kayu hitam, kayu kederang, kayu arang, pakan dan sepang. Dalam masa yang tidak berapa lama Pak Andak Mayah dan Mak Andak Alang telah mendirikan rumah yang agak besar dan tidak dianggap sebagai orang miskin lagi.

Apabila Pak Andak Mayah berkehidupan agak senang kerana rajin dan usaha mereka sekeluarga maka timbullah dakwaian mengatakan Pak **Andak Mayah** seuang-leuang anak beranak kerana mereka telah menemui **sejenis** haiwan bertuah dipanggil ular cinta mani atau ular itik.

Suatu hari sedang Pak Andak Mayah bekerja di kebun tebunya dia **tercangkul** sebungkah ubi yang aneh. Ubi itu dibawanya pulang dan **diumujukan** kepada isterinya. Mak Andak Alang mengambil ubi itu dan **menyimpannya** di bawah dapur bersama-sama kayu api. Pada tengah **malamnya** mereka terkejut dari tidur kerana terdengar suara itik dari bawah dapur. Rupanya ubi yang diletakkan di situ telah menjadi seekor ular itik. Badannya panjang dan licin seperti ular tetapi kepalanya bersudu seperti kepala itik. Pak Andak Mayah menyembelih ular itik itu dan memanggangnya pada malam itu juga dan memakannya anak beranak.

Dari tempat lain timbul pula dakwaian mengatakan Pak Andak Mayah telah menemui sekeping kerak nasi berhampiran dangan di sawahnya. Kerak nasi itu didengarnya mengeluarkan suara seperti suara orang menangis terisak-isak. Pak Andak Mayah membawa kerak nasi itu balik ke rumahnya dan ditanak sekali dengan nasi makanan tengah hari mereka

anak beranak hari itu.

Inilah yang dikatakan oleh penduduk-penduduk Padang Matsirat sebagai peristiwa-peristiwa yang membawa tuah kepada Pak Andak Mayah dan menyebabkan mereka menjadi kaya.

Isteri dan anak gadis Pak Andak Mayah setiap hari giat membantunya di sawah dan di huma, menumbuk padi dan mengapit tebu. Di sebelah malam mereka membersihkan damar dan sarang burung untuk di bawa kepada taukeh-taukeh Cina di pekan Padang Matsirat. Pak Andak Mayah membawa hasil tanamannya dan barang-barangan lain ke pekan dengan kereta kerbau.

Tercetus pula cerita di warung-warung Padang Matsirat kononnya suatu malam Mak Andak Alang telah merendam beras hendak dibuat tepung. Pagi-pagi esoknya beras itu telah berakar.

Tidak berapa lama Mak Andak Alang tahu dirinya sedang mengandung anaknya yang kedua. Setelah genap sembilan bulan sepuluh hari maka Mak Andak Alang pun rasalah goyah hendak bersalin. Pak Andak Mayah berpesan kepada anaknya Mek Yah jangan meninggalkan emaknya semasa dia pergi menjemput bidan.

Bidan meminta Pak Andak Alang memasak air dan memungut sirih. Pak Andak Mayah terkejut melihat air telaganya kekeringan dan pokok sirihnya telah kurus dan mejalar terlalu tinggi ke tempat lain. Pak Andak Mayah terpaksa mengambil air dari bejana di atas rumahnya dan meletakkan beberapa helai sirih kering di dalam pinggan pengkeras.

Pada malam yang kelam gelemat itu seorang bayi perempuan yang bersih tidak berdarah jatuh ke lantai dengan tangisan yang mendayu-dayu tidak berhenti-henti. Tangisannya terhenti hanya setelah Pak Andak Mayah mengambil bayi itu dan mengazarkan telinga kanannya dan mengkamatkan telingan kirinya. Anak ini diberi nama Mahsuri - siar cahaya di malam kelam.

Ada orang mengatakan malam Mahsuri dilahirkan ialah malam tujuh lekor bulan Ramadhan. Pada malam itu kononnya air telaga menjadi beku dan pokok-pokok kayu rebah sujud ke arah matahari jatuh menghala ke kiblat. Mek Yah menduduikan adiknya.

Du du dui,
Du dui du du dui,
La ilaha illallah
Muhammad ar Rasul Allah
Du du dui
Du dui la sayang
Mahsuri la nak dudui

Buah jambu masak,
Masuk hujung Julai.
Apa jannu kakak,
Jannu nasi gulai.

Hulu golok Tok Cuh,
Tempa Sungai Laka.
Adik jangan gaduh,
Kakak duduk jaga.

Ayam denok dari,
Kukuk Lalung-lalung,
Jangan tengok kami,
tengok buah melung.

Melung tanah lembah,
Merak makan jantung,
Angkat tangan sembah,
Sembah dengan pantun.

Jantung Tok Cik Anum,
Sabung Dewa Raja,
Minta air minum,
Adik mabuk ganja.

Ganja dalam batil,
Tepak dalam dulang
Belanja tujuh tabil,
Nanti bapa pulang.

Pak Andak Mayah dan Mak Andak Alang meningkatkan lagi usaha mereka mencari rezeki kerana keluarga sudah berempat. Mak Andak Alang menambahkan kegiatannya secara membekalkan kemenyan dan setanggi, air ukup dan kereek serta pelbagai jenis bedak, celak dan bau-bauan yang digemari oleh wanita-wanita ketika itu kepada peraih-peraih di Padang Matsirat.

Timbul pula desas-desus mengatakan Pak Andak Mayah sekeluarga menjadi kaya raya kerana pokok serai Mak Andak Alang telah menerbitkan bunga. Di mana-mana pun di pulau ini pokok serai belum lagi pernah berbunga. Tiba-tiba kononnya pokok serai Mak Alang telah

berbungga dengan suburnya. Di bawah pokok serai itu keroncongnya terdapat berbungkal-bungkal emas.

Pak Andak Mayah terkenal kerana sering mengadakan pesta di rumahnya seperti pesta mengemping iaitu "Pesta Halu Pulau"- ramai-ramai menumbuk emping sehingga mengeluarkan irama orang bergendang. Pak Andak juga mengajurkan pesta menghirik padi; dan pesta menghurai padi beramai-ramai. Tetapi pesta yang dianggap meriah ialah ketika melangsungkan perkahwinan kakak Mahsuri, Mek Yah, dengan seorang saudagar dari tanah besar bernama Alang Pulau.

Apabila Mek Yah berpindah mengikut suaminya tinggallah Mahsuri menjadi anak kesayangan tunggal kepada Pak Andak Mayah dan Mak Andak Alang. Anak dara sunti yang manja dan pitah ini tiada taranya di seluruh Kampung Mawat dan Bukit Temin. Namanya bermain di bibir anak-anak muda Padang Matsirat kerana Mahsuri mempunyai raut muka yang menawan dengan budi pekerti dan tingkah laku yang tiada tolak bandingnya di seluruh Langkawi.

Mahsuri gemar menungut bunga-bungaan di halaman rumahnya. Bunga yang diselitkan di rambutnya akan segar tidak layu-layu hingga ke petang. Bunga putih yang dipakai maka kulitnya turut putih keputihan. Jika bunga merah yang dipakai kulitnya turut merah kemerahan. Ada orang yang mengatakan kulitnya sentiasa cerah bersih dan dapat dilihat bayang darah yang mengalir. Hujung-hujung jari yang bertompok sentiasa merah seperti diinai. Air mukanya mengiring cuaca, di sebelah pagi berseri pagi dan disebelah petang berseri petang-tiada bertara serinya pada zaman itu.

Matanya bagai bintang timur yang menusuk ke dalam sanubari dan memukau sesiapa yang melawan pandangannya.

Suaranya lemak manis bagaikan sakar dengan susu yang boleh menyegarkan jiwa yang sunyi sepi.

Berpantun orang hadrah :

Telaga mana adik mandi?
Telaga batu air selopak,
Tara mana encik nak cari?
Rambut sepangku pinggang secekak.

Apa riuh di balik bukit?
Budak-budak main menora,
Tarik senyum keneng terangkit,
Macum mana hati tak gila.

Lembu siapa tambat pantai?
Rumput manis di hutan gelam.
Ilmu siapa dia dok pakai?
Senyim sekali manis tang malam.

Ikan tenggiri ikan di laut,
Pecah lemak berlenang-lenang;
Tangan kiri menghurai rambut,
Tangan kanan mengapur pinang.

Kejelitaan Mahsuri menarik perhatian Dato' Pekerma Jaya. Dato' sendiri mempunyai hasrat memperisterikan Mahsuri sebagai isterinya yang kedua. Isterinya Datin Mahura adalah seorang yang cantik dan dianggap wanita yang paling rupawan di seluruh kepulauan Langkawi dan Terutau. Datin Mahura tidak senang menyedari wujudnya orang lain yang lebih cantik dari dia. Sejak Dato' Pekerma Jaya membayangkan hasratnya ingin memperisterikan Mahsuri, sejak itulah Mahsuri merupakan musuh ketat kepada Datin Mahura. Datin Mahura menyedarkan Dato' Pekerma Jaya dengan lantang betapa tidak sesuai sekali Dato' Pekerma Jaya dengan perawan yang sebuya dengan cucunya. **Bukankah Dato' menjadi harapan dan kepercayaan Sultan di Langkawi? Bertindak sebagai orang yang tidak waras tentulah tidak bijaksana.**

Takdir Tuhan mengatasi segala-galanya. Kehendak Dia juga yang berlaku. Selepas menuai tahun itu Mahsuri terus dilamar oleh seorang ahli perniagaan di pulau itu. Lamaran itu diterima sewajarnya oleh Pak Andak Mayah dan Mak Andak Alang.

Majlis perkahwinan Mahsuri dengan suaminya yang bernama Wan Yahaya di ra'ikan oleh sekelian kawan rakan dan anak buah Pak Andak Mayah. Boleh dikatakan seluruh pemuda dan pemudi yang mengenali keluarga Mahsuri dan yang pernah memujanya dari jauh telah datang melihat pengantin yang tiada tolok bandingnya dalam hayat mereka.

Wan Yahaya mempunyai kaitan perniagaan di luar Langkawi khususnya dengan saudagar-saudagar di Pulau Pinang dan di utara Kedah iaitu di Thailand Selatan sekarang ini. Oleh kerana Wan Yahaya selalu belayar meninggalkan Pulau Langkawi sekali sekala memakan masa berminggu-minggu lamanya, maka mahsuri lebih senang ditinggalkan di rumah bapanya sendiri di Kampung Mawat. Ini menyenangkan Wan Yahaya menguruskan perniagaannya di perantauan.

Langkawi bertambah sibuk didatangi oleh pedagang-dan perantau. Pulau yang disinggahi oleh beratus-ratus kapal dan perahu ari segenap

anali mata angin menyebabkan penduduknya bertambah ramai dan pelabuhan Pengkalan dipenuhi manusia siang dan malam. Pak Andak Mayah tersenyum lebar kerana di dalam kesibukannya ke Pengkalan membawa dagangananya. Mabsuri telah selamat melahirkan seorang anak lelaki di rumahnya di Mawat. Pak Andak menanamkan cucunya Wan Muhammad Arus, mengantarkan menatunya yang sedang belayar dibawa arus.

Sekonyong-konyong tiba seorang perantau bernama Deraman ke Pulau Langkawi dan terus berkenaan dengan Pak Andak Mayah. Deraman ini asalnya orang Batu Bara di Sumatera dan pernah bermusafir ke Melaka, ke Kedah, ke Selul. Dari Selul, Deraman belayar ke Langkawi. Deraman pandai membaca hikayat dan mempunyai suara yang lunak dan mengasyikkan apabila bersyair dan berpantun.

Pak Andak Mayah sekeluarga terpesona dengan pembawaan Deraman yang lemah lembut dan suaranya yang lemak manis serta kelancaran mengkisahkan serita cerita jenaka yang dipungutnya dalam perjalanan hidupnya ke sana ke mari. Deraman dipelawa tinggal di rumah mereka di Kampung Mawat.

Deraman yang tidak mempunyai sebarang mata pencarian yang tetap menerima sagu hati yang disuraukan kepadanya selepas membaca hikayat atau membacau syair. Mabsuri sendiri konominya pernah memberikan sebentuk cincin dan kain cindai kepada Deraman sebagai menghargai sumbangannya membaca hikayat dan membacau syair kepada orang-orang kampung yang berkumpul di rumah Pak Andak Mayah itu.

Deraman membalias budi baik Pak Andak secara menolongnya membawa kereta kerbau yang dimuatkan dengan pelbagai barang ke pekan Padang Matsirat dan kadang-kadangnya ke Pengkalan. Deraman juga membantu Pak Andak di sawah sedikit-sedikit, memberikan rumput dan jerami kepada kerbau-kerbau peliharaan Pak Andak dan membersihkan kawasan rumah. Rumah Pak Andak menjadi tempuan anak-anak muda yang ingin berhibur hati mendengar suara Deraman istimewanya di sebelah malam.

Apabila Mabsuri memasak di dapur atau membasuh di pergi, Deramanlah orang yang menghayunkan buaian Wan Muhammad Arus menjerapkan lela anak kecil itu:

Kapal belayar di tengah lautan,
Singgah sehentar di Pulau Pangkur.
Orang di sini rindu tak makan,
Abang di sana rindu tak rindu.

Ribu-ribu ditengah jalan,
Sayur bayam kuahnya manis.
Rindu siang di bawa berjalan.
Rindu malam di bawa menangis.

Banyak-banyak bintang yang seni,
Ada sebiji bintang tembaga;
Banyak-banyak orang di sini,
Wan Mat Arus bertentang mata.

Dua tiga genggong ku patah,
Mari ku genggong si batang padi;
Dua tiga gunung ku langkah,
Wan Mat Arus terlekat di hati.

Ayam denak dari Perlis,
Sangkut racik di julai ruku;
Sungguh jinak ambil tak boleh,
Macam falat hinggap di kuku.

Nasi manis ulamnya jantung,
Jantung dibawa dari seberang;
Tunduk menangis kenangkan untung,
Untung nasib di negeri orang.

Pisang temanang tumbuh di batu,
Buah ada jantung tiada,
Sudah terkenang nasib badanku,
Tuah ada untung tiada.

Anak udang bersama udang,
Anak gelama mudik bergalih;
Kalau bujang bersama bujang,
Berjalan sama apa nak salah,

Burung belatuk mengeram telur,
Pecah sebiji di dalam gua;
Abang dah mengantuk marilah tidur,
Bantal sebiji kita berdua.

Bintang atau ruak dadanya merah.
Terbang hinggap di muka pintu;
Saya melawak janganlah marah,
Abang adik saja begitu.

Sandar a ini kepada suami Mahsuri bernama Wan Idris tidak senang melihat perhubungan mesra antara mahsuri dengan Deraman. Dia menganggap tidak manis Mahsuri melayan orang-orang muda yang ramai mengunjungi rumah Pak Andak Mayah setiap malam.

Wan Idris mengutus surat kepada adiknya Wan Yahaya yang sedang menguruskan perniagaannya di Nampoi, sebuah pekan yang terletak di sempadan antara Legur dan Senggura. Suratnya mengatakan isterinya Mahsuri telah berlaku sumbang dengan Deraman, seorang pemuda yang menumpang di rumah Pak Andak.

Wan Yahaya amat sedih dan marah mendengar berita yang tidak enak ini. Iantas mengutuskan surat kepada Dato' Pekerma Jaya dan memohon ikhlasannya menghukum pihak yang bersalah. Adakah patut si isteri berlaku sumbang dengan orang lain ketika suami merantau mencari nafkah.

Dato' Pekerma Jaya menjalankan penyiasatan di kalangan orang-orangnya dan masing-masing telah mengiakan yang Mahsuri sememangnya mempunyai hubungan erat dengan Deraman. Isteri Dato' Pekerma Jaya yang sememangnya sudah tidak senang dengan kemunculan Mahsuri di alam Langkawi mencadangkan supaya satu hukuman yang selaras dengan dosanya dipalarkan segera.

Datin Mahura mengatakan "Sudah lama adinda melihat telatah Mahsuri dengan Deraman yang amat melampau dan memalukan di Kampung Mawat. Meraka berbalas-balas pantun dan pernah tidur sebantal."

Dato' Pekerma Jaya tidak terfikir tentang hukuman lam dari diselang atau disula iaitu seperti yang dilakukan oleh raja-raja Melayu zaman berzaman kepada orang-orang yang melanggar adat kesopanan seperti berzina dan bermukah. Hukuman ini boleh menjadi contoh dan tauladan kepada anak-anak muda lain supaya tidak terjebak melakukan kesalahan yang sama.

Mahsuri ditangkap dan diseret waktu ayam berkokok menyambut Subuh. Dia diikat di sebatang pokok asam jawa di Padang Matsirat. Puas Mahsuri meminta penjelasan mengapa dia hendak dibunuh tetapi panglima-panglima Dato' Pekerma Jaya menengkingnya supaya

mendengar sendiri dari Dato' Pekerma Jaya nanti. Setelah diikat, Mahsuri ditinggalkan di situ sehingga matahari tinggi segalah sementara menanti orang ramai dipanggil berkumpul mendengar pengistiharan Dato' Pekerma Jaya.

Deraman melihat Mahsuri diseret dengan biadapnya oleh beberapa orang panglima Dato' Pekerma Jaya mengerti dia perlu menghilangkan dirinya. Dengan segera dia bergegas ke pantai dan menumpang perahu orang menuju ke tanah besar. Riwayatnya tidak pernah didengar lagi selepas ini.

Dato' Pekerma Jaya mengisahkan bahawa Mahsuri telah thabit kesalahannya berzina dengan Deraman. Mereka berdua akan disalang. Mereka berdua telah lama bertukar-tukar hadiah seperti cincin dan kain cindai. Kemudian diperkuatkan pula oleh bukti-bukti lain yang diceritakan oleh orang-orang muda yang berkumpul di rumah Pak Andak Mayah di Kampung Mawat. Setiap orang ada sahaja ceritanya yang mengatakan sememangnya Mahsuri dan Deraman patut dihukum salang, seperti yang diputuskan oleh Dato' Pekerma Jaya.

Pak Andak Mayah bapa mahsuri datang menyembah Dato' Pekerma Jaya sepaya membebaskan anaknya yang tidak berdosa dan Dato' tidak sepatutnya mendengar cakap-cakap fitnah dan cercaan yang tidak berasas dari orang-orang yang sememangnya berhasad dan irihati kepadanya dan kepada anaknya.

Pak Andak Mayah menyembahkan tujuh buah peti kayu. Peti-peti itu penuh dan tepu dengan ringgit dan permata dibawa oleh tujuh buah kereta kerbau sebagai penebus nyawa anaknya.

"Ambillah Dato' ringgit-ringgit ini. Lepaskanlah anak hamba.. Ambillah emas-emas ini, permata-permata ini. Tujuh peti semuanya Dato'. Ambillah Dato'. Lepaskanlah anak hamba yang tidak berdosa. Jika Dato' mahukan nyawa hamba sekalipun, hambalah galang gantinya, Dato'. Ambillah nyawa hamba, Dato'. Ambillah. Lepaskanlah anak hamba itu. Lepaskanlah dia!"

Pada masa itu Dato' Pekerma Jaya tidak dapat dipujuk-pujuk lagi. Dia berhadapan dengan rakyat yang ramai berkumpul di situ. Hukuman yang dilafazkan dan kata-kata dari Dato' bukanlah boleh ditarik-tarik balik. hukuman salang sampai mati ialah hukuman untuk Mahsuri.

Dato' Pekerma Jaya menengking Pak Andak Mayah, "Aku dah kata! Aku tak akan ubah". Dato' lantas bersabda, "Aku harap hukuman selang sampai mati yang akan dilakukan ke atas anakmu Mahsuri akan menakutkan orang lain dari melakukan kesalahan yang sama pada masa

depan. Aku menjalankan ini semua kerana menunaikan permintaan suaminya sendiri. Nyahlah dari sini dengan ringgit engkau...!

Mak Andik Alang bagaikan gila. Puas dipegang dan dipujuk oleh orang-orang yang kasihan kepadanya supaya bersabar tetapi masih meruntuh-runtuh hendak meraup dan mencium kaki Dato' Pekerma Jaya... "Janganlah anak hamba dibumuh. Janganlah Dato' Janganlah bunuh anak hamba. Kasihanilah kami..!"

Mak Alang menyulur di atas tanah. Panglima-panglima Dato' Pekerma Jaya memaksa Pak Andak Mayah yang juga tersungkur di situ meletakkan isterinya di atas kereta kerbau dan membawa balik kereta-kereta kerbau denganwang ringgit dari emas permatanya pulang ke rumah. Wang ringgit dan emas permata tidak berguna lagi. jiran-jiran Pak Andak Mayah memapah mereka suami isteri pulang. Pak Andak suami isteri tidak bermaya dan tidak tergamak melihat anak yang terikat di pokok itu.

Pak Andak Mayah memohon ampun kepada Tuhan dan meminta Tuhan ampunkan dosa anaknya. Mereka suami isteri tidak berdaya lagi membantahi kehendak Dato' Pekerma Jaya dan tidak berdaya menyaksikan seksaan yang dikenakan kepada anak mereka seterusnya. " Ya Allah!!! berilah kami kekuatan untuk melalui dugaanmu ini!!

Ada orang meriwayatkan wang ringgit dan emas permata tujuh saharah itu dibuang ke dalam sebuah paya di sisi kampungnya dan menjadi harta karun sehingga sekurang.

Sedang tali temali yang mengikat Mahsuri diperkejapkannya dan kepalanya dipangku supaya tegak memandang muka Dato' Pekerma Jaya. Mahsuri berteriak meminta belas kasihan Dato' Pekerma Jaya supaya membebaskannya sekejap. Dia belum menyusukan anaknya.

Mahsuri mengaku dia tidak akan melakukan sebarang dosa seperti yang dituduhkan. Dia tidak melakukan sumbang dengan sesiapa dan tidak mengkhianati suaminya. Dia meratus mendayu-dayu yang dia tidak menyapu arang di muka siapa pun dan jauh sekali dari berlaku curang. Dia tidak berzina. Tidak...

"Tolonglah bawakan anak hamba ke mari. Izinkan hamba melihat anak hamba dan menciumnya kali terakhir. Tolonglah bawakan anakku ke mari. Muhammad Arus, aynhai Muhammad Arus. Muhammad Arus anakku..." Permintaan Mahsuri tiada dipedulikan. Tiada siapa menghiraukan seolah tiada siapa yang mendengarnya.

Petanda bersedia dengan keris panjangnya siap terhunus. manusia yang berkumpul di Padang Hangus, begitulah namanya tempat Mahsuri

diikat ini, terpegun dan senyap seperti dalam suasana yang amat menyedihkan. Ramai orang menangis dan sudah ada wanita yang pengsan.

Akhirnya Mahsuri sedar permintaan dan rayuaninya tidak dipedulikan oleh sesiapa pun kerana yang berkuasa di situ nekad hendak melenyapkannya dari muka bumi ini. Mereka tidak senang lagi dia hidup.

"Ayuhai Dato', dengarlah pesanan hamba. Jika Dato' buntih hamba, matilah hamba, tetapi kerana hamba tidak berdosa, mari hamba membawa padiah. Berpuakalah Langkawi menjadi padang jarak padang terkukur sampai tujuh keturunan..."

Elok lumat sirih pemberangsang, Dato' Pekerman Jaya memberikan **isyaratnya** kepada petanda. Keris panjang gelombang maut lama terhunus direjam terus dari pangkal lehernya di sebelah kiri hingga ke jantung, dan dipusing-pusingkan pula mata keris itu supaya berkecaci-jantung hatinya.

Adatnya apabila keris yang dibenamkan di bibang selangka, matanya dialas dan dilapik dengan kapas tebal supaya apabila dicabut keris itu kelak darahnya tidak menitis menimbuli buntih. Adat ini diinformasi kerana yang

boleh menumpahkan darah hamba rakyat hanya jika Sultan sendiri yang menitahkan pembunuhan itu.

Darah Mahsuri kerononya memancut ke udara seperti kilat alit membelah awan bewarna putih seperti susu dan tidak setnik pun yang jatuh ke bumi. Semitanya memancut naik memayung ke langit.

Mahsuri sempat mengucap Dua kalimah Shahadat sebelum mengehembuskan nafisnya yang terakhir.

Badannya terkulai di perdu pokok asam Java. Hujan panas turun rintik-rintik menandakan ada orang mati dibunuh. Dato' Pekerman Jaya dan angkatan panglima panglimanya berangkat meninggalkan Padang Hangus.

Kabut menyelubungi angkasa dan pertir sesat membedil di tengah laut. Di dalam suasana muram dan seram itu beberapa orang penduduk Kampung Mawat menghampiri mayat Mahsuri. Mereka menghuraikan ikatannya dan menidurkannya di atas sebuah amir yang diberet oleh seekor kerbau membawanya pulang ke rumah ayahnya.

Mahsuri dikebumikan di kawasan rumahnya di Kampung Mawat. Kuburnya digelar "Keramat Durah Putih".

Lat satu Jumaat Wah Yahaya pulang ke Langkawi dan disambut dengan tangisan air mata oleh ayah mertua dan ibu mertuanya. Dia

mendengar kisah sebenarnya diri mereka dan dari rakan-rakan Mahsuri. Betapa puasnya hati Datin Mahura dan hati orang yang beriri hati kepada kekayaan dan kesenangan Pak Andak Mayah sekeluarga selama ini.

Wan Yahaya menceritakan bagaimana dia menerima sepucuk surat dari abangnya Wan Idris yang mengatakan Mahsuri telah berlaku sumbang dengan Deraman; dan menyebabkan dia sendiri mengutuskan surat kepada Dato' Pekerma Jaya supaya menjalankan penyiasatan dan menghukum orang-orang yang menabur fitnah dan menjatuhkan hukuman ke atas Mahsuri dan Deraman kiranya benar mereka berkhanat kepadanya.

Wan Yahaya diberitahu bahawa abangnya Wan Idris telah datang ke Mawat dan cuba mengganggu Mahsuri supaya melayani nafsunya. Mahsuri menjauhkan diri dan meminta maaf kerana dia masih setia dengan suaminya dan dia masih waris dan mengganggap Wan Idris sebagai abangnya sendiri. Wan Idris serba salah dan bertindak memadamkan malunya secara menulis surat kepada adiknya membentangkan fitnah yang bukan-bukan supaya Mahsuri diceraikan oleh adiknya.

Wan Yahaya memohon izin ayah dan ibu mertuanya meninggalkan Pulau Langkawi yang mencetuskan peristiwa yang amat menyedihkan hatinya, menyayat jantung hatinya dan bukan lagi pulau yang sejahtera untuknya. Dia hendak menjauhkan diri dari pulau berpuaka ini.

Wan Yahaya mendukung anaknya Wan Muhammad Arus ke pusara Mahsuri di sudut kampung kemudian memohon izin ayah dan ibu mertuanya untuk membawa Wan Muhammad Arus bersama-sama.

Wan Yahaya tidak keseorangan mengiringi Wan Muhammad Arus memulakan pengembalaan hidup di alam baru. Dia ditemani oleh Wan Bagus dan Wan Kenam - dua orang sahabat setia yang menjadi rakan berdagang selama ini. Di antara bekalan yang mereka bawa ialah susu dan buaian Wan Muhammad Arus, dan masing-masingnya tidak lupa membawa seorang sebilah pedang dan seorang sebilah keris.

Dengan sebuah perahu layar Wan Yahaya, Wan Bagus, Wan Kenam dan Wan Muhammad Arus menuju ke Kuala Bara Mambang Segara di Setul menziarahi kaum keluarga dan menyampaikan salam Pak Andak Mayah suami isteri kepada saudara mara di sana.

Dari Setul mereka meneruskan pelayaran ke Pulau Tongka, dipanggil juga Pulau Selang dan sekarang dikenali sebagai Pulau Phuket. Mereka mendarat di Pantai Keimala dan berazam memulakan penghidupan baharu di situ.

Nama Wan Muhammad Arus diinbah kepada Wan Hakim dan begitulah nama yang diakui oleh anak cucunya hari ini. Kerana mesraanya mereka memendekkan nama itu kepada Tok Kim. Sebagai kebiasaan, orang-orang di Negeri Siam menggunakan nama keturunan di belakang nama mereka. Anak cucu Tok Kim menggunakan "Yahy'i" di belakang nama masing-masing.

Anak cucu di Pulau Phuket diceritakan bagaimana Mahsuri dibunuh di Pulau Langkawi dan cerita itu dibawa dari pulau ke pulau antara Pulau Sembilan di Laut Andaman dan Pulau Sembilan di Selat Melaka.

Dato' Pekerma Jaya sekeluarga mati dibunuh oleh Siam yang menyerang Langkawi dan seluruh Negeri Kedah dalam tahun 1821 iaitu selepas peristiwa pembunuhan Mahsuri ini. Inggeris yang membantu Siam telah memusnahkan angkatan laut Kedah yang berpengkalan di Langkawi dan di Terang. Semenjak itu kawasan Negeri Kedah di utara Pulau Langkawi : Setul, Pangnga, Cenak dan Kepulauan Terutau menjadi Wilayah Siam, Kedah dan Perlis dijajah oleh Siam hingga 1909 kemudian dijajah pula oleh Inggeris hingga 1957. Kedah tidak lagi bengun-bangun sebagai pusat perdagangan, seperti yang pernah dialaminya dahulu. setelah dijajah lebih dari tujuh keturunan.

Pulau Sembilan tinggal delapan,
Satu merujuk ke Kuala Kedah:
Sudah nasib peminta badan,
Kita di bawah kehendak Allah.

Anak raja mudik ke Daik,
Masuk ke taman mandi di kolam:
Kalau asal baja yang baik,
Sedikit dicanai menjadi tajam

LANGKA MENUNTUT SEJARAH LIANG...

PENGARANG buku " Sejarah Liang " iaitu sa-buah buku chatetan sejarah orang China telah menyebut julong-julong kalinya hal sa-buah negeri yang bernama "Langgasu" ia-itu negeri yang kita kenal hari ini sebagai **Langkasuka**. Dalam kitab China itu terjalin cherita-cherita indah mengenai negeri-negeri di-Tenggara Asia dan dari kitab itu dapatlah di-pastikan bahawa Langkasuka sudah timbul dalam kolam sejarah sejak TM 100 lagi.

Orang-orang Langkasuka berugama Buddha. (Orang Funan berugama Hindu). Pakaian orang kebanyakkan dalam negeri itu ia-lah berkain samping benang kapas di-ikat di pinggang dan labuh ka-bawah. Laki-laki dan perempuan semua-nya tiada memakai apa-apa dari perut ka atas.

Orang besar-besar nya memakai subang atau anting-anting emas dan berbedat pinggang-nya dengan kain-kain yang berkeemasan. Dada mereka di-liputi oleh selindang nipis atau bersepang dengan kain yang berbunga-bunga.

Orang yang menjadi pembesar-pembesar mereka biasanya orang yang berani dan berbak menyimpan rambut panjang hingga ke bahu.

Apa guna kepok diludung,

Jika tidak bersi padit;

Apa guna berambut panjang,

Jika tidak berani mati?

Raja Langkasuka naik gajah - kerana gajah sahajalah yang layak dengan raja-raja. Rengga berlangit putih, berombak-ombak dan berumbur-rambu. Juak-juak membuntuti kenderaan di-raja itu memegang kipas dan ubor-ubor, kemudian di-ikuti pula oleh pemukol gendang dan satrus-nya hulubalang-hulubalang yang bermuka macham harimau.

Kota batu di-bina mengelilingi bandar Langkasuka dan pintu-nya dua lapis. Dalam kota yang kukoh itu tertegak Kerajaan Langkasuka, pusat perkembangan ugama Buddha yang tertua di-Sekutuh Alam Melayu.

Tidak-lah hairan dagang dan senteri dari India dan dari China menziarahi tempat itu kerana emas dan loyang menjadi hasil yang utama.

Kemudian kapur barus dan kayu cendana banyak pula di-dapati.

Gadis-gadis di negara Langkasuka dari golongan orang baik-baik memakai kain-kain indung dari benang yang halus bertekad pula dengan benang-benang emas dan batu-batu permata. Saudagar-saudagar yang berasib baik

terutamanya dari India berkahlwin dengan gadis-gadis genit di negara itu.

Perniagaan yang ta' putus-putus itu berlangsung antara negeri-negeri China dan India, Burma dan Siam, IndoChina dan Kepulauan Melayu semuanya memusatkan nilaian matabenda mereka mengikut seperti yang di-nilaikan di-kota Langkasuka. Sa-lain dari dipengarohi pada segi ekonomi-nya maka negeri-negeri yang di-sebutkan ini pun dipengarohi juga pada segi ugama-nya. Funan tidak dapat mengembangkan ugama Hindu-nya berleluasan benar seperti Langkasuka dapat memperkembangkan ugama Buddha-nya ka-negeri-negeri Burma, Siam, IndoChina dan China Selatan itu.

Sunggoh pun ugama Buddha tidak bertapak lama di-Bumi Kenchana ("Semenanjong Tanah Melayu") ini atau di-kepulauan Melayu tetapi kesan-kesannya sunggohpun maseh juga di-pakai sa-bagai resam pesaka turun temurun. Hindu menggunakan minkay untuk memberi bakat dan tuah kepada raja-raja, pengantin dan wanita-wanita, tetapi Buddha menggantikan-nya dengan tepong tawar pula.

Kegunaan tepong tawar dalam istiadat-istiadat kita yang akan mati itu ada-lah pengaroh Buddha yang sudah di-lupai maksud dan tujuannya.

Kesan-kesan perkembangan ugama Buddha ada dijumpai di-Kedah yang bertarikh lebih dahulu lagi dari Kristus Masehi yang ka-empat.

Dan kerajaan Seri Wijaya dalam KM 7 itu pun Buddha pula.

Berbalek kita kepada langkasuka sa-bagai sa-buah Kerajaan yang tinggi tamadun-nya, maka dalam hikayat Liang yang mencheritakan kesah Langkasuka ada-lah bernama "Pakitato" atau "Pakadatu".

Dr.Krom, orang belanda, mengenalkan kepada kita raja itu sa-bagai Raja Bhagadatta. Bhagadatta ini rajin benar menghantar pelbagai bingkisan kepada Raja China. Dalam satu senarai nama raja-raja yang menghantar hadiah kepada Raja China, yang di-buat dalam tahun 568, nama Raja langkasuka ta'ada lagi.

Perkara ini mengejut benar kepada sa-siapa sa-haja yang mengikut sejarah Langkasuka dari mulanya.

Ada-kah bermaana bahawa kerajaan Langkasuka sudah ta'ada dalam

KM 568?

Atau ada'kah kerana Kerajaan Langkasuka sudah tidak ada lagi mengahantar bingkisan kepada Maharaja China.

Tetapi, dalam tahun TM 692 Sami I-Ching menyebut negeri Langka-su dalam dairi-nya. Iui tentu-lah Langkasuka juga.

Kemudian ada pula kenyataan lagi menerangkan bahawa Langkasuka belum lompi, belum habis, kerana orang-orang Tamil di-Nagapatam ada memahat nama "Langgasongam" di atas sa-keping tugu pada tahun 1005.

Kemudian ada pula batu bersurat di-Tanjor yang di-pahat pada 1030 menyebut negeri "Langgasogam".

Apek ChauJu Kua sa-orang ahli pelayaran China sampai pula dengan tongkang-nya di Ling-ya-si da-temu pula nama Langkasuka di-tulis dalam Hikayat raja-raja Pasai-mengatakan konon-nya negeri itu dialahkan musoh pada TM 1370.

Dua orang lagi telah sampai juga ka-Langkasuka, sa-orang memanggil-nya negeri "Langchia" dan sa-orang lagi (Marco Polo) memanggil-nya "Lochae".

Sa-belom bertambah lagi nama yang berbunyi ganjil-ganjil bagi negeri Langkasuka itu dan memeningkan kepala orang: Sa-orang anak Kedah telah mengatakan bahawa "Langkasuka ia-lah ibu negeri Kedah: kota "Alang-kah Suka" yang di-buka oleh Raja Merong Maha Wangsa.

Nama Langkasuka di-sebut sa-panjang zaman sa-olah -olah merupakan sa-buah negeri yang tidak mati-mati. Tetapi ahli-ahli sejarah kebanyakannya bertekad bahawa Langkasuka tinggal hanya Bernyawa nyawa ikan sahaja pada TM 1292. Kejatomah-nya di-sebabkan oleh langgaran luar yang dengkikan kemashhoran-nya. Sedang itu, Kerajaan Seri Wijaya pula di-kenal orang.

Di-mana-kah letak-nya negeri Langkasuka itu? Soal ini panjang dihinchingkan orang. Mungkin-kah Kedah, bumi negeri Kedah, menjadi tapak Kerajaan Langkasuka?

NOBAT KEDAH

Mengikut riwayat yang termasyhur Nobat Kedah berasal dari Parsi atau Iran sekarang ini dibawa oleh Maharaja Derbar. Raja yang menjadi raja di negeri ini beberapa waktu sebelum lahirnya Nabi Besar Muhammad (SAW).

Di istana Raja-Raja Parsi purbakala Nobat digunakan sebagai alat pengisyiharan seperti kita menggunakan cawang di zaman silam. Jawatan Ketua Nobat dipanggil "Salar Nobat" dan di Kedah dipanggil "Kalus" atau "Kalau Nobat" dipegang turun temurun oleh keluarga yang tertentu.

Setelah Islam masuk ke Parsi, Nobat masih kiat di sana. Raja Nusyirwan Adil biasa memerintahkan "Salar Nobat". Baginda menyampaikan jemputan-jemputan kepada pembesar pembesar negara menghadiri majlis-majlis di istana.

Sultan Sanjar Seljuki seorang Raja Parsi yang terkenal mengarahkan supaya Nobat dimainkan lima kali sehari iaitu pada tiap-tiap waktu sembahyang.

"Kalau" yang tua-tua masih mempercayai bahawa Nobat berasal dari alat kebesaran Nabi Ibrahim Khalil-ul-Ilah turun menjadi khazanah Raja Iskandar Zulkarnain. Dari sini Nobat menjadi simbol kebesaran putu kepada raja-raja di Barat dan di Timur, Di Asia dan di Tanah Arab; dan di sanalah menjalar ke Negeri Kedah dan dibawa oleh Maharaja Derbar Raja yang berasal dari Istana Kisra di Parsi juga.

Nobat sangatlah popular di zaman kegemilangan Kerajaan Parsi bersambung-sambung lagi kemudiannya ke istana Raja Iran, Syam, Turki, Mesir, Tunis, Moroko Magribi, Sepanyol dan menjadi kebanggaan daulah-daulah Islam di India. Lagu-lagu Nobat digubahkan dalam bentuk Qaul, Ghazal, Tarana, Mutazad, Frudash, Tariqa dan lain-lain.

Zaman Khalifah Al-Wathiq (mangkat 847) Nobat amat popular di Kota Baghdad. Pemain-pemain berjumlah sehingga seratus orang dibawah seorang kondaktor yang mengetuk masa dengan sebatang tongkat panjang.

Perhubungan Kedah sebagai sebuah Kerajaan yang penting di Kepulauan Melayu dengan negeri-negeri di sepanjang Laut Merah terutamanya dengan Parsi, Mesir, Yaman dan Hadramaut berlangsung jauh lebih lama dari yang diketahui sebelum orang-orang Arab mengamalkan agama Islam lagi. Dan satu dari kebudayaan yang disesuaikan dengan istiadat orang Melayu ialah mewujudkan "Nobat" sebagai satu lambang

kebesaran Raja-Raja Kedah.

Perkataan "NOBAT" bererti gendang yang dipukul pada waktuwaktu yang dipertentukan dan bukan berasal dari "Nau" dan "Bat" atau "Bah" seperti yang disangka-sangka oleh setengah orang.

Nobat tidak berasal dari Hindu atau Buddha malahan menjadi kemegahan Raja-Raja Islam Timur Tengah di zaman kegemilangannya. Dari sanalah Kedah memperolehi inspirasi dan masih menjadi kemegahan yang dihormati turun temurun oleh Raja-raja dan rakyat Kedah seluruhnya.

Apabila Sheikh Abdullah Yamani datang ke Kedah dalam tahun 1136 masihi (531 Hijrah) beliau mengesyorkan supaya Nobat dimainkan pada tiap-tiap hari Jumaat dari Subuh - selang sejam hingga masuk waktu sembahyang. Pada hari-hari lain, Nobat dimainkan untuk menandakan masuk waktu Magrib, Isyak dan Subuh. Sejak tarikh itu, Nobat menjadi alat dakwah yang kuat di negeri ini.

Sultan Muhammad Jewa yang kedua, menjadi sultan dalam tahun 1710 telah membuat beberapa perubahan kepada Nobat. Baginda menentukan supaya Nobat dibersihkan dari unsur-unsur Hindu dengan membuang tiga alat bunyian iaitu serunai yang berbunyi lurus dan dua buah eingeing. Nobat Kedah sejak itu mempunyai enam jenis alat bunyian iaitu dua buah gendang keliling (sekarang dipanggil gendang keling) sebuah gendang Nagara atau Nahara, sebatang serunai Melayu, sebatang Nafiri dan sebuah Gong Jawa.

Nagara atau Nahara bertipe sebuah Rabana Ubi Kecil setinggi sebelas inci dan lebar mukanya 5 inci setengah, beralaskan kulit kijang. Sebelah yang tidak bergetah adalah kosong dan pantang dijengok-jengok oleh orang biasa kerana boleh mengakibatkan buta mata. Nagara ini dipukul dengan dua bilah rotan. Nagara berasal dari perkataan Parsi 'Nagar' bererti gendang. Nagara atau Nahara juga kadang-kadang dipanggil "Gendang Nobat" oleh orang-orang Kedah.

Gong yang ada sekarang ialah sebuah yang baru ditempah. Gong yang asal telah rosak. Gong ini digantung dan dipukul dengan kayu.

Dua buah gendang keling, sepatutnya dipanggil gendang keling, mempunyai dua muka. Sebelah mukanya beralaskan kulit harimau, sebelah lagi kulit kambing. Sebelah kulit harimau dipukul dengan kayu, sebelah kulit kambing dipukul dengan tangan. Gendang ini biasanya dibawa berkeliling negeri apabila menjunjung titah Sultan mengisyitiharkan sesuatu berita atau pengumuman kepada rakyat.

Sebuah gendang telah luka muka kulit harimaunya seperti dituris

orang. Sebenarnya gendang ini telah dikapak oleh orang-orang Siam masa menyerang negeri ini di zaman Musuh Bisik dulu. Alat-alat Nobat semuanya telah dihanyutkan ke laut. Orang-orang Sultan telah berjaya menyelamatkan alat-alat Nobat ini dan memelihara di dalam pelarian dengan penuh tawadduk.

Nafiri ialah serunai lurus sepanjang tiga puluh inci, dianggap keramat dan boleh mendebarkan jejaka serta merawakan dara. Dalam Orkestra ini bunyinya timbul lama-lama sekali kerana sukar juga untuk mengalunkan iramanya. Pada zaman dahulu peniupnya duduk di atas tempurung kelapa sepanjang masa mengeluarkan lagunya.

Serunai yang sekarang panjangnya tujuh belas inci dan dimainkan oleh Tok Kalau Kecik iaitu orang nombor tiga dalam keluarga orang-orang Nobat. Nombor satu ialah Tok Kalau Besar yang ditugaskan menjaga Tongkat "Maha Guru" ketika Nobat dipalukan. Orang nombor dua ialah Penghulu Nobat, iaitu Ketua Keluarga yang menjadi juncak antara orang-orang Nobat dengan Raja. Sebelum seseorang itu boleh menjawat jawatan Kalau, ia hendaklah pandai bermain serunai.

Masa Nobat hendak dimainkan, pemain-pemainnya mestilah mengadap muka satu sama lain dan mereka tidak diberitahu nama lagu yang aka dimainkan. Mereka akan tahu lagunya setelah serunai ditipi oleh Tok Kalau Kecik dan fahamlah irama yang akan didengarkan.

Seratus dua ratus tahun dahulu seorang peniti serunai dari Nobat **Kedah** telah di hukum mati oleh Sultan. Tok Kalau Hassan dari Kota Mengkuang mempunyai keistimewaan yang mengagumkan kerana dapat menarik manusia mendengar serunainya berkumpul dan meninggalkan kerja masing-masing.

Pada suatu hari Sultan terkejut besar bila melihat istamanya lengang dan sunyi. Dari Permaisuri hingga ke tukang masak, gerai dan pembulut rokok semuanya telah berkumpul dengan inang-inang hamba sahaya mendengar Tok Kalau Hassan meniup serunainya di Rumah Nobat. Keadaan begini berlangsung setiap petang sehingga dalah istana tuanku telah penuh dengan sarut sarang labah-labah dan habuk-habuk yang tidak disapu kerana pekerja-pekerja yang terpesona dengan serunai Batang Cabai Melaka Tok Kalau Hassan. Sultan bertindak menjatuhkan hukuman supaya Tok Kalau dibunuhkan sahaja. Permaisuri dan para Menteri menggunakan pelbagai ikhtiar supaya Sultan dapat mengampunkan Tok Kalau Hassan.

Akhirnya Sultan bersetuju Tok Kalau Hassan memainkan serunainya mengeliling Pulau Langkawi dengan tidak berhenti-henti.

Kalau terdaya mengelilingi seluruh pulau-pulau di sana, jiwanya akan selamat. Kalau tidak beliau akan dibunuh tetapi dengan tidak mengalirkan darahnya.

Pada masa dan hari yang ditentukan, Tok Kalau Hassan diiringi oleh berpuluhan-puluhan buah perahu bertolaklah dari Pangkalan Asam di Kuala Melaka yang menjadi tempat bermula dan juga akan menjadi tempat penamat. Kononnya Tok Kalau Hassan tidak gentar, dia meniup serunainya tidak berhenti-henti walaupun jauh di laut. Pendayung-pendayung perahunya silih berganti sehingga menyingsing fajar pagi. Tiba-tiba sebuah perahu dari darat menyunsul dengan berita Tok Kalau Hassan telah diampunkan.

Sepanjang-panjang malam, suara serunainya bergema di seluruh pulau dari Bukit Raya ke Bukit Mat Chingeang. Tok Kalau Hassan dipersila ke darat menerima persalinan dari Raja yang tidak dapat beradu pada malam itu.

Ada orang berkata, Tok Kalau Hassan tidak diampunkan. Bila fajar menyingsing serunainya tiba-tiba senyap, dia tidak bernyawa lagi, beliau telah mati dengan tidak berdarah, serunai masih di mulut, kaki masih bersila. Beliau mati hanya sepuluh dua sahaja lagi dari Pangkalan Asam.

Di Kedah sekarang terdapat dua puluh orang "Orang Nobat" yang bekerja juga sebagai penanam padi, pemandu kereta sewa, bermiaga dan lain-lain. Di antara mereka hanya ada dua orang sahaja yang betul-betul pandai bermain serunai. Seorang daripadanya ialah titisan dari Tok Kalau Hassan.

LAGENDA BERKAIT DENGAN NOBAT KEDAH

Seorang anak raja dari Tanah Jawa bernama Raja Bayat telah belayar membawa nasib dengan dua orang saudaranya Raja Bisnu dan Raja Mantik. Dalam pelayaran tersebut Raja Bisnu telah meninggal dunia.

Jasad Raja Bisnu tidak dikehumikan di laut tetapi dibiarkan reput di dalam perahu. Dari jasad yang terbujur itu terdengar suara menangis sedu dan terisak-isak sekali sekala dan ini tidak menggumakkkan sandara-saudaranya melontarnya ke laut.

Apabila mereka sampai ke kaki Gunong Jerai baharulah perahu yang berisi mayat itu dibiarkan hanyut di bawah arus.

Di Gunong Jerai pula, Raja Mantik meninggal dunia dan meninggalkan Raja Bayat sebatang kara. Raja Bayat inilah mencipta lagu-lagu indah kerana mententeramkan hatinya yang duka nistapa dan satu dari lagu-lagu yang paling hiba masih kenali sebagai lagu "Bayat" diabadikan oleh Nobat di Kedah. Raja Bayat menjadi seorang Kalau Nobat Di Raja dan Tok Kalau Bayat adalah seorang pemain serunai yang handal pada zamannya.

Lagu-lagu Nobat disebut "MAN" iaitu Bahasa Melayu tua yang telah hilang erti hanya dapat dikesan dalam perkataan "mantera" yang bererti jampi serapah atau jampi hikmat. Jadi lagu-lagu Nobat ialah "MAN" yang rapat sekali dengan semangat dan ruh kebesaran Kerajaan Melayu atau Kesultanan Melayu dan di Kedah sekarang masih ada dua puluh "MAN".

Tiap satunya dianggap keramat dan lagunya diturunkan dari bapa ke anak tidak putus-putus dari pemain asal beratus tahun dahulu hingga sekarang. Nama lagu-lagunya ialah seperti : Lagu Bayat, Lagu Genderang Perang, Lagu Belayar atau Lagu Raja Berangkat, Lagu Mambang Berkayuh, Lagu Raja Burung, Lagu Mambang China, Lagu Berlimau, Lagu Saratan, Lagu Bayok, Lagu Sipinding, Lagu Malautua, Lagu Saudana, Lagu Bujang Hilar, Lagu Tempoyak, Lagu Lemat, Lagu Gendang Anak, Lagu Megat Dewa, Lagu Dewa Saja, Lagu Arak-Arak dan Lagu Palu atau Pengalu.

Pemain-pemain alat Nobat mempunyai nut bagi lagu-lagu yang akan dimainkan. Nut lagu-lagu itu susah bagi orang lain membacanya walaupun oleh ahli-ahli musik yang pakar.

Nut-nut di sini bertulisan Jawi bercampur tanda-tanda "tek-i-tek" dan "tang" yang dipahami hanya oleh orang-orang Nobat yang berketurunan orang-orang Nobat sahaja. Bagi gendang "tek-i-tek"

maksudnya pukulan jari kelungking, dan "tang" memerlukan pukulan lima-lima jari.

Mungkin tiap lagu mempunyai sejarah atau latarbelakang yang menarik seperti "Lagu Bayat" juga tetapi tidak ramai orang mengetahui sejarah atau latar belakang alat-alat musik di dalam dunia orang mengetahui sejarah atau latar belakang alat-alat musik di dalam dunia ini.

Seorang hamba Allah telah berjumpa dengan Lukman-ul Hakim dan mendapat rahsia-rahsia bagaimana memerdulikan suaranya sehingga boleh menghentikat burung-burung yang terbang dan menenangkan angin yang menderu deru. Syarat yang terpenting ialah menyimpan rahsia itu seketar-ketatnya kerana kahiu diketahui oleh makhluk lain, kemerduan suaranya akan hilang.

Sebagai manusia biasa hamba Allah ini tidak dapat menahan rahsianya, dia mestilah mencurahkan rahsia yang diketahuinya kepada orang lain. Hamba Allah ini mencari tempat yang dapat dicurahkan rahsianya kerana tidak dapat dibendong-bendong lagi di dalam dadanya.

Akhirnya orang ini sampai ke sebuah padang yang luas dan tiada bermamusia. Di tengah-tengah padang ini ada sebuah perigi buruk yang kering kuntang. Ke dalam telaga inilah Hamba Allah ini menerjunjuk dirinya dan menchirahskan rahsia yang diamanahkan oleh Lukman-ul Hakim kepada tehing perigi itu.

Beberapa batang pokok yang tumbuh di dalam perigi itu berpeluang mendengar rahsia dari manusia ini telah berkesempatan menjadi kayu-kayu yang digunakan untuk baluh gendang dan badan biola dan sebagainya.

Sertumput pokok buluh yang tumbuh di dalam perigi menjadi asal kepada buluh perindu dan sepoohon pokok cili padi punya batang yang amat enak dijadikan puting sertumput.

Di antara pantang-pantang yang dipandang berat oleh orang-orang Nobat inilah mengejek atau mengajuk bunyi alat-alat Nobat yang dimainkan. Orang yang mengajuk akan herot milutnya dan boleh sembah setelah meminum dan mandi "Air Nobat" iaitu air yang dikumpul dari percikan tujuh-tujuh alat Nobat termasuk juga dari "Maha Guru".

"Maha Guru" ialah sebatang rotan semaunbu kurang seinci enam kaki sentiasa di bawa oleh Tok Kalau Besar setiap kali Nobat bermain di luar Balai. Rotan itu hanya sebesar ibu jari tetapi telah dibalut berlapis-lapis dengan kain kuning hingga menjadi sebesar lengan anak kecil. "Maha Guru" ialah alat yang paling ditakuti kerana pukulan dari tongkat ini boleh menyebabkan orang menjadi gila, malahan ada yang maut.

Melangkahnya adalah sama juga dengan melangkah alat-alat lain yang boleh mengakibatkan sesuatu yang tidak diingini berlaku seperti

mendapat burut, kencing berdarah, senak perut, pingsan atau pitam.

Kerana kononnya semaumbu ini boleh membawa malang atau petaka jika diacu-acu atau digoyang-goyang dihadapan orang, maka peranan **Tok Kalau Besar** yang menjaganya hendaklah memerhatikan supaya "Maha Guru" itu diletakkan di tempat yang menasabah masa Nobat dimainkan.

Sebelum Balai Nobat sekarang dibina dalam tahun 1904 bersama-sama dengan bangunan Balai Besar, balai lamanya diperbuat dari kayu terletak di Tanjong Chali, persimpangan antara Sungai Kedah dengan Sungai Anak Bukit.

Tiangnya sebesar pemelok setinggi nyiur dara, tahan digesel gajah. Balai kayu ini dihadiahkan oleh Sultan kepada Tuan Guru Pondok Langgar dan sekarang masih ada di sana menjadi menara azan.

Masa Almarhum Sultan Abdul Hamid bersemayam di Istana Kota Lama, di belakang Balai Besar, Nobat dimainkan juga di anjung istana. Walau bagaimanapun, pada masa itu bunyi paluan Nobat bergema tiga batu berkeliling menerawang angkasa-angkasa sawah padi dan menjadi perecaman orang-orang kampung mendapat kepastian mengenai kemangkatan, perkahwinan keputeraan dan keberangkatan di raja, pertabalan, lawatan tetamu istimewa, ulangtahun keputeraan Sultan, sambutan Hari Raya Haji dan Hari Raya Puasa, gerhana matahari, gerhana bula, waktu-waktu sembahyang Magrib, Isyak dan Subuh, Hari Jumaat, satu haribulan Hijrah lima belas dan tiga puluh tiap-tiap bulan.

Tiap-tiap tahun pada petang Hari Raya Haji, alat-alat Nobat diberi persalinan kain kuning yang baharu. Selepas itu di bawa ke istana Sultan dan di palu sembilan lagu sebagai persembahan tahunan kepada Baginda.

Lajenda masih membisikkan kononnya seorang wanita hamil telah memakan sebutir nangka dari buah yang hendak dipersembahkan kepada raja. Wanita itu dihukum bunuh dan kulit perutnya dijadikan alas kepada muka gendang Nahara. Kebetul wanita ini menjalani nasib yang dilalui oleh isteri Megat Seri Rama di Istana Sultan Mahmud Mangkat di Julang sangat susah dipercayai, mentelah pula jika dilihat kepada Nahara sekarang mempunyai alas dan inas dari kulit kijang betina dan bukan kulit perut manusia.

Tetapi dosa mengimportkan dongeng dari Johor ke Nobat Diraja Kedah tidaklah sebegitu besar jika dibandingkan dengan dosa Tun Seri Lanang yang telah menulis dalam "Sejarah Melayu" bahawa Kedah kononnya dianugerahi Nobat oleh Raja Melaka dalam tahun 1435.

Ceritanya seolah-olah sebelum ini Kedah belum mempunyai Nobat lagi, pada hal sudah berdedam-dedam orang Kalau yang memali Nobat di Negeri Merong Mahta Wangsa masa beliau menulis itu.

KEDAH BERSIAP HABIS-HABISAN

Apabila Siam berjaya menduduki semula Kota Kuala Kedah selepas merebutnya dari tangan Timku Kudin, mereka mutulah membuat desakan supaya Sultan Ahmad Tajuddin yang tinggal di Pulau Pinang di serah kepada mereka untuk di bawa ke Bangkok.

Inggeris mengawal Istana Keah di Jalan Kelawai tempat Sultan Ahmad Tajuddin bersemayam dengan ketatnya, bukan sahaja takut Tuanku Sultan dicolek oleh orang-orang Siam tetapi lebih takut kepada manusia di Pulau Pinang yang mungkin memakan upah dari Siam dan membuat tindakan yang boleh merugikan kepentingan Inggeris.

Jadi Sultan Ahmad Tajuddin hidup selama ini sebagai seorang tahanan didalam rumah tak boleh keluar dan tak boleh membuat perhubungan dengan dunia luar.

Untuk menyenangkan pengawalan, Inggeris telah memaksa Sultan supaya berpindith ke Melaka. Tetapi Sultan telah enggan berbuat demikian kerana ia akan menjauhkan baginda dari pengikut-pengikutnya yang setia dan boleh menuntahkan semangat-semangat perwira Melayu yang memandang Baginda sebagai tonggak kedaulatan yang mestilah dikembalikan semula ke atas takhta di Kedah.

Hujung tahun 1831 Siam mendesak Inggeris supaya Sultan dipindahkan ke mana-mana tempat lain dari Pulau Pinang, Seberang Perai, Perak, Selangor atau Burma, Inggeris Melaka untuk Sultan dan membawa Baginda anak beranak berangkat ke Kampung Pantai di Melaka dengan hujung benet di belakang Baginda.

Di Melaka, Sultan Ahmad Tajuddin dikemumini oleh pengikut-pengikutnya yang setia dan diantaranya terdapat beberapa orang kesatria dari Petani. Orang-orang Petani telah berhijrah meninggalkan kampung halaman mereka kerana Siam telah melanggar negeri itu dalam tahun 1832 dan ramai orang-orang Petani yang berhijrah ke Perak dan membuka kampung halaman di sana.

Raja Petani telah berundur ke Kelantan kerana di sana terdapat empat orang saudaranya yang menjadi Raja-Raja Kecil di empat buah Wilayah di Kelantan.

Tentera-tentera Siam telah menyerang Kelantan dan mendesak orang-orang Kelantan supaya menyerahkan Raja Petani dan empat orang saudaranya kepada mereka. Kalau tidak, Kelantan akan menerima nasib seperti Kedah dan Petani juga.

Masa ini lah orang-orang Kelantan telah bertindak menyerahikan Raja Petani lima bersatidara kepada Siam dan membuat sumbangan sebanyak empat puluh ribu ringgit Sepanyol dan sepikul emas urai pula sebagai pemujuk supaya Kelantan tidak diapa-apakan.

Entah bagaimana Siam berpias hati menerima Raja Petani seorang sahaja menjadi tawanananya dan wang Sepanyol sebanyak tiga puluh ribu ringgit serta emas urai sepuluh kati. Siam pun baliklah ke Bangkok mengheret Raja Petani dan anak pinaknya yang diikat dengan rantai besi.

Enam minggu kemudian, lebih empat ribu orang rakyat Petani, Senggora dan lain-lain wilayah Melayu dicucuk telinga masing-masing dengan rotan sega lalu diyong naik kapal dibawa ke Bangkok menjadi hamba abdi. Orang-orang Petani yang sempat berluirrah ke Kelantan dan Perak terselamat dari malapetaka ini.

Di antaranya ramai yang berbausrat membantu Sultan Ahmad Tajuddin menewaskan Siam, dan mula menghantar rombongan kecil ke Kedah, ke Pulau Pinang dan ke Melaka.

Tak semena-mena, Sultan meminta izin Inggeris menziarahi keluarganya di Siak. Kebenaran diberi dan Sultan pun bersiap. Tetapi Sultan bersiap Sultan Ahmad Tajuddin berkelenceng ke Bruas, di Perak dan di Bruas Baginda telah mengumpul ramai pahlawan-pahlawan Melayu untuk menyerang Siam di Kedah.

Inggeris telah berkasar dengan Baginda secara menghantar sebahis-sebahis membedilkan kota buloh yang dibuat oleh orang Bruas dan memaksa Baginda menaiki kapal mereka dan menghantar Baginda balik ke Melaka.

Kapal "Zephyr" telah diarah mengawasi orang-orang Melayu di Bruas. "Zephyr" melaporkan dalam bulan April, 1836 bahawa orang-orang Melayu masih lagi membuat persediaan hendak berperang, masing-masing sebok ke sana ke mari mengumpul ubat bedil dan ada kabarnya Belanda telah memberi sokongan moral dan material kepada orang-orang Bruas.

Raja Muda Perak sendiri sampai di Bruas dengan 40 buah perahu penuh memuatkan panglima-panglima perang yang rela sehidup semati dengan orang-orang Kedah.

Gabenor Pulau Pinang melarang "Zephyr" bergerak dari Bruas supaya kebangkitan dapat dipadamkan segera. Bagi menjamin keselamatan Pulau Pinang Gabenor Inggeris telah menyewa dua buah kapal yang dilengkapkan dengan meriam-meriam supaya membedilkan

angkatan laut Melayu dari Perak yang melintasi Selat di hadapan Pelabuhan Pulau Pinang.

Inggeris mesti mengekalkan persefahaman yang baik dengan Siam. Bagaimanapun, Gabenor Murchison telah membuat laporan ke India dan meminta nasihat yang perlu. India menghantar dua buah kapal perang membantu Gabenor yang sedang ketar di dalam seluarnya kerana besar kemungkinan orang-orang Melayu akan menyerang Pulau Pinang juga taitu sebagai membersihkan anasir-anasir yang boleh mengganggu pencapaian cita-cita mereka.

Setakat ini Pulau Pinang tidak lagi membuktikan bahawa "Kedah dan Pulau Pinang itu satu negeri" seperti yang tercatit dalam teriti 1800 yang membolehkan mereka menduduki pulau itu.

Kapal perang "Andromache" dan "Raleigh" membuat rondaan dari Pulau Pinang hingga ke Pulau Langkawi dan diperintahkan supaya membedil perompak-perompak yang mengganggu perniagaan orang-orang Inggeris dan kedaulatan orang-orang Siam di Laut Kedah.

Dalam bulan Mei 1836, Gabenor Murchinson bernafas lega kerana dapat membuat laporan bahawa beliau telah berjaya memisahkan Perak dengan Kedah dan orang-orang Melayu sudah tidak berminat lagi hendak berperang menentang Siam. Selepas membuat laporan ini beliau meminta cuti panjang dan meminta supaya dilepaskan dirinya dari menjadi Gabenor Pulau Pinang lagi.

Bonham yang mengantikan Gabenor Murchinson memberitahu India bahawa 40 buah perahu Raja Muda Perak itu sebenarnya bukan perahu perang tetapi perahu bijih timah yang sarat meniti buih menuju ke Pulau Pinang hendak menjual jongkong-jongkongnya kepada sahabat mereka orang Inngeris.

Orang-orang awam di Pulau Pinang tidak sedap hati. Ramai orang-orang di Pulau Pinang yang menanam harta benda mereka dari barang-barang kemas, permata, ringgit Sepanyol dan barang-barang tembikar ke dalam bumi atau menghantarnya ke luar negeri ke Singapura atau ke India. Dunia mesti menghadapi peperangan sebab wang-wang jualan bijih timah 40 buah perahu tadi dibuat membeli senapang dan ubat bedil.

TUNKU KUDIN TENTANG SIAM

Pelarian-pelarian Melayu di Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai bertemu sejenak melihat telatah Siam dari jauh tetapi orang-orang yang menghuni Negeri Kedah dari Terengganu Utara hingga ke Sungai Kerian di Selatan yang menghadapi penderitaan dan penghinaan selama ini sudah mencetuskan pemberontakan di sana sini.

Dalam tahun 1821 Kedah mempunyai seratus dua puluh lapan buah mukim yang bererti mempunyai seratus dua puluh lapan buah masjid bertaburan di seluruh negeri. Mengikut adat pada masa itu, sebuah masjid didirikan di tiap tempat yang mempunyai sekurang-kurangnya empat puluh empat orang lelaki Islam yang wajib berkumpul menunaikan sembahyang Hari Jumaat.

Maka terdapatlah mukim-mukim yang luas dengan penduduk yang tidak ramai dan mukim-mukim yang kecil tetapi padat.

Umpamanya di Alor Setar, masih dikenali sebagai Kota Setar, mempunyai dua ribu buah rumah, di Kuala Kedah terdapat seribu buah rumah, di Limbong lima ratus buah rumah, di Padang Kerbau terdapat tiga ratus sembilan buah rumah, di Derga serta Titi Siam terdapat seratus buah rumah, di Padang Sarijana terdapat seratus buah rumah, di Pangkalan Gajah Mati seratus biniyi rumah, di Yan seratus buah rumah dan di Pulau Tiga terdapat juga seratus buah rumah.

Di tempat-tempat lain, mengikut catatan Anderson yang membuat temuramah dengan pembesar-pembesar Kedah di Pulau Pinang, orang tidak ramai dan masjidnya kecil-kecil. Di Gimong Sali terdapat tujuh puluh buah rumah, di Akar Peluru dua puluh buah rumah, di Pagar Ayer terdapat lapan puluh buah rumah (sama banyak dengan rumah-rumah di Kuala Kangsar pada masa yang sama), di Padang Terap dua puluh buah rumah, di Pedu juga terdapat dua puluh buah rumah dan di Merbok ada enam puluh buah rumah.

Selain dari itu, bertaburantah rumah-rumah orang Melayu di pinggir-pinggir sungai dan di kawasan persawahan, di kelian-kelian hijih dan di kaki-kaki bukit tempat mengumpul rotan dan damar.

Di bawah perintah Siam, tempat-tempat ini telah lengang, masjid-masjid tidak berjemaah lagi, sawah terbiar dan bandar Alor Setar dipenuhi hutan, kampung-kampung lain menjadi rimba, sesuai untuk melancarkan serangan gerila.

Anak saudara Sultan Ahmad Tajuddin, Tunku Kudin, tinggal di

Seberang Perai telah dipujuk supaya memimpin satu angkatan perang menentang Siam. Tunku Kudin ialah anak kepada seorang bangsa Arab bangsa Saiyid dari Palembang yang bertalian darah dengan keluarga di Raja Kedah.

Nama Tunku Kudin sebenarnya Syed Zainal Abidin, beliau tinggal di Alor Setar, berhijrah ke seberang Perai bersama orang-orang pelarian lain.

Siam di Kota Kuala Muda mengetahui sifat-sifat kepimpinan yang ada pada Tunku Kudin telah mengupah beberapa orang jahat untuk membunuh beliau. Penduduk-penduduk di keliling rumahnya telah berjaya mengusir orang-orang upahan Siam ini dan menyelamatkan Tunku Kudin.

Pada satu malam, satu letupan telah berjaya dipasang oleh orang-orang upahan Siam di rumahnya dan telah meletup dengan kuat ketika manusia sedang tidur nyenyak jam tiga pagi.

Tunku Kudin telah dijilat api dan melecur sebelah tubuhnya. Azam Tunku Kudin menentang kekejaman Siam bertambah kuat apabila beliau sedar bahawa isteri beliau dan tiga orang anak-anaknya meninggal dunia akibat letupan tersebut.

Beliau telah kehilangan semua yang disayanginya isteri dan anak-anak, rumah dan harta benda. Yang bertambah kuat ialah sumpah dan azam menuntut bela.

Orang-orang Melayu di Seberang Perai berkumpul memberi sokongan kepada Tunku untuk melepaskan kampung halaman di Kedah dari cengkaman Legor. Jumlah orang-orang Melayu yang tegak di belakang Tunku Kudin tidak kurang daripada lima ribu orang.

Pada waktu ketika yang baik lagi sempurna, perahu-perahu kecil dan besar, beratus-ratus buah banyaknya, lengkap dengan tetunggul dan panji-panji telah bergerak ke Kuala Kedah.

Di sepanjang jalan, angkatan tersebut diturutserta pula oleh perahu-perahu dari Kuala Muda, Kuala Merbok, Kuala Yan, Kuala Sala dan Kuala Tebengau. Selepas berhat di Pulau Bunting, angkatan Tunku Kudin terus belayar ke Kuala Kedah dan di sana ditemui pula oleh perahu-perahu dari Pulau Langkawi yang turut menghantar bantuan.

Siam-Siam yang bersedia di luar Kota telah membedil perahu-perahu Melayu yang mendarat dan dibedil balas oleh angkatan laut Melayu. Pengawal-pengawal Kota mencuba seberapa daya menghalang kemaraan orang-orang Melayu yang ramai mendaki tembok Kota, tetapi dengan kebijaksanaan Tunku Kudin, pertahanan Siam di Kota Kuala Kedah telah patah.

Setelah beribus jiwa terkoban dari kedua belah pihak, orang Melayu dapat memasuki Kota itu melalui Pintu Kacapuri, pintu kecil lima puluh era arah ke utara pintu sekarang. Tunku Kudin berjaya menduduki Kota Kuala Kedah pada 24 hari bulan April 1831.

Orang-orang Siam telah berundur ke Alor Ganu, lima belas batu dari

Kuala Kedah mengikut Sungai Besar. Di Alor Ganu terdapat sebuah kota tanah yang dibuat oleh orang-orang Melayu kini dijadikan markas tentera Siam. Di Alor Ganu orang-orang Siam bertahan, sementara satu angkatan darat telah ke Legor menyusul bantuan.

Gabenor Kedah sebagai pemerintah tertinggi sekali pada masa itu ialah Phaya Buri Rakputon, anak kepada Cai Phaya Nakon Si Tammarat. Gabenor Legor.

Pusat pentadbiran ialah di Kota Kuala Kedah. Adiknya sendiri Phra Sina Nucit yang lebih dikenali orang-orang Kedah sebagai Com Pabian, menjadi Timbalan Gabenor. Markasnya di Alor Ganu. Com Pabian lebih zalim daripada abangnya dan dia adalah yang paling ditakuti oleh rakyat Kedah. Jadi, apabila Tunku Kudin mengusir Buri Rakputon dari Kuala Kedah, beliau bertumpu ketempat adiknya dan menguatkan pertahanan Alor Ganu.

Kejayaan Tunku Kudin rupanya menjadi satu kegemparan besar kepada Inggeris di Pulau Pinang. Kononnya, mengikut perjanjian Inggeris dengan Bangkok yang dibuat dalam tahun 1826 bersamaan dengan Tahun Anjing dalam perkiraan tahun Siam. Inggeris hendaklah melarang dan menegah Sultan Kedah atau rakyatnya dari menyerang mengganggu atau merosak secara mana sekalipun ke atas Negeri Kedah yang telah menjadi Wilayah Siam.

Sebagai membuktikan kepada Siam bahawa Inggeris adalah satu bangsa yang tidak pernah memungkiri janji dan rampasan kuasa oleh Tunku Kudin itu di luar pengetahuan mereka maka Kerajaan Pulau Pinang telah menghantar senjata-senjata dan ubat bedil ke Alor Ganu.

PERUT HIJAU MENDAPAT BANTUAN

SIAM menerima bantuan Inggeris dengan dua belah tangan dan mendesak Inggeris supaya menepati kehendak-kehendak Perjanjian Tahun Anjing itu dengan betul. Sebagai mempraktikkan tafsiran yang difahamkan oleh Inggeris dari perjanjian itu, Inggeris mulalah mengenakan kepongan-kepongan dan kawalan di kuala-kuala sungai dan di sepanjang pantai Kedah supaya orang-orang laut tidak dapat berhubung menyampaikan bantuan dan sebagainya yang bercanggah dengan kepentingan Siam. Bantuan yang mulanya mencurah-curah tiba kepada Tunku Kudin di Kuala Kedah tekah terhenti dengan tiba-tiba.

Inggeris telah menghantar dua buah kapal perangnya "Zephyr" dan "Emerald" untuk mengawal di laut Kedah. Tidak lama kemudian dua-dua buah kapal itu diganti oleh kapal yang lebih baik dan lebih gagah iaitu kapal "Wolf" dan "Crocodile".

Kapal "Wolf" sangatlah ditakuti oleh fantun-fantun Selat Melaka kerana penanggannya amat berkesan ke atas perahu-perahu fantun di antara Singapura dan Pulau Pinang.

Selama ini, apabila disebut sahaja "Wolf", fantun-fantun yang tahan dipahat biji mata pun akan menyusup berkeliaran mencari tempat bersembunyi, maka kapal inilah yang dihantar untuk mengetarkan kawalan di pantai Kedah dan melemahkan Tunku Kudin.

Dalam satu pertarungan sengit antara angkatan laut Kedah dengan angkatan laut Siam di Pulau Payar bertentangan dengan Kuala Kedah, angkatan Siam telah tewas dengan teruk.

Kapal "Wolf" tiba entah dari mana jantas merejamkan peluru-pelurunya ke atas perahu orang-orang Melayu dan memusnahkan sehingga licin seluruh angkatan laut Melayu yang ada.

Tindakan yang dilakukan oleh "Wolf" - "Anjing Hutan" ini, adalah satu-satunya dimana orang-orang Melayu telah diajar begitu rupa oleh kapal laut Inggeris.

Sebelum ini, perahu-perahu Melayu telah dikejar dan ditarik supaya jangan mendarat walaupun kerana mengambil makaran dan air, kemudian telah diusir supaya pulang sahaja. Kali ini "Wolf" bertindak kasar dan amat menyedihkan pula bila ditilik bahawa perahu-perahu Siam sentiasa dibenarkan masuk atau keluar dengan bebas di mana-mana sahaja mengangkut ubat-ubat bedil dan sebagainya untuk menyerang perahu-perahu Melayu.

Hampir seribu orang-orang Melayu yang dibedil ke dasar laut oleh kapal "Wolf" berkelampung ke hulu ke hilir berminggu-minggu di laut Kedah selepas peristiwa itu.

Kemusnahan angkatan laut Melayu di Pulau Payar ini melumpuhkan Tunku Kudin yang bertahan di dalam Kota.

Tunku Sulaiman di Kuala Perai bersiap dengan kira-kira tiga ribu orang untuk belayar ke Kuala Kedah untuk membantu Tunku Kudin. Tunku Sulaiman telah ditahan dan diarah dengan sombongnya supaya balik ke Kuala Perai oleh empat buah kompeni dari Madras Native Infantry yang ke Empat Puluh Enam berpengkalan di Pulau pinang.

Kota Kuala Kedah telah dikepong dari laut, makanan dan ubat bedil telah kehabisan, penyokong-penyokong juga ramai yang mendapat sakit dan ramai pula yang telah terkorban dalam dalam perjuangan menegakkan bendera merah harimau melompat, iaitu bendera Kedah pada zaman itu.

Bendera merah dengan gambar gajah putih telah dibantu oleh bendera "Union Jack".

Kota Kuala Kedah dibedil siang malam tidak berhenti-henti sehingga kemungkinan untuk bertahan lebih lama menjadi mustahil. Ramai orang Melayu yang pulang ke Pulau pinang dan Seberang Perai, diiringi oleh kapal-kapal "Wolf" dan "Crocodile" dari belakang.

Kumpulan yang paling akhir sekali bersama Tunku Kudin cuma tinggal tiga puluh orang lagi. Tiga puluh orang ini telah berjuang beberapa hari menangkis serangan-serangan Siam semata-mata hanya dengan keberanian dan kegigihan yang luar biasa timbul dari keinginan mensyahidkan diri demi keluhuran kota pesaka dan watan seluruhnya.

Nasi gerit dan manisan tebu yang menjadi ayapan orang berperang, telah habis dan ubat bedil juga telah berkurangan. Meriam-meriam seperti "Katak Puru" dan "Badak Berendam" serta berpuluhan-puluhan pucuk lagi meriam lain di Kota itu keronnya telah ada yang berdentum dengan sendirinya sebab tidak cukup kakitangan yang boleh mengawasinya.

Tetapi seperti kata pantun yang diabadikan sehingga sekarang :-

Pulau Sembilan tinggal delapan,
Satu merajuk ke Kuala Kedah;
Sudah nasib perminta badan,
Kita dibawah kehendak Allah !

Maka pada 4 haribulan Oktober, 1831.; bantuan Siam dari Legor

telah tiba di Kuala Kedah : Tujuh ribu tentera dan 300 ekor gajah, menyerang Kota usang dari empat tahapnya.

Tunku Kudin dengan tiga puluh pahlawaninya berjuang habis-habisan sehingga Tunku Kudin sendiri telah luka parah di dada dan di pahanya, ubat bedil sudah habis pula.

Tunku Kudin terjatuh, tangannya terkapai-kapai memanggil seorang panglima yang paling karib supaya menghampirinya. Nama panglima itu tidak diketahui lagi, mereka berpeluk-peluk dan kedengaran mengucap dua kalimah syahadat.

Kemudian Tunku Kudin menghunus keris pendeknya lantas menikam panglima itu dan panglima itu pula menikam beliau, masing-masing mengelupur sehingga sejuk dan kaku : seorang di kiri dan seorang di kanan.

Kononnya begitulah persetiaan mereka berdua. Biar mati sama sendiri jangan mati di buntut Siam.

Siam menembusi pintu Kota dan membunuh pahlawan-pahlawan Melayu yang masih hidup. Mengikut "Singapore Chronicle", mayat-mayat yang bergelimparan di sekitar Kota Kuala Kedah yang menjadi medan pertempuran yang dahsyat itu adalah di antara enam ribu hingga sepuluh ribu orang.

Yang paling banyak terburuk ialah orang-orang Siam kerana angkatan perang mereka jauh lebih besar dari angkatan perang Melayu.

Walaupun laporan "Singapore Chronicle" tidak berapa tepat tetapi boleh dibuat kesimpulan bahawa kumpulan tiga puluh yang terakhir dari angkatan Tunku Kudin bukanlah gerombolan sembarangan, cuma kerana "sudah nasib permintaan badan".

Mungkin, kalau tidak disokong Inggeris, Siam tidak dapat lagi bertapak di Kedah, dan Kota Kuala Kedah pulang ketongan yang empunyaanya.

Tunku Kudin menduduki Kota Kuala Kedah selama lima bulan dan lima belas hari.

Cerita Tunku Kudin tidak tamat begitu sahaja selepas beliau mati. Kepalanya dipenggal dan dibawa ke Legor dengan gajah. Tiba di sana, kepala itu diletakkan di atas talam tembaga yang berkaki, beralas dan berenda, kemudian ditatang oleh panglima perang Siam yang paling tua, sambil mengisytir menyembahkannya kepada Raja Legor, Cau Phaya Nakon Si Tammarat.

Beliau sangat ingin menatap wajah pahlawan Melayu begitu handal dan gagah, sangat dikagumi oleh orang Siam.

Raja Legor memandang dengan tidak terkelip matanya, terpesona juga dengan janggut jambang dan rambut menjajak tengkok di kepala yang tak berbadan itu masih haibat dan menggerunkan. Kadar sejenak, Raja Legor bertanya, "Mana badannya?". Panglima perang menggelengkankepalanya dan menyembah, "Tidak berguna Cau Phaya, hatinya sudah dimakan orang". Entah benar entah tidak, tetapi inilah riwayat kepala di atas talam yang satu-satunya pernah didengar di dunia ini, selain dari kepala "John the Baptist" yang dipersembahkan kepada King Herod Antipas oleh tukang-tukang kelarahanya hampir-hampir 1977 tahun dahulu.

SERANGAN SIAM KE ATAS LANGKAWI

Lazimnya pokok-pokok lada berbunga memutih dalam bulan Jun dan buahnya memutik dalam bulan Ogos. Gugus-gugus yang yang menghijau mula masak dan bertukar ke warna merah sebelum menjadi hitam legam dalam bulan November.

Apabila warnanya yang hitam legam barulah dapat dipungut dan dijemur sebelum dijual kepada pedagang-pedagang yang datang dengan perahu dan tongkang yang datang dari Pulau Pinang dan dari Sumatra. Kerja memetik lada ini berlangsung selama dua tiga bulan.

Kadang-kadang kapal Eropah dari Belanda dan Perancis, juga kapal Portugis singgah di Pulau Langkawi membeli lada-lada disini kerana lada Langkawi dianggap paling baik di sekitar Kepulauan Melayu.

Orang-orang Aceh memanggil Langkawi dengan nama "PULAU LADA", menghargai keindahan biji-biji lada yang terdapat di sini.

Lada-lada yang masih muda boleh dibuat hulam dan kerabu, kemudian bila dicampur dengan buah-buah lain boleh dibuat acar atau jeruk yang sedap. Pokok lada tumbuh membentit di batang-batang pokok lain dan berbuah dengan lebat di kampung-kampung di kaki Gunong Raya.

Lada di Pulau ini disukat dengan gantang dan tidak ditimbang seperti di tempat-tempat lain. Pedagang-pedagang sangat suka membeli dengan gantang kerana penjualnya tidak menipu.

Di tempat-tempat yang menggunakan timbangan, lada-lada di sana dicampur air, digaul dengan pasir atau batu supaya berat.

Sesebuah kapal biasanya membeli empat puluh bahara lada hitam iaitu sebanyak hampir-hampir empat puluh ribu gantang. Perusahaan lada menjadikan Langkawi sebuah pulau yang masyhur dan penduduknya sebok sepanjang tahun.

Ketika penduduk Langkawi sebok memetik lada hitam, saudagar-saudagar sebok tawar menawar. Dalam bulan November, 1821, tentera-tentera Siam sampai dari Legor dengan tujuan memusnahkan Langkawi menjadi padang jarak terkukur.

Serentak dengan serangan ke atas Kuala Kedah, Siam telah mendarat di Padang Mat Sirat dengan empat tugas yang penting iaitu membunuh semua orang yang melawan, menawan orang yang dewasa

memusnahkan rumah tangga dan tanam-tanaman, dan merampas harta benda yang berharga.

Kira-kira tujuh purmama sebelum ini, Mahsuri telah dibunuh di **Padang Mat Sirat** oleh Datuk Kerma Jaya. Belum reda kisah-kisah itu diperbualkan orang, Datuk Kerma Jaya menghadapi pula serangan dari **Legor** yang berazam menghancurkan seluruh Negeri Kedah.

Datuk Kerma Jaya dibantu oleh penolongnya yang cekal, Datuk **Panglima Hitam**. Mereka berdua menyusun dan mengarahkan pertahanan **sepulau** dan perairan sekelilingnya.

Gendang raya di Bohor Masjid atas bukit di Mukim Temonyong dipukul lagu perang. Hujan panas turun renyai-renyai.

Langkawi mempunyai penduduk seramai empat ribu orang pada **masa ini** dan beribu-ribu lagi yang tinggal di Pulau Telibon dan Pulau Terotau. Serangan Siam yang telah lama juga diduga oleh orang-orang **Melayu**, terutamanya oleh orang-orang yang pernah berulang alik ke **Setol** dan **Legor**, ditentang seberapa terdaya.

Kepada orang-orang Siam, Langkawi merupakan satu benteng **Kedah** yang paling kuat dan lebih sukar dari menakluki seluruh Tanah Besar.

Di Langkawi Siam melancarkan gerakan "Bumi Hangus" yang **dahsyat** sehingga sehelai kangkong laut pun tidak ditinggal menghijau di **Pantai Padang Mat Sirat**.

Berkoyan-berkoyan beras digudang Datuk Kerma Jaya yang **dikumpul** untuk menyara anak-anak buah dan orang-orang pelarian telah **dibakar** oleh Siam. Sedang asapnya menggulung naik ke langit, hujan lebat telah turun dengan tiba-tiba. Beras yang seharusnya menjadi habu tertinggal menjadi beras juga untuk disaksikan oleh orang kemudian, warnanya hitam seperti arang.

Bila hari hujan, beras ini boleh dipungut dari pasir-pasir yang **dinaungi** oleh pohon-pohon kelapa. Di bawah pohon-pohon kelapa itu **terbujur** kubur-kubur kesatria dan serikandi yang telah terkorban. **Setengahnya** bernisan, banyak yang tidak!

Seperti yang berlaku di Kuala Kedah turut berlaku di Langkawi. **Orang tua-tua, lelaki dan perempuan, serta anak-anak berselirak tidak tentu arah.** Yang baru balik dari laut rasakan gila kerana belum kering **kain** dipinggang terpaksa turun ke perahu pula dan terus berkayuh **ketengah laut**.

Yang muda-muda diarah mempertahankan kampung bersama

satria-satria Datuk Kerma Jaya dan Datuk Panglima Hitam. Orang-orang perempuan dan kanak-kanak dikawal oleh orang tua-tua berhanyut ke tengah lautan luas supaya tidak dapat ditawan oleh orang-orang Siam.

Dari jauh mereka memandang asap yang menggulung membakar bumi Langkawi. Setengahnya bernasib baik sampai di Pulau Pinang bertemu dengan pelarian-pelarian yang lebih ramai mencurah-curah dari tanah Besar Kedah.

Setengahnya bertemu dengan perahu dari Kuala Kedah yang ingin menuju ke Langkawi, dinasihati supaya mengubah fikiran dan menuju ke Selatan sahaja. Setengahnya dengan perahu sebesar tapak tangan mengikut arus hingga ke Siak dan ke Aceh.

Ramai orang-orang Langkawi yang tinggal turun temurun di Siak, Batu Bara, Tanah Aceh dan sekiturnya berasal dari pelarian-pelarian perang ini sama ramai dengan orang-orang dari sana yang turun temurun tinggal bertanah air di Langkawi pula.

Di Pulau, perjuangan tidak kenal batasan sebab laut berkelilingan. Yang tidak bernasib baik ditawan oleh Siam kemudian dibumuh di tengah laut. Yang berumur panjang dicuek cuping telingan dengan rotan sega, diseret supaya menaiki perahu beramai-ramai, seorang terjatuh ramai turut merendah diri kerana rotan seutas mencueki cuping nan banyak.

Seperti ikan yang dikarang, orang-orang ini dibawa ke Legor menjadi orang suruhan pembesar-pembesar Siam dan konomnya menjadi penari "Wayang Lakon" di sana.

Beratus-ratus orang Melayu yang tinggal di Legor berkumpul di sebuah kampung yang dipanggil "Kampung Pulau" mengakui asal mereka dari langkawi hingga sekarang ini.

Yang tua-tuanya pandai mengulangi kisah-kisah Mahsuri kepada anak cucu dan memesan kepada orang yang pergi ke Langkawi supaya membawa balik sedikit air dari Tasik Dayang Bunting buat diminum cucunya yang mandul.

Sebelum berakhir tahun 1821, sekurang-kurangnya dua kali lagi Siam dari Legor menyerang Pulau Langkawi secara besar-besaran. Legor amat marah pada langkawi bukan sahaja kerana keindahan dan kemasyhurannya tetapi juga kerana penangan-penangan dari Pulau ini amat hebat sekali.

Apabila pelarian-pelarian dari Kuala Kedah berhijrah ke sini, benteng Pulau bertambah kuat dan serangan-serangan hendap ala langkawi iaitu bertindak dari sebalik pulau-pulau yang berselirak

memberi pukulan hebat ke atas orang-orang Siam.

Dalam satu serangan dalam bulan Disember tahun itu, angkatan Siam telah mendapat bantuan dari tentera-tentera Setol dan Lungu. Tetapi ramai yang tidak dapat balik ke Setol dan ke Lungu lagi kerana diserang oleh orang Langkawi yang tiba-tiba muncul dari celah-celah pulau yang tidak berpenghuni dan ramai yang terjelir lidah kerana terminum air dari perigi-perigi beracun.

Satu angkatan siam berjaya mendarat hingga ke Ulu Melaka. Di Ulu Melaka mereka terpegun melihat orang-orang Melayu telah meninggalkan rumah tangga berkumpul kecil besar tua dan muda di masjid. Masjid itu lantas dibakar supaya rentong bersama dengan manusia di dalamnya.

Tetapi api tidak mau marak. Kawasan masjid telah musnah dijilat api tetapi masjid sendiri tidak terbakar dan manusia-manusia di dalamnya menyerah diri kepada tuhan dengan tenang.

Masuk waktu lohor, Imam memerintah bilal melaungkan azan, "Allahu-Akbar, Allahu-Akbar.....!!" Ketika itulah tentera-tentera Siam mengundurkan diri berpusu-pusulari arah ke pantai tempat perahu-perahu mereka bertambat.

Sebahagian besar orang-orang Ulu Melaka tidak muat di dalam masjid itu. Mereka yang bersembunyi di luar masjid menggempur Siam-siam yang sedang berkeliaran supaya lebih cepat sampai ke perahu. Di sana perahu-perahu mereka sudah pun dirampas oleh orang-orang Melayu.

Dari masjid Ulu Melaka ke pantai paling hampirnya ialah sejauh empat batu tetapi Siam-siam ini memilih jalan yang lebih jauh seolah-olah memberi kesempatan kepada orang-orang Melayu menggunakan panah beracun mereka.

Hampir kesemua tentera-tentera Siam kali ini gugur untuk dijadikan baja pokok-pokok kelapa dan bantu menyuburkan pokok-pokok lada mereka yang ditanam semula.

Ketika bumbung Masjid Ulu Melak ini diganti dengan yang baru beberapa bulan sudah baru-baru ini, tiangnya yang masih seratus enam puluh tahun itu juga terdapat kelarai-kelarai kesan asap dan jelaga.

Berdebar juga mengenangkan deraan orang-orang yang tabah dan tebal imannya berdiri di dalam masjid tidak gentar kepada api yang menggilas luar kerana di dalam dadanya lebih panas lagi api iman. Disamping masjid bertuah itu bertemu pula oleh orang-orang baru ini

sepasang nisan serikandi yang syahid pada zaman itu.

Datuk Kerma Jaya menyusun rapi angkatan laut Langkawi supaya keselamatan penduduk-penduduk Pulau terjamin dan musuh tidak akan ménélus ke darat dengan tidak disedari. Seperti yang diduga, satu angkatan Siam telah tiba pada penghujung tahun 1821 dan berlakulah satu pertarungan yang hebat dalam sejarah Pulau Langkawi.

Pertempuran sengit antara angkatan-angkatan Datuk Kerma Jaya dengan angkatan Siam berlaku di Selat Bagalah Balik iaitu antara Pulau Besar Langkawi dengan Pulau Bumbun.

Dua-dua pihak telah kehilangan banyak jiwa dan dalam pertempuran inilah Datuk Kerma Jaya mendapat luka parah. Beliau tidak menghiraukan kesakitan yang dialaminya terus memekik arahan supaya pengikutnya terus berjuang. Tiba-tiba badanya terlontar ke dalam laut dan tak dapat diselamatkan.

Datuk Panglima Hitam turut mendapat luka-luka parah di dadanya dan menghembuskan nafas yang akhir sama sehari dengan Datuk Kerma Jaya. Datuk Panglima Hitam sempat dibawa ke darat dan dikebumikan di Telaga Tujuh tempat yang sentiasa sejuk di pinggir gunong Mat Chinchang.

Setengah riwayat mengatakan kuburnya di Ujong Buluh iaitu di tanjung yang paling selatan menghadapi laut lepas tempat beliau meninjau layar-layar perahu musuh sepanjang hidupnya. Panglima Hitam dianggap keramat di Langkawidan Panglima Hitam tidak mati-mati malahan masih berkawal di sana sini di Pulau Langkawi.

Di Tanjung Tirai terdapat sebuah kuburan sepanjang tiga depa. Nisannya dapat dilihat dari laut tegap di atas bukit. Kononnya ialah kubur Datuk Kerma Jaya, tetapi disangsikan oleh anak cucunya kerana Datuk Kerma Jaya berkubur di laut lebih panjang dari tiga depa.

UTUSAN KEDAH TEMUI RAJA BURMA

Sultan Ahmad Tajuddin mengutuskan Cik Lanang, Cik Muhamad Ali, Penghulu Sira dan Nakhoda Senbuang menemui Raja Burma supaya membantu Kedah. Raja Burma bersimpati dengan nasib Sultan Ahmad Tajuddin dan ingin mengetahui kedudukan yang lebih pasti lagi sebelum menghulurkan bantuaninya.

Buat sementara waktu Raja Burma hanya dapat mengirimkan hadiah empat puluh koyan beras dan lain-lain kepada sultan.

Raja Burma meminta Sultan Kedah mengirimkan kepadanya beberapa bijih timah untuk dibuat bumbung istananya bagi harga bijih timah itu dikirimnya pada 30 koyan beras yang berasingan.

Surat dari Raja Burma sedap juga bunyinya jika dibandingkan dengan surat orang-orang hari ini : "Itulah surat daripada kami" katanya.

"Raja Tawai Singgahsana Emas kepada Raja Kedah yang memerintah 118 buah bandar : memaklumkan bahawa kami telah menerima maklumat-maklumat bahawa Siam telah mencabul Negeri Kedah.

Terimalah hadiah kami yang tidak seperti ini satu persalinan pakaian kain Burma yang halus, sekaki payung berkaki panjang, sebuah pelana menunggang kuda, meja makan dari kayu yang berempelas dan berlakar. Terimakasih atas hadiah sebuah jam besar yang dipersembahkan oleh Cik Lanang dan Cik Muhammad Ali."

Anihnya Raja Singgahsana Emas ini memerlukan bijih timah dari Kedah untuk bumbung Singgahsana emasnya dan malang Inggeris sedang bermusuhan dengan Burma.

Isi-isi surat ini semuanya diberitahu kepada Siam dan Inggeris lantas menyerang negeri Burma dan menduduki Tenassirim, Tawai dan Margi dalam tahun 1824 juga.

Kebimbangan Siam akan meluru ke Perak dan menjajah seluruh Semenanjung Melayu dalam tahun 1824 dirasa oleh Kerajaan Inggeris di Pulau Pinang. Bagi menyekat niat Siam, Inggeris menghantar Kapten Burney di Kuala Kedah dan membuat perjanjian dengan Cau Phya Nakon Si Tammarat.

Di Kuala Kedah, Burney telah mengaku tidak akan mengganggu kebebasan Siam mentadbir Negeri Kedah dan akan menolong Siam menyekat dan memusnahkan pemberontakan orang-orang Melayu terhadap Siam. Siam mengaku tidak akan menyerang Perak dan Selangor.

Niat Siam yang sebenarnya ialah hendak menyerang Pulau Pinang

dan mengambil Sultan Ahmad Tajuddin, tetapi kerana Burney pandai menyebut "Kap" kepada semua kehendak Cau Phya Nakon Si Tammarat, Pulau Pinang terselamat.

Burney dihantar ke Bangkok dalam tahun 1826 kerana merundingkan beberapa hal termasuklah perkara mengembalikan Sultan Kedah ke atas takhtanya semula. Entah bagaimana Burney membuat pengakuan Siam adalah berhak memerintah Negeri Kedah.

Burney masih mengaku "Kap" kepada Raja Siam di Bangkok, ("Kap" dalam Bahasa Siam ialah "Yes Sir" dalam Bahasa Henry Burney) dan "Kap" lagi apabila Raja Siam mendesak Inggeris menyekat Pemberontak-pemberontak Melayu mengusir Siam dari Negeri Kedah dan "Kap" ladi supaya Sultan Ahmad Tajuddin di "buang negeri" jauh dari Wilayah Siam.

Captain Henry Burney berkhidmat dengan Bengal Native Infantry dan biasa berperang di Tanah Jawa di bawah arahan Lord Minto. Selepas itu beliau tinggal di Pulau pinang menjadi Setiausaha Military kepada Gabenor Pulau Pinang.

Burney lancar berbahasa Thai dan Melayu. Perjanjian yang dibuat di Bangkok antara Burney dan Maharaja Siam ialah lanjutan yang lebih muktamad dari perjanjian asas antara beliau sendiri dengan Cau Phya Nakon Si Tammarat di Kuala Kedah.

Perjanjian Bangkok 1826 ini digubah dalam Bahasa Thai terlebih dahulu dan Burney amat riang sekali kerana dapat menggunakan bahasa yang tidak berapa kerat orang Inggeris menguasainya dan menggunakan bahasa itu dengan Maharaja Siam sendiri serta menteri-menterinya.

Apabila warkah Siam itu hendak diterjemahkan ke Bahasa Inggeris timbulah kelamkabutnya kerana ayat-ayat Bahasa Siam itu hendak diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris timbulah kelamkabutnya kerana ayat-ayat Bahasa Siam boleh diterjemahkan ketiga atau empat maksud dalam Bahasa Inggeris.

Sultan Kedah membantah keras persetujuan yang dibuat oleh Burney dan Baginda tidak ingin berganjak dari Pulau Pinang, Gabenor Inggeris di Pulau Pinang tidak dapat berbuat apa-apa kerana pendapat umum di Pulau Pinang menyebelahi Sultan Ahmad Tajuddin dan Captain Henry Burney pulang ke Pulau Pinang menjadi tumpuan ejekan orang-orang yang mengikuti kegagalan mereka di Bangkok.

Gabenor Inggeris di Pulau Pinang pada masa itu tidak senang dengan pencapaian yang dibuat oleh Burney dan kesal atas sikap Burney yang

dianggapnya terlalu "Kap" dengan Siam.

Burney telah dituduh sebagai pengkhianat menjualkan Kedah kerana mengakui Kedah bulat-bulat sebagai Wilayah Siam. Sebelum ini Kedah dipandang sebagai Wilayah Melayu yang berdaulat oleh Inggeris.

Terdengar bisikan kononnya Gabenor Legor menghantar utusan berkira dengan Gabenor Inggeris di Pulau Pinang supaya membayar sepuluh ribu ringgit wang pajakan Pulau Pinang kepada Legor kerana dia adalah yang menjadi tuan negeri Kedah sekarang.

Siam mendakwa bahawa dengan wang eluan itulah Sultan Ahmad Tajuddin melancarkan serangan-serangan ke atas Siam, tetapi Inggeris menolak permintaan itu dan meyakinkan utusan Raja Legor bahawa Sultan Kedah tidak dapat berbuat apa-apa semasa tinggal di Pulau Pinang kerana setiap gerak geri baginda diperhati dan dikawal dengan ketat.

Selepas ini Inggeris mulalah menggunakan eluan sepuluh ribu ini sebagai satu senjata menekankan Sultan untuk akur dengan kehendak-kehendak mereka. Silap sedikit sahaja eluan Sultan ditahan atau diperkurangkan.

20 RIBU ORANG MELAYU DI KEDAH

Inggeris mahukan beras dan gula dari Siam. Sedangkan Siam mahukan cандu dan kain-kain India dari Inggeris. Sementara itu Inggeris memerlukan pula bijih timah dari Kedah, Patani, Perak dan Ujung Salang. Inggeris menyerang burma dengan harapan Siam akan membantunya memundukkan negeri itu tetapi polisi Siam selama ini ialah melagat-lagakan orang lain supaya dia sahaja yang kuat.

Mengadakan perhubungan dengan Siam adalah seperti menjaga minyak yang penuh.

Orang-orang Melayu masih ramai yang tinggal di bawah pemerintahan Siam. Sekurang-kurangnya dua puluh ribu orang masih berada di Kedah dalam tahun 1825. Tentera-tentera Siam yang menjalankan pentadbiran negeri pada satu-satu masa tidak lebih dari lima ratus orang. Orang-orang Melayu sendiri yang ramai mengawal kota-kota dan benteng-benteng mustahak sebagai orang-orang upahan Siam.

Nakhoda Udin tumpamanya ialah seorang Lanun yang handal dari Legor, mengganas di Kurau dalam Negeri Perak bagi pihak Nakorn Si Tammarat. Apabila ditangkap oleh James Law beliau dibela oleh Gabenor Legor dan pegawai Inggeris yang menangkapnya itu digantung kerja.

Bagaimanapun, Inggeris menghantarnya ke Legor dengan laporan panjang mengenai aktiviti-aktivitinya di perairan Semenanjung supaya dihukum sendiri oleh Gabenor Legor. Di Legor, Nakhoda Udin tidak di hukum malahan diberi persalinan oleh Cao Phya Nakorn Si Tammarat dengan hadiah-hadiah yang istimewa pula.

Nakhoda Udin ditemu sekali lagi di Pulau Banting dan Kuala Merbok mengepalai satu angkatan tiga belas atau empat belas buah perahu membantu Inggeris mengusir perahu-perahu Melayu yang mungkin ingin mendarat di situ.

Pengikut-pengikut Nakhoda Udin terdiri dari orang-orang Melayu yang kadang-kadang lebih ganas dari orang-orang Siam. Di Kota Kuala Muda seorang seorang panglima Melayu bernama Tok Mohd. Noor amat ditakuti oleh orang-orang di sana. Kemungkinan besar ia mempunyai hubungan rapat dengan Nakhoda Udin. Siang tidur dan malam berjaga.

Apabila Tunku Kudin berkuasa di Kedah dalam tahun 1831 ramai juga orang-orang Melayu yang belot kepada raja dan tanahair

dimusnahkan bersama dengan tentera-tentera siam.

Terdapat seorang anak raja yang tidak sempat dibukum oleh Tunku Kudin tetapi menerima hukuman yang lebih dasyat dari tangan siam yang menganggap rakan karibnya.

Adik sultan Ahmad Tajuddin sendiri, Tunku Yaakub, sebaik lain ibu, dikenali juga sebagai Tunku Embun telah memohon kepada Sultan Ahmad Tajuddin untuk memerintah Perlis dan Setol.

Berkali-kali permohonannya ditolak oleh Sultan kerana Tunku Yaakub hendak dijadikan Raja Muda dan Perlis dan Setol hendak diberikan kepada Tunku-Tunku lain. Tunku Yaakub melayani peranan tersinggungnya terus membawa diri ke Legor.

Tunku Yaakub mengadap Cau Phaya Legor menyembahkan laporan-laporan peri Sultan Ahmad Tajuddin kononnya tidak mentadbirkan Negeri Kedah dengan sempurna dan sedang bercadang hendak mengubahkan ibu negeri dari Kuala Kedah ke Kota Kuala Muda supaya lebih jauh dari Cau Phaya Nakon Sri Tammarat.

Tunku Yaakub sendiri membuat pengakuan akan akan bersedia membantu Legor kiranya Legor hendak menyerang Negeri Kedah. Tunku Yaakub atau Tunku Embun seterusnya bersubahat dengan Cau Phaya Legor mengaturkan strategi memasuki Negeri Kedah dari jalan laut dan jalan darat. Kejayaan Siam menduduki Negeri Kedah dalam tahun 1821 bersabit besar dengan bantuan peribadi dari Tunku Yaakub ini.

Kedah terus dipecah empat kepada Wilayah Setol, Perlis, Kubang Pasu dan Saiburi iaitu kawasan Kedah yang berbaki dari tiga Wilayah tadi. Setol diperintah oleh Tunku Bisnu adik Sultan Ahmad Tajuddin, Perlis oleh Syed Hussien bin Syed Harun Jamalullail anak saudara Sultan dan Kubang Pasu diperintah oleh Tunku Anum, anak saudara Baginda juga.

Masa ini sempadan Kubang Pasu di utara letaknya di Sadao dan lebih luas dari keadaannya sekarang. Saiburi diberi kepada Tunku Yaakub. Raja-raja ini memerintah di bawah arahan Cau Phaya Nakon-Sri Tammarat yang diwakili oleh dua orang anaknya.

Kejayaan Tunku Kudin menduduki Negeri Kedah buat beberapa waktu telah menggemparkan Inggeris dan memberi kesan besar kepada Legor kerana ramai tentera-tenteranya menjadi korban. Legor dapat mengukur kekuatan Melayu dan hakikatnya amat mencemaskan. Apabila Siam menduduki Kedah semula selepas Tunku Kudin dapat dipatahkan, sikap dan reaksi Siam telah berubah. Mereka tidak lagi mempercayai orang-orang Melayu.

Phara Sena Nuehit, Timbalan Gabnor di Kedah dikenali sebagai Chum Pabian, yang memerintah Kedah bagi pihak abangnya mempersilakan Tunku Yaakub dan anaknya Tunku Sulaiman supaya datang ke ke Balai Alor Gau selepas sembahyang Hari Raya Haji tahun 1831 (1244 Hijrah).

Dalam perjumpaan itu Chum Pabian memberitahu Tunku Yaakub supaya bersedia menjalankan tugasnya semula sebagai Sultan. Apabila Tunku Yaakub menyatakan kesediaannya dan sanggup menjadi sultan, Chum Pabian mengarahkan beliau dan anaknya Tunku Sulaiman supaya berpakaian lengkap sebagai Sultan yang penuh kebesaran dan berangkat ke masjid membuat khenduri aruah kemudian berangkat pula ke makam datuk neneknya membaca doa di sana sebelum ditabalkan menjadi sultan Kedah.

Upacara itu dilangsungkan pada Hari Raya ketiga oleh Tunku Yaakub dengan pengikut-pengikutnya. Tetapi malangnya, apabila Tunku Yaakub dan Tunku Sulaiman sampai di Langgar, di pinggir Makam Datuk Nenehnya, beliau telah ditangkap oleh tentera-tentera Siam. Di situ juga mereka berdua telah diikat dan dihamun seranah oleh Chum Pabian. Chum Pabian mengungkit kegiatan Tunku Yaakub mendesak ayahnya Cao Phaya Nakorn Si Tammarat supaya menyerang Kedah dan menyingkirkan Sultan Ahmad Tajuddin.

Kemudian Tunku Yaakub dituduh pula bekerjasama dengan Tunku Kudin membunuh orang-orang Siam. Chum Pabian sendiri menghumus goloknya dan membelah dada Tunku Yaakub dan Tunku Sulaiman, dia hendak melihat supa hati anak raja yang mengkianati raja dan bangsanya, kemudian mengkianati pula rakan dan tuannya.

Siam mengkebumi anak raja dua beranak ini di dalam Kota Makam Di Raja di Langgar. Tetapi apabila Sultan Ahmad Tajuddin balik memerintah Kedah semula dalam tahun 1843, mayat-mayat anak raja dua beranak ini dikeluarkan semula, dimandi, dikapan dan ditahlilkan, kemudian dikebumikan di luar kota.

Apabila makam ini diperluaskan, makam anak raja dua beranak ini termasuk ke dalam kota tetapi hingga kini tidak terhias, tidak dibina dan jarang-jarang dilawati orang.

'SIAM TEWAS, KEDAH MARA KE SENGGORA'

Dari pengalaman di Pulau Songsang dan di Pulau Bunting, Tunku Muhamad Saad telah mengkaji semula kedudukan angkatan perangnya. Akhirnya Tunku Muhamad Saad mendapat persetujuan dari Dato' Muhamad Ali Datok Setia Segara, Panglima Muhamad Taib Hitam dan lain-lain panglima kanan supaya angkatan perang kali ini dibahagikan empat pasukan.

Pasukan pertama ialah pasukan penyerang yang terdiri dari penjuang-penjuang handalan - pahlawan dan panglima-panglima yang tahan di pahat biji mata dan boleh menangkap peluru yang terbang dengan tapak tangan. Ketua pasukan ini ialah Tunku Muhamad Saad sendiri. Matlamat pasukan ini ialah menduduki Kota Senggora yang terletak di Laut China Selatan.

Pasukan kedua di kepala oleh Datuk Muhammad Ali. Matlamat pasukan ini ialah menyerang Negeri Terang, Negeri Krakbi dan Pulau Panjang yang terletak bertentangan dengan Negeri Pangnga. Angkatan ini akan bergerak dari laut dan dari darat. Serentak memuji ke utara. Pasukan kedua ini mengandungi sekumpulan pahlawan-pahlawan yang digelar "Puak Tulang Besi".

Kumpulan ketiga terdiri dari orang-orang Kedah dan orang-orang Petani yang mempunyai sasaran untuk membebaskan Negeri Petani dengan apa jalan dan cara sekalipun. Angkatan ini diketahui oleh seorang putera Petani yang tidak lagi diketahui namanya.

Kumpulan keempat diketuai oleh Tunku Muhamad Akib ditugaskan menjadi angkatan simpanan yang setia. Selepas menduduki Kota Kuala Kedah dan mengawal ketenteraman seluruh negeri, mereka akan diminta membantu mana-mana pasukan yang belum beres dengan matlamatnya.

Detik dan ketika melancarkan serangan ditetapkan oleh pahlawan yang tua-tua berkebetulan dengan Temasya Tambun di Bangkok semasa Maharaja Siam membakar jasad seorang Maharaninya. Pada masa ini semua gabenor-gabenor di wilayah dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan berkumpul di Bangkok menghormati Maharani yang akan dihantar ke akhirat. Masa itulah Tunku Muhamad Saad sampai di Haad Yai dan Datuk Muhamad Ali sampai ke Puket.

Dalam bulan Muharram tahun itu telah turun dari Mekah seorang ulama yang terkenal bernama Shaikh Abdul Samad iaitu anak kepada Shaikh Abdul Jalil al-Mahdani yang menjadi guru kepada Sultan. Shaikh

Abdul Samad bernaung di Mekah sejak kecil lagi dengan saudaranya yang menjadi mufti di Kedah iaitu Shaikh Abdur Kadir Dato' Maharaja Kadi. Mereka berdua berlainan ibu. Shaikh Abdul Kadir ibunya orang Kedah, sedang Shaikh Abdul Samad, ibunya orang Palembang. Dua-dua orang Shaikh ini turut berjuang bahu membantu dengan Tunku Muhamad Saad dan memberi peransang serta galakan yang besar kepada kejayaan perjuangan merebut negeri Kedah sekali ini. Dua-dua ulama ini diletak di kumpulan Dato' Muhamad Ali Setia Segara bergaul mesra dengan orang-orang Langkawi.

Angkatan perang Kedah menuju ke Utara dari tiga hala serentak dan telah berjaya melumpuhkan pertahanan Siam di mana-mana mereka pergi. Negeri Petani telah terjatuh ketangan orang-orang Melayu semula. Terang dan Pulau Pinet diduduki oleh Datuk Muhamad Ali dan beliau mara ke Timur membantu Tunku Muhamad Saad yang tela menawan Haad Yai dan sedang bergerak ke Utara menduduki Senggora dan Boyang.

Kuala Kedah dengan senang diambil semula oleh kumpulan nombor empat dan perjuangan yang agak serius hanya berlaku di Alor Gau selama beberapa ketika. Phya Buri Saknuttun yang bertahan di Alor Gau telah berundur ke Petaling dengan beberapa kerat tenteranya.

Negeri Kedah telah bebas semula dan Kota Kuala Kedah telah diduduki oleh orang-orang Melayu. Penghulu Kota telah dilantik dengan serta merta dan penghulu sekali ini ialah Syed Hussein.

Dalam perjalanan ke Utara, angkatan perang Tunku Muhamad Saad bertemu dengan hutan belantara yang menyelubungi Negeri Kedah terutama yang ditempat-tempat yang asalnya kampung dan sawah. Sekarang ini perkampungan hanya terdapat dipinggir bukit dan di tempat-tempat yang terpencar di lurah-lurah pergunungan. Di sanalah mereka menanam pokok-pokok durian dan lain-lain pokok buah-buahan sehingga sekarang kita masih mendapati dusun-dusun yang indah di tempat yang amat sukar didatangi manusia. Dusun-dusun di bukit dan ditengah-tengah hutan ini mempunyai riwayat asal usulnya dari tarikh ini. Ramai pula hulubalang-hulubalang yang menitiskan air mata melihat manisan lebah menitik dari sarangnya membanjiri perdu tulang. Tiada ada orang yang ingin berusaha memungut madu lagi.

Angkatan perang yang berjalan kaki ini mendarat di Kuala Perlis dan Kuala Sanglang kemudian menuju ke Bukit Kayu Hitam dan terus ke Haad Yai. Dan dari sini mereka mara ke Senggora dan Petani.

Angkatan Laut Melayu yang dikumpul oleh Tunku Muhamad Saad

belum ada bandingannya di dalam sejarah Nusantara dan Datuk Muhamad Ali adalah seorang Laksamana yang teragung belum pernah diriwayatkan orang dengan sepenuhnya.

Dari kisah-kisah yang masih dibualkan, kapal-kapal orang-orang Melayu pada masa itu tidaklah besar seperti kapal-kapal sekarang. Kapal-kapal Melayu hanya memakai layar atau pun dayung. Jenis yang agak besarnya ialah jong, pilang, pusta atau galis. ialah jong, pilang, pusta atau galis. Di antara yang banyak-banyak itu terdapat sebuah yang amat besar, sagurnya berlapis-lapis dan boleh dibuat kota atau benteng untuk bertembak-tembak. Kapal inilah yang menjadi kenaikan Datuk Muhamad Ali.

Di antara pejuang-pejuang yang melibatkan diri menyerang Terang dan Pulau Puket dari tangan Siam ialah orang-orang Lanun dari Mindanao di Filipina dan beberapa orang Balanini dari Pulau Sulu. Lanun-lanun dan Balanini ini cekal dan berani menghadapi musuh dan tidak mudah meninggalkan satu-satu perjuangan yang belum selesai. Mereka memilih mati dari menjadi tawanan perang atau hamba abdi orang.

Pada suatu masa perahu-perahu mereka telah ditembak oleh sebuah kapal Inggeris hingga berkecaci di dalam laut. Mereka tidak rela dipungut-pungut oleh kapal tersebut supaya diselamatkan. Mereka lebih senang mati dari hidup tidak bermartabah.

Orang-orang lanun dan Balanini ini gempal-gempal tetapi pendek tubuhnya berambut panjang menjijak bahu, berlilit kepala, berseluar ketat tetapi pantang berbau. Tulang pipinya tinggi, hidung penyet, mata merah dan mulut pun merah juga sebab kuat makan sirih.

Perahu mereka ialah bangsa perahu panjang - ada yang sehingga sembilan puluh lima kaki dari hadapan ke buritan, didayung oleh sembilan puluh (90) orang pendayung, empat puluh lima (45) orang sebelah. Jika keadaan menaksa, mereka mendayung siang dan malam tidak berhenti-henti dan akan menggosok mata yang mengantuk dengan daun lada pedas supaya tidak terlena. perahu yang berlayar di mana-mana sahaja dari Terang hingga ke Australia dan dari Aceh hingga ke Filipina. Lela dan meriam kecil menghiasi pisang-pisang perahu mereka kiri dan kanan. Orang-orang laut ini sangat pandai menggunakan lela, istanggar dan meriam perang dengan tepat ke atas perahu-perahu musuh.

Perahu-perahu Melayu di dalam angkatan ini terdiri dari perahu-perahu nelayan yang biasa, bermacam-macam jenis dan saiz. Tetapi tidaklah kurang handalnya merempuh laut yang luas dan dapat pula

memudiki anak-anak sungai yang sempit serta bergerak dengan senyap dieelah pokok-pokok nipah dan hutan api-api. Perahu-perahu Melayu amat senang menyelit-nyelit di celah-celah batu dan tukun di antara pulau-pulau yang bergugus di Nusantara ini.

Selain dari perahu, Orang Melayu juga mempunyai galis atau pusta, berat di antara 40 hingga 60 ratus tan. Kapal-kapal perang Inggeris pada masa ini tidak lebih dari 150 tan pada sebijinya. Galis-galis Melayu yang besar mempunyai sepuluh atau dua belas picuk lela dan beberapa batang meriam besar yang dibeli dari orang Portugis atau orang-orang Belinda. Galis orang Balanini lebih panjang daripada orang Melayu sungguhpun pisang-pisangnya lebih rendah dan galis Balanini boleh membawa 350 orang dengan mudah.

Angkatan laut beginilah yang telah berjaya mengusir orang-orang Siam dari Negeri Kedah.

Bagi menandakan kejayaan Tunku Muhamad Saad dalam perjuangan ini, Shaikh Abdul Samad telah mengarang serangkap syair dalam Bahasa Arab yang diabadikan di atas sekeping kain sutera merah, dan disimpan oleh anak cucu Datuk Muhamad Ali Setia Segara turun temurun di Pulau Langkawi. Syair ini memuji-muji Tuhan Semesta Alam yang menganugerahkan kejayaan cemerlang kepada seorang :-

Putera bukan sebarang putera
Putera Raja Sultan pilihan
Negeri Kedah telah berjaya
Mengecap nikmat anugerah tuhan
Agama Islam bergerak semula
Begitu lama dalam tekanan.

Terjemahan secara bebas ini memuji-muji Sultan Ahmad Tajuddin yang menjadi pendorong besar dalam pergerakan pembebasan Kedah dari belenggu Siam. Syair ditulis dengan Bahasa Arab yang indah dan mungkin dilagu-lagukan oleh perajurit-perajurit Kedah dengan suara yang nyaring, supaya sampai juga ke telinga anak cucu mereka.

KAPITAN CHINA : BABA SENG

Seorang Kapitan China yang terkenal di Kedah ialah Baba Seng. Kapitan Baba Seng tinggal di Kota Kuala Muda dan dilantik oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah menjadi Kapitan China di situ. Dalam tahun 1820 Baba Seng telah dicap oleh Pulau Pinang sebagai seorang "Penyangak". Kapitan Baba Seng kotonnya seorang pengumpul barang-barang euri dan bekerjasama dengan China-China yang menceroboh kedai-kedai kaya di Bandar Pulau Pinang. Pemerintahan Inggeris di Pulau Pinang mengecapnya sebagai musuh ketat kepada Yang Berhormat Kompeni Inggeris.

Sultan Ahmad Tajuddin membuat istananya di Kota Kuala Muda dalam tahun 1804. Dan Kota telah bergerak maju menjadi sebuah pelabuhan sibuk dan mewah. Di Kota terdapat beberapa banyak rumah-rumah besar kepunyaan saudagar-saudagar kaya dari pelbagai kaum dan sebuah masjid yang besar. Di Kota terdapat sebuah rumah perjudian yang popular dihuni oleh pelbagai golongan masyarakat Kota, China kaya-kaya dari Pulau Pinang dan juga bangsawan Melayu dari Alor Setar. Pada sebelah malam, Kota Kuala Muda menjadi Kota Indera Loka yang bergemeralpan sampai fajar menyingsing.

Masa Kota Kuala Muda sibuk siang dan malam inilah Baba Seng dilantik menjadi Kapitan China di Kota Kuala Muda. Kerja asalnya hanya menjadi seorang tukang cukur, tetapi telah meningkat menjadi seorang hartawan yang terkemuka di bandar Indera Loka ini dalam masa yang amat singkat sekali. Di samping itu beliau menjadi orang kepercayaan Sultan dan ketua kaumnya yang dihormati.

Orang-orang China yang tinggal di Kota kebanyakannya dari struk Hokkien datang sebelum sepinggang dari Negeri China dua ratus tahun dahulu. Mereka menjadi kuli kepada orang-orang China yang datang lebih awal buat beberapa waktu sebelum dibebaskan untuk mencari nafkah sendiri. Apabila telah bebas mereka pula menjadi tokeh kepada orang-orang China lain yang datang dari Negeri China dan mereka inilah yang membuka kedai-kedai runcit, rumah judi dan bilik candu. Ramai orang-orang China yang menjadi orang tengah dalam perniagaan bijih timah yang banyak terdapat di Baling dan Keroh pada masa itu. Orang China yang tua-tua masih ingat bagaimana datuk mereka membawa kain dan candu mentah ke pedalaman di hulu-hulu Sungai Muda dan membawa keluar hasil-hasil seperti rotan, damar, bijih timah, lada hitam,

kelapa kering dan sekali sekala membawa gajah seekor dua untuk dijual kepada saudagar-saudagar di pulau Pinang kerana mencari untung "seringgit dua".

China-China Hokkien di Kota setengahnya telah berkahwin dengan gadis-gadis Melayu dan memeluk agama Islam. Hingga hari ini masih terdapat China-China Islam tiga empat keturunan yang tinggal di Kota.

Perkembangan perusahaan bijih timah dunia dan kesibukan Pulau Pinang sebagai pusat perniagaan bijih memberi kesan pula kepada pelabuhan kecil di Kota Kuala Muda ini. Kota majit sebagai sebuah pekan yang mengumpul bijih-bijih timah dari Baling dan Keroh. Cukai-cukai yang dikenakan ke atas bijih yang dibawa keluar dari mulut Sungai Muda dan cukai kepada burungan -barang yang dibawa masuk ke pendalaman Sungai tersebut menjadikan Kota sebuah pekan yang kaya raya. Ketika kesibukan lalu lalang di Sungai Muda bertambah meningkat, pungutan cukai menjadi kelamkabut. Pegawai-pegawai yang dilantik oleh Sultan untuk menjalankan tugas memungut hasil dan cukai di pintu Kuala mabuk dengan peluang-peluang yang terdedah dan mula mengumpul kekayaan untuk diri sendiri; sedangkan pendapatan untuk Sultan dan Perbendaharaan Negeri tidak bertambah langsung.

Mengatasi masalah ini Sultan bertindak memajakkan tugas memungut hasil dan cukai di pintu Kuala kepada dua orang China dari Pulau Pinang yang sanggup membayar kepada Baginda dua puluh peratus dari semua pungutan yang mereka lakukan. Dua orang China itu Che' Seong dan Che' Toah. Sultan berpuas hati dengan pendapatan yang agak kecil tetapi tetap sekurang-kurangnya untuk lima tahun iaitu masa sekali-sekali pajakan ini berlangsung. Selepas lima tahun Sultan boleh menyambung lagi pajakan ini kepada mereka atau kepada orang lain mengikut persetujuan Baginda.

Kerana Che' Seong dan Che' Toah tinggal di Pulau Pinang dan mempunyai perusahaan-perusahaan lain lagi mereka telah menyerahkan kuasa memungut hasil dan cukai di Kota Kuala Muda kepada Baba Seng yang dilantik oleh Sultan menjadi Kapitan China di situ.

Dalam bulan Oktober 1818, Gabenor Bannerman di Pulau Pinang telah menghantar sebuah perahu ke Petani. Di dalam perahu itu dimuatkaninya beberapa barang istimewa, wang dan cendu yang hendak dihadiahkannya kepada seorang Raja di sana. Perahu besar ini memasuki Kuala Sungai Muda dan dikawal oleh beberapa orang sepahtu yang bersenjata dan telah enggan membayar cukai di pintu Kuala. Perahu ini telah ditahan oleh Baba Seng di Kota Kuala Muda dan Baba Seng

telah merampas beberapa tiub cendu dan mengambil sedikit wang dari sepahi-sepahi itu. Peristiwa ini telah dilaporkan kepada Bannerman. Beliau terus membuat bantahan kepada Sultan Ahmad Tajuddin dan mendesak Baginda supaya menghukum berat ke atas beberapa orang China yang berani merampas dan menahan harta dan kakitangan Syarikat Hindia Timor.

Sultan menjawab surat Gabenor Inggeris dengan lemah lembut memuji kebijakan Gabenor itu memerintah Pulau Pinang dan Baginda merasa megah sebab dapat berbaik-baik dengan "Sahabat Beta" yang menjadi wazir Raja Yang Maha Besar Lagi Maha Perkasa. "Kedah dan Pulau Pinang dua buah negeri ini bersahabat atau di laut atau di darat selama dan selagi bergerak dan bercahaya matahari dan bulan".

Kemudian Baginda menyebut bahawa Baginda akan mengeluarkan hukumannya supaya Che' Seong dan Che' Toah mengembalikan semula benda-benda yang dirampasnya dahulu setelah "Sahabat Beta menjelaskan cukai-cukai yang patut dijelaskan kepada mereka".

Gabenor Pulau Pinang marah berbelit-belit membaca ayat yang terakhir itu lalu mengutuskan sepuak surat mengugut Sultan supaya memansuhkan perjanjian dengan Baba-Baba China yang samseng ini dan mendesak supaya Baba Seng digantikan oleh orang lain menjadi Kapitan China di Kota Kuala Muda. Sebagai Wazir Agung kepada Raja Maha Besar Negara Inggeris, beliau tidak layak dan dibawa tarafnya berunding semeja dengan Baba Seong dan Baba Toah, mereka adalah hamba rakyatnya sendiri.

Gabenor Bannerman mengingatkan Sultan Ahmad Tajuddin bahawa Baba Seng di Kota Kuala Muda telah menyinggong pemerintahan Inggeris di Pulau Pinang dengan kekasarannya terhadap Kakitangan Yang Berhormat Kompeni.

Sultan memberitahu Bannerman bahawa Baginda telah mengarahkan Che' Seong dan Che' Toah menuangkan barang-barangan yang dirampas dari perahu "Sahabat Beta" dahulu dengan segeranya seelok-clok sahaja Gabenor menunaikan pembayaran cukai-cukai seperti yang telah dipertetapkan oleh adat resam negeri kita. Sultan berduka cita dan amat kesal sekali kerana tidak berupaya hendak memansuhkan pajakan mengungut cukai dan hasil ini sebab belum sampai lagi masa lima tahunnya. Jika berbudi dan menjadi buah mulut orang sampai akhir zaman. Gabenor Bannerman sahabat Beta yang menjadi wazir kepada Maharaja Yang Maha Besar tentulah lebih faham keadaan ini dan dapat bertimbang rasa dengan Beta.

Gabenor Bannerman senyap tidak dapat berkata apa-apa selepas membaca perutusan dari Sultan Ahmad Tajuddin. Gabenor seterusnya menahan sepucuk grat tanah nombor 619 yang disandarkan oleh Che' Seong dan Che' Toah kepada Kerajaan Pulau Pinang. Permohonan Che' Seong dan Che' Toah kepada Pemungut Hasil Tanah Pulau Pinang untuk menebus kembali Grant Nombor 619 itu telah "diperanai" di Pejabat Tanah dan akhirnya permohonan itu ditolak begitu sahaja.

Terang dan jelas tindakan ini dibuat adalah sebagai memuaskan hati Bannerman yang marah meluap-luap terhadap tindakan Kapitan China Baba Seng wakil mutlak orang berdua ini. Baba Seng dicap oleh Pulau Pinang sebagai "Penyangak" pengumpul barang-barang curi dan bekerjasama dengan penjahat-penjahat yang menceroboh kedai-kedai di Pulau Pinang.

Tahun 1821 Kedah diserang oleh Siam dan Sultan Ahmad Tajuddin berundur ke Pulau Pinang. Pada masa ini Gabenornya telah bertukar dengan orang lain. Encik Phillips pula. Bannerman telah meninggal dunia dalam tahun 1819.

Apabila Siam memerintah Kedah, Kota Kuala Kedah diduduki oleh Siam dan Baba Seng tinggal di Kota sebagai ketua kaum China.

Dalam tahun 1825 Baba Seng dan dua orang lagi orang China telah diperintah oleh Anak Raja Legor yang memerintah Kedah pada masa itu supaya pergi ke Pulau Pinang dan belikan "Sepuluh koyan garam dan beberapa puluh pucuk senapang yang lengkap dengan sangkor atau benetnya".

Baba Seng dan kawan-kawannya tidak pergi ke Pulau Pinang tetapi telah masuk ke dalam persebunyian. Macam-macam boleh dikatakan kepada Baba Seng ini tetapi yang perlu diberi perhatian ialah kepada jiwanya yang setia kepada Sultan Kedah tidak silih-silu menentang Inggeris yang cuba memperbodohkan Sultan dan tidak sekali-kali akan membekalkan senapang dan benet kepada Siam yang diketahuinya akan digunakan untuk menindas orang-orang Melayu.

DUR-UL-MANZUM BICARAKAN KETUHANAN DI ZAMAN S. MANSOR

Ada bukti yang terang mengharuskan bahawa ilmu tasauwuf iaitu **suatu cawangan ilmu yang penting dalam agama Islam mula dibawa masuk ke Tanah Melayu pada zaman Sultan Mansor Shah (1459 - 1477).**

Seorang alim bernama Maulana Abu Ishak iaitu seorang ulama yang **terkenal di Mekah telah mengarang sebuah kitab bernama ; "Durr-al-Manzum".** Kitab ini membicarakan hal ketuhanan iaitu sifat Allah , zat Allah dan af' al Allah. Seorang muridnya bernama Maulana Abu Bakar **membawa kitab itu ke Melaka.**

Sultan Mansor lalu memuliakan Maulana Abu Bakar dengan seribu **kemulian;** dan menggarakkkan kitab "Durr-al-Manzum" dengan penuh **hormat masuk ke istana baginda.**

Sebab kitab itu berbahasa Arab baginda menitahkan supaya kitab **itu dikirim ke Pasai untuk diterjemahkan ke Bahasa Melayu oleh orang Pasai kerana mereka telah lama berkecimpung dalam kitab-kitab agama dan banyak di sana ulama-ulama yang dalam ilmunya lebih banyak dari ulama-ulama yang ada di Melaka.**

Kitab itu kononnya dertikan oleh Makhdum Patukan, seorang ulama **Pasai, kemudian dihantar kembali kepada Baginda Sultan Melaka.**

Sultan Mansor Shah dengan segala orang-orang besar di Melaka **pun** bergurulah kepada Maulana Abu Bakar mendalami tentang zat Allah, sifat Allah dan Af' al Allah.

Sedang mengajar itu kelihatannya Maulana Abu Bakar sekejap-sekejap menoleh ke sebelah rusuknya kerana membandingi isi kitab **Bahasa Melayu ini dengan kitab asal yang berbahasa Arab itu, takut-takut terpesong maksud asal dari Maulana Ishak di Tanah Mekah.**

Sungguhpun kitab ini bunyinya membicarakan ilmu Usul-Ul-Din atau Tauhid yang mempersoalkan sifat dua puluh tetapi nyatahah bahawa "Durr-al-Manzum" banyak sedikitnya menempuh juga bieara-bieara Tasauwuf yang mementingkan cara-cara memperbaikkan diri kepada Illahi, membersihkan batin, bab ilmu dan jahil, bab akal dan bebal dan **sebagainya.**

Biasanya sebelum seseorang itu mempelajari tasauwuf hendaklah **terlebih dahulu "kenaf ia akan Tuhan"-nya yakni sifat Allah, zat Allah dan Af' al Allah dan isma Allah dan lain-lain lagi.**

Sultan Mansor Shah amat tertarik kepada tasauwuf dan baginda sangatlah asyik belajar kepada Maulana Abu Bakar itu. Maulana Abu Bakar memuji-muji Sultan Mansor kerana terang hatinya cepat memahamkan perkara ketuhanan.

Kesampaian Maulana Abu Bakar pada mulanya tidaklah beberapa disukai oleh golongan tua di Melaka kerana tersebut dalam "Sejarah Melayu" Kadi Yusof sedikit pun tidak menghiraukan Maulana Abu Bakar.

Kadi Yusof ialah cicit kepada Maulana Sayyid Abdul Aziz yang datang mengIslamkan Melaka.

Pada suatu hari Jumaat Kadi Yusof telah terpandang kepada satu nur (cahaya) cahaya dian yang menyala di muka Maulana Abu Bakar.

Menurut "Sejarah Melayu" Kadi Yusof pun berlari-lari datang menyembah Maulana Abu Bakar, maka disambut Maulana Abu Bakar sambil seraya tersenyum. Maka barulah Kadi Yusof berguru dengan Maulana Abu Bakar dan terus memecat dirinya dari menjadi kadi bandar Melaka lalu menjadi seorang fakir bergelar Maulana Yusof.

Sultan Mansor berasa megah sebab Bandar Melaka telah menjadi pusat pengajian "Ilmu Tasauwuf" di kepulauan Melayu - Melaka hampir-hampir boleh mengantikan Pasai. Maka pun mengirimkan satu masalah kepada ulama Pasai supaya memecahnya. Masalah itu berbunyi "Segala isi syurga itu kekalkan ia dalam syurga dan segala isi neraka itu kekalkan ia dalam neraka?"

Setelah utusan Melaka itu sampai maka Sultan Pasai pun memanggil makhdumnya, Makhdum Muda, supaya menjawab dan jangan "memalukan kita". Makhdum Muda menjawab bahawa adanya pun isi syurga itu kekallah dalamnya. Demikian lagi segala isi neraka itu kekal jua di dalam neraka.

Setelah majlis itu bersurai Sultan Pasai berkata kepada makhdumnya "Jikalau jawab tuan kepada utusan itu, orang Melaka tahu akan dia." Maka dicadang oleh Sultan Pasai akan jawabnya sekian! Makhdum Muda pun bersetuju.

Malam itu juga Makhdum Muda menjemput utusan Melaka ke rumahnya lalu berkata "Tadi tuan bertanya di hadapan majlis dikhalayak yang banyak, maka demikian jawab hamba katanya tahkiknya kepad atuan inilah dia" Utusan Melaka pun puaslah dengan jawapan Makhdum Pasai lalu memberi hadiah dua orang sahaya perempuan dan tujuh tahir emas urai kepada Makhdum itu.

Apakah jawapan yang diberi oleh Makhdum Muda itu? Jawapan itu masih menjadi pertanyaan kepada segala ahli sejarah : Sekala isi syurga

itu kekallah di dalam syurga dan ssegala isi neraka itu kekallah di dalam neraka? Ini bukan lagi menjadi kegondahan hati ahli ilmu agama; tetapi ahli sejarah turut sama rasa hendak tahu.

"Sejarah Melayu" tidak memuatkan jawapannya. Hikayat Raja-Raja Pasai tida menyebut langsung perkara ini. Tuan Sir Richard Winstedt cuba mempastikan jawapannya tidaklah jauh dari isi maksud yang terakam di dalam kitab "Insanul-Kamil" karangan Shaikh Abdul Karim al-Jili yang meninggal dunia dalam tahun 1417.

'Insanul Kamil' ini dikarang di Baghdad dan kitab ini dibawa oleh saudagar-saudagar Arab dan Parsi ke bawah angin ini. Dalam kitab itu ada tersebut : "Kata olehmu bahawasanya api neraka itu tidak akan berkurangan panasnya walaupun sedikitpun ; tetapi siksa dan azab yang ditanggungi oleh isi neraka itu sahajalah yang bertukar menjadi satu pengalaman yang tidak pedih lagi kepada isi neraka itu.

Kitab itu juga memuatkan bahawa siksa-siksa yang dialami oleh isi neraka itu bertambah-tambah hingga mereka terasa azab dan sengsaranya sebab sudah menjadi darah daging. Rasa tahan menanggung siksa-siksa itu sudah berakar dan berumbi.

Tuhan tidak akan mengambil balik ke atas apa yang telah diberikannya dan rasa tahan menanggung cuma satu pemberian tuhan akhirnya terpancarlah satu sinar yang memadamkan segala api dalam neraka itu kerana Tuhan tidak akan membiarkan hambanya tinggal di dalam neraka lagi setelah sifat-sifat tuhan yang mukammal diketahui oleh isi neraka itu. Beberapa benarnya tekanan Winstedt ini masih boleh disangskakan.

Sultan Mansor Shah akhirnya mangkat. Baginda berwasiat kepada anakandanya Sultan Alauddin: ketahuilah olehmu hai anakku bahawa dunia ini tidak akan kekal adanya. Yang hidup itu akan mati juga sudohnya, iman yang sempurna dan pekerti yang baik, itulah yang kekal ...

... Dibatu nisan baginda Sultan Mansor Shah ada dipahat orangakan hadith nabi yang berbunyi : "Bahawa dunia ini ialah sarang labah-labah tiada kekal ianya."

Semua ini adalah memunjukkan betapa besarnya perhatian baginda Sultan Mansor Shah kepada ilmu tasauwuf dan bagaimana pentingnya tasauwuf dalam kehidupan Muslimin Melaka dewasa itu.

PERWIRA LANGKAWI DALAM KENANGAN

Ketika penduduk Langkawi sibuk memetik lada hitam dan saudagar-saudagar sibuk tawar menawar dalam bulan November, 1821, tentera-tentera Siam sampai dari Legor dengan tujuan memusnahkan Langkawi menjadi padang jarak padang terkukur. Serentak dengan serangan ke atas Kuala Kedah, Siam telah mendarat di Padang Mat Sirat dengan empat tugas yang penting iaitu membunuh semua orang yang melawan, menawan orang yang dewasa, memusnahkan rumah tangga serta tanam-tanaman dan merampas harta benda yang berharga.

Kira-kira tujuh purnama sebelum ini, Mahsuri telah dibunuh di Padang Mat Sirat oleh Datuk Kerma Jaya. Belum reda kisah-kisah itu diperbuatkan orang. Datuk Kerma Jaya menghadapi pula serangan dari Legor yang berazam menghancurkan Negeri Kedah. Datuk Kerma Jaya dibantu oleh penolongnya yang cekal, Datuk Panglima Hitam. Mereka berdua menyusun dan mengarahikan pertahanan sepulau dan perairan sekelilingnya.

Gendang raya di Bohor Masjid atas bukit di mukim Temonyong dipukul lagi perang. Hujan panas turun renyai-renyai.

Langkawi mempunyai penduduk seramai empat ribu orang pada masa ini dan beribu-ribu yang tinggal di Pulau Telibun dan Pulau Terutau. Serangan Siam yang telah lama juga diduga oleh orang-orang Melayu, terutamanya oleh orang-orang yang berulang alik dari Setol dan Legor, ditentang seberapa terdaya. Kepala orang-orang Siam Langkawi merupakan satu benteng Kedah yang paling kuat dan lebih sukar dari menakluki seluruh tanah besar. Di Langkawi Siam melancarkan gerakan "Bumi Hangus" yang dahsyat sehingga sehelai kangkong laut pun tidak ditinggal menghijau di pantai Padang Mat Sirat.

Berkoyan-koyan beras digudang Datuk Kerma Jaya yang dikumpul untuk menyara anak-anak buah dan orang-orang pelarian telah dibakar oleh Siam. Sedang asapnya menguning naik ke langit, hujan lebat telah turun dengan tiba-tiba. Beras yang seharusnya menjadi habu tertinggal menjadi beras juga untuk disaksikan oleh orang kemudian, warnanya hitam seperti arang.

Bila hari hujan, beras terbakar ini boleh dipungut dari pasir-pasir yang dinaungi oleh pohon-pohon kelapa. Dibawah pohon-pohon kelapa terbujur kubur-kubur kesatria dan serikandi yang telah terkorban. Setengahnya bernisan, banyak yang tidak.

Seperi yang berlaku di Kuala Kedah turut berlaku berlaku di Langkawi. Orang tua-tua, lelaki dan perempuan, serta anak-anak berselirak tidak tentu arah. Yang baru balik dari laut rasakan gila kerana belum kering kain dipinggang terpaksa turun ke perahu pula dan terus berkayuh ke tengah laut. Yang muda-muda diarah mempertahankan kampung bersama satria-satria Datuk Kerina Jaya dan Datuk Panglima Hitam. Orang-orang perempuan dan kanak-kanak dikawal oleh orang tua-tua berhanyut ke tengah lautan luas supaya tidak ditawan oleh orang-orang Siam. Dari jauh mereka memandang asap yang menggulung, membakar bumi Langkawi. Setengahnya bermasib baik sampai di Pufau Pinang bertemu dengan pelarian-pelarian yang lebih ramai mencurah-curah dari tanah besar Kedah. Sesetengahnya bertemu dengan perahu dari Kuala Kedah yang ingin menuju ke Langkawi, dinasihati supaya mengubah fikiran dan menuju ke selatan sahaja. Setengahnya perahu sebesar tapak tangan mengikut arus hingga ke Siak dan ke Aceh.

Ramai orang-orang Langkawi yang tinggal turun temurun di Siak, Batu Ara, Tamah Aceh dan sekitarnya berasal dari pelarian-pelarian perang ini, sama ramai dengan orang di sini yang turun temurun tinggal bertanah air di Langkawi pula.

Di pulau, perjuangan tidak kenal batasan sebab laut berkelilingan. Yang tidak bermasib baik, ditawan oleh Siam kemudian dibuntut ditengah laut. Yang berumur panjang dicentuk cuping telinga dengan rotan sega, diseret supaya menaiki perahu beramai-ramai, seorang terjatuh, ramai turut merendahkau diri kerana rotan seutas mengecuki cuping nan banyak. Seperti ikan yang dikarang, orang-orang ini dibawa ke Legor menjadi orang suruhan pembesar-pembesar Siam dan kononnya menjadi penari "Wayang Lakon" di sana.

Beratus-ratus orang Melayu yang tinggal di Legor berkumpul di sebuah kampung yang dipanggil "Kampung Pulau" mengakui asal mereka dari Langkawi hingga sekarang ini. Yang tua-tuanya pandai mengulangi kisah-kisah Mahisuri kepada anak cucunya dan memesan kepada orang yang pergi ke Langkawi supaya membawa balik sedikit air dari Tasik Dayang Bunting buat diminum cucunya yang mandul.

Sebelum berakhir tahun 1821, sekurang-kurangnya dua kali lagi Siam dari Legor menyerang Pulau Langkawi secara besar-besaran. Legor amat marah kepada Langkawi bukan sahaja kerana keindahan dan kemasyhuranannya tetapi kerana juga penaungan-penaungan dari pulau ini amat hebat sekali. Apabila pelarian-pelarian daripada Kuala Kedah berhijrah ke sini, benteng pulau bertambah kuat dan serangan-serangan

bendap ala Langkawi iaitu bertindak dari sebalik pulau-pulau yang berselerak memberi pukulan hebat ke atas orang-orang Siam.

Dalam satu serangan dalam bulan Disember tahun itu, angkatan Siam telah mendapat bantuan dari tentera-tentera Setol dan Ke Lungu, tetapi ramai yang tidak dapat balik ke Setol dan Ke Lungu kerana diserang oleh orang-orang Langkawi yang tiba-tiba muncul dari celah-celah pulau yang tidak berpenghuni dan ramai yang terjelir lidah kerana terminumair dari perigi-perigi beracun.

Satu angkatan Siam berjaya mendarat di Ulu Melaka. Di Ulu Melaka mereka terpegun melihat orang-orang Melayu telah meninggalkan rumah tangga berkumpul kecil besar tua dan muda di masjid. Masjid itu lantas dibakar supaya rentong bersama dengan manusia didalamnya. Tetapi api tidak mau marak. Kawasan masjid telah musnah dijilat api tetapi masjid sendiri tidak terbakar dan manusia-manusia menyerah diri kepada tuhan dengan tenang.

Masuk waktu Lohor, Imam memerintah bilal melaungkan azan, "Allah-u Akbar, Allah-u Akbar...". Ketika itulah tentera-tentera Siam mengundurkan diri berpusu-pusu lari dari arah ke pantai tempat perahu-perahu mereka bertambat.

Sebahagian besar orang-orang Ulu Melaka tidak muat di dalam masjid itu. Mereka bersembunyi di luar masjid mengempur Siam-siam yang berkeliaran supaya lebih cepat sampai ke pantai. Di sana perahu-perahu mereka sudah pun dirampas oleh orang-orang Melayu. Dari masjid Ulu Melaka ke pantai paling hampirnya sejauh empat batu tetapi Siam-siam ini memilih jalan yang lebih jauh seolah-olah memberi kesempatan kepada orang-orang Melayu menggunakan panah beracun mereka. Hampir kesemua tentera-tentera Siam kali ini gugur untuk dijadikan baja pokok-pokok kelapa dan bantu menyuburkan pokok-pokok lada mereka yang akan ditanam semula.

Ketika bumbung Masjid Ulu Melaka diganti dengan yang baru beberapa bulan sudah baru-baru ini, tiangnya masih yang seratus enam puluh tahun itu juga; terdapat kelarai-kelarai kesan asap dan jelaga. Berdebaran juga mengenangkan deraan orang yang tabah dan tebal imannya berdiri di dalam masjid tidak gentar kepada api yang menggilas di luar kerana di dalam dadanya lebih panas lagi api iman. Di samping masjid bertuah itu bertemu pula oleh orang baru-baru ini sepasang nisan serikandi yang syabid pada zaman itu.

Datuk Kerma Jaya menyusun rapi angkatan laut Langkawi supaya keselamatan penduduk-penduduk Pulau terjamin dan musuh tidak akan

menelus ke darat dengan tidak disedari. Seperti yang di duga, satu angkatan Siam telah tiba pada penghujung tahun 1821 dan berlakulah satu pertarungan yang paling hebat dalam sejarah Pulau Langkawi. Pertempuran sengit antara angkatan-angkatan Datuk Kerma Jaya dengan angkatan Siam berlaku di Selat Bagalah Balik iaitu antara Pulau Besar Langkawi dengan Pulau Bumbun. Dua-dua pihak telah kehilangan banyak jiwa dan dalam pertempuran inilah Datuk Kerma Jaya mendapat luka parah. Beliau tidak menghiraukan kesakitan yang dialaminya terus memekik arahan supaya pengikutnya terus berjuang. Tiba-tiba badannya terlontar ke dalam laut dan tidak dapat diselamatkan.

Datuk Panglima Hitam turut mendapat luka-luka parah di dadanya dan menghembuskan nafas yang akhir sama sehari dengan Datuk Kerma Jaya. Datuk Panglima Hitam sempat dibawa ke darat dan dikebumikan di Telaga Tujuh tempat yang sentiasa sejuk dipinggir Gunong Mat Chingcang. Setengah riwayat mengatakan kuburnya di Ujong Buhuh iaitu di Tanjung yang paling selatan menghadapi laut lepas tempat beliau meninjau layar-layar perahu musuh sepanjang hidupnya. Panglima Hitam dianggap keramat di Langkawi dan di waktu-waktu hari antara hujan dengan tidak, nelayan-nelayan ternampak panglima berbadan sasa, berpakaian hitam, masih berkawal-kawal di Hujung Buhuh.

Di Tanjung Tirai terdapat sebuah kuburan tiga depa. Nisannya dapat dilihat dari laut tegap di atas bukit. Kononnya ialah kubur Datuk Kerma Jaya, tetapi disangsikan oleh anak cucunya kerana Datuk Kerma Jaya berkubur di laut - lebih panjang dari tiga depa.

CANDI BOROBUDUR

Raja Samara Tungga dalam KM9 memimpin pembinaan Candi Borobudur : Bhumisam Bharabudhara. Dalam ibadat Suluk orang Islam ada makam-makam dicapai selepas satu-satu amalan sehingga yang paling tingginya nombor tujuh dipanggil Makam Ketujuh. Dalam Budha ada sepuluh makam. Candi Borobudur ini ialah lambang suluk Budha makam kesepuluh. Ia dibina sepuluh tingkat.

Di panel dinding candi diukirkan gambar-gambar menceritakan kehidupan yang dilalui oleh Budha dari peringkat kehidupan manusia biasa hingga ke martabat sepuluh. Digambarkan juga akibat-akibat kesengsaraan yang menimpa manusia hasil dari perbuatan yang didorong oleh nafsu sendiri dalam kehidupan di mayapada ini. Orang yang mendalami ilmu Agama Budha dapat membacanya seperti membaca akhbar.

Orang Jawa Kuno seribu tahun dahulu samalah budayanya dengan orang-orang Tenggara Asia seribu tahun dahulu juga. Boleh difikir orang bermain seruling dan kecapi, gambar penari, gambar tukang hurut, orang berburu, orang berpesta, pengasuh bayi, bala tentera, rumah kampung, orang naik kuda, kapal, orang memuja dewa di candi-candi, gambar tandu, payung, pokok-pokok dan bunga-bunga serta sungai dan laut. Yang anehnya ialah gambar meminang : Wakil anak teruna membawa gambar pengantin lelaki dan bertukar gambar pengantin perempuan dari wakilnya. Bertukar gambar bakal pengantin berlaku seribu tahun dahulu. Sudah ada juri lukisnya, jika pun belum ada juri photo.

Berapa panjang panel ukiran batu ini? Semuanya tidak kurang dari 3 kilometer. Jika diatur satu barisan dari Wisma Negeri dia akan sampaikan Hospital Besar. Semuanya dua juta ketul batu yang dipahat, diukir dan dicantum. Candi sepuluh tingkat ini tingginya 34 setengah meter. Lebar panjangnya sama besar merupakan candi empat persegi tepat : setiap penahapunya 123 meter. Borobudur merupakan sebuah candi Budha yang paling besar dalam dunia. Letaknya pula di atas sebuah bukit meningkatkan haibat bentuknya dipandang dari jauh. Ya, cerita-cerita bergambar yang diukir dengan cermat di atas mutu batu mengelilingi sepuluh tingkat. Candi ini panjangnya 3 km. Tentulah melukis gambar pengantin amat senang.

Pada gambar pemintaan di candi tenikir gambar-gambar bangunan candi wujud masa itu. Candi-candi yang diukir itu tentulah lebih awal

atau lenih tua dari Borobudur sendiri. Selain dari Candi Pawon dan Candi Mendut maka candi-candi di Lembah Bujang, merupakan juga candi-candi yang lebih tua dari Borobudur. Mungkin gambar candi di panel Borobudur boleh menolong menggambarkan candi-candi di Lembah Bujang.

Sebelas abad yang lalu para seniman Jawa bekerja dengan tidak berniat melihat candi yang mereka binakan ini siap dalam jangka umur hidup mereka. Anak cucu akan menyambung. Candinya begitu besar dan seninya begitu halus hampir-hampir menjadi satu dari karya ajaib semesta. Setelah siap candi yang cantik ini, orang Jawa Tengah memujanya siang dan malam. Selama seratus tahun Borobudur dipergunakan sepenuhnya. Selepas seratus tahun itu, Jawa Tengah jatuh. Kekuasaan diambil oleh Jawa Timur dan Borobudur tinggal terbengkalai.

Apabila kekuasaan Jawa Tengah luput, Borobudur pun terbiar. Tiada orang datang lagi membuat pesta. Hujan menimpa. Kemudian pohon-pohon kecil tumbuk di atasnya. Pohon kecil menjadi besar, tumbang dan mati silih berganti hingga keseluruhan Candi Borobudur ditimbuk tanah dan pohon seperti bukit selari dengan bukit-bukit lain di sekitarnya. Beratus tahun terbiar begitu. Seorang dua yang datang terkejut bertembung atau "terjuak" dengan wajah hantu lari batu. Bila samapi di rumah, dia mati. Orang bercakap-cakap bahawa bukit itu berhantu. Tempatnya keras kerana menyebabkan orang mati. Kanak-kanak tidak diberi menghampiri tempat itu. Sampai seribu tahun keadaannya begitu. Bila Islam datang, tempat itu menjadi larangan pula. Dia bertambah terbiar.

Raffles datang ke Jawa. Dia terdengar cerita bukit berhantu. Dia tahu apa yang sebenarnya fanta mengorahkan seorang ahli kaji purba membuat pemugaran. Semenjak dari itu bentuk dan rupa Borobudur dikembalikan semula seperti seribu tahun dahulu yang silamnya dan menghindarkannya dari menerima kerosakan yang berlanjutan. Tetapi apabila orang tahu bukit itu mempunyai batu-batu yang cantik, orang yang pergi melihat akan membawa balik bunga tangan. Koniannya ada seketul di Kedah disimpan sekarang di Muzium Arkeologi - dibawa ke sini oleh orang putih sebelum perang dahulu.

Lima ratus empat buah patung Budha diatur berkeliling di candi ini. 208nya rosak, kudung atau rompong. 53 tanpa kepala dan 43 buah tempat bersila tanpa patung sebab telah dicuri orang ataupun telah hancur lebur. Dalam pada itu koniannya Kerajaan Belgium memberi balik dua buah kepala Budha. Kalau tidak tentulah 55 Budha tanpa kepala Borobudur.

Kerosakan berlaku kerana dirosakkan manusia lebih besar dari ancaman alam. Orang kampung mencuri batu-batu kerana membuat rumah. Pelawat-pelawat seperti pemburu-pemburu barang antik dan pegawai-pegawai muzium cuba mencuri beberapa yang boleh. Dalam tahun 1896, Japan buah kereta lembu batu-batu Borobudur dijadikan persembahan kepada Raja Chulongkorn. Daftar menyebut 30 ketul batu berukiran gambar, lima buah patung Budha, 2 buah singa batu, beberapa kepala kala dan seekor gergasi besar. Sampai kiamat Borobudur tidak akan lengkap seperti asalnya.

Di kemuncak atasnya sekali diletakkan patung Budha nombor 504 separuh sirius dan separuh senyum. Mukanya seperti patung-patung lain juga berunsur Jawa. Anehnya patung ini tidak siap kerana belum lengkap seperti patung Budha yang lain. Mengapa yang belum lengkap ini diletakkan di kemuncak sekali? Tetapi dia melambangkan manusia yang paling lengkap, paling tinggi makamnya, sudah kamal mukamil, sudah sampai martabat sepuluh. Atas keraguan itu kononnya, patung ini telah diubah tempatnya, diturunkan pangkatnya ke bawah. Tetapi asal-usulnya tempat patung ini di paling kemuncak.

Ada kawan menyigung saya dan berkata, "Api neraka akan menjadi pelebur teakhir. Atas dunia ini manusia tidak akan sempurna hanya setelah dilebur semula oleh api neraka!" Jangan bergurau dengan api neraka. Barangkali seniman-seniman lebih seribu tahun dahulu sudah arif dan faham bahawa selengkap-lengkap manusia tidak ada yang paling sempurna.

GUNUNG JERAI : FAKTA DAN FANTASI

Seorang malim tua mengatakan bahawa Gunung Jerai itu asalnya **ialah** sebuah pulau yang dipanggil Pulau Serai. Demikian megikut **Hikayat Merong Mahawangsa**. Malim tua itu sampai di Tanjung Jaga di **kaki** Gunung bersama-sama rajanya Merong Mahawangsa dalam abad **11** - hampir seribu tahun dahulu.

Bahtera Raja Merong Mahawangsa terpisah dari kapal-kapal lain dalam armadanya kerana diserang oleh Burung Garuda. Dalam angkatan "bertaburan penuh laut" itu cuma bahtera Merong Mahawangsa yang **terselamat**. Baginda membuka kota istana di **kaki** Gunung Jerai. Kota **itu** dinamakan "Langkasuka" mengambil sempena nama sebuah empayar yang pernah memerintah Gunung Jerai dan sekitarnya. Pada masa itu Empayar Langkasuka sudah tiada lagi - hanya tinggal kenangan. Empayar Langkasuka sudah habis 600 tahun sebelum Merong Mahawangsa.

Ketika raja Merong Mahawangsa tiba, tiga penahap Pulau Serai **sudah** dikelilingi daratan. Yang belum ialah pantai Tanjung Jaga. Penahap **itu** sekarang pun masih laut lagi.

Seribu tahun sebelum Merong Mahawangsa Pulau Serai itu sudah **pun** menjadi gunung yang dikelilingi daratan. "Agni Purana" - sebuah kitab suci Hindu yang amat tua menyebut negeri "Anda-Kataha" **bersempadan** dengan sebuah gunung. "Anda-Kataha" ialah Lembah Bujang atau Lembah Emas. Gunung Jerai bukan sahaja menjadi sempadan malahan mengindahkan "Anda-Kataha".

Lembah Bujang atau Lembah Emas, Anda-Kataha, Muha-Kataha-Dipa, atau Kataha Nagara tidak dapat dipisahkan dari Gunung Jerai. Lebih kental dari Palembang dengan Siguntang Mahamiru.

Bilakah Pulau Serai menjadi Gunung Jerai tidak penting. Kalau **mengikut** orang Melayu masanya ialah waktu Gedembai menegur atau **menyumpah** pulau itu menjadi gunung. Oleh terlalu besar, rampak dan **rimbun** dengan tumbuhan menghijau, gunung itu dinamakan Gunung Jerai.

Jerai ialah pokok beringin yang tegak seperti pokok jeawi. **Pokoknya** hebat dan dalam cerita lama dikatakan tempat **bercengkerama** orang-orang kayangan. Mungkin setengah orang **mempercayai** Gunung ini tempat orang-orang Kayangan **bercengkerama**. Nama gunung ini sebagai "Gunung Jerai" diberi oleh **Merong Mahawangsa**.

Lama sebelum Merong Mahawangsa tiba lagi, kemuncak Gunung Jerai senantiasa dipasang api, ahli-ahli pelayaran yang menghartungi gelombang diwaktu malam boleh membuat pedoman, dari sebuah kawah yang dipenuhi lemak dan minyak, api dinyalakan oleh orang-orang yang kuat keyakinannya bahawa menyalaikan api begini akan menceerahkan juga perjalanannya ke alam yang lebih jauh. Mungkin amalan ini disambung oleh Raja Merong Mahawangsa dan seterusnya oleh Syekh Abdullah al-Yamani yang membawa Islam ke negeri Kedah Darul Aman dalam abad 12.

Orang-orang Melayu meninggalkan agama Hindu-Buddha ala Nusantara dan menyambut agama Islam dengan hati yang terbuka. Candi-candi dan biara "bujangga" dirobohkan kecuali rumah api dikemuncak gunung. Sungai Bujang ialah sungai yang dimudiki oleh para "bujangga" atau para sami Hindu-Buddha Khususnya dari kalangan orang Melayu naik bertapa di gua-gua Gunung Jerai.

Batu-batu kesan orang bertapa, lengkap dengan tempat meletakkan siku dan lengan ketika duduk dan kesan sandaran belakang dan kepala irap-irap kerusi batu yang ditukangi manusia masih ada di antara puluh tahun dahulu. Banyak gua di Gunung Jerai, kecil dan besar, tetapi masih banyak yang dimasuki manusia. Begitu juga banyak kolam dan lubuk di atas Gunung Jerai, besar dan kecil seperti banyaknya anak-anak sungai yang belum disentuh manusia.

Raja Kedah yang menerima Islam dari Shekh Abdullah dalam tahun 1436 ialah Sultan Muzaflar Syah. Istananya di Bukit Meriam. Untuk mengabadikan perasmian agama Islam di Negeri ini, Sultan berkenaan mendirikan sebuah masjid dengan menara yang tinggi di atas Gunung Jerai. Selain dari asap dari kawan api maka sekarang suara azan pula bergulung-gulung naik ke langit biru.

Tapak masjid dan sekitarnya dikemali sebagai Padang Tuk Syekh, terletak lebih kurang sebatu ke bawah dari Rumah Peranginan. Luasnya kira-kira tiga ekar.

Belum sempat masjid dan menara siap didirikan, Syekh Abdullah meninggal dunia semasa melihat mereka bekerja. Jasadnya dikebumikan diatas : Di - Padang Tuk Syekh.

Ada orang yang sempat melihat batu-batu dan batu runtuh masjid dan menara di Padang Tuk Syekh itu. Ada orang pernah melihat seorang Syekh : Berjubah putih dan berjanggut panjang melakukan solat di atas batu di situ. Macam-macam sudah diperkatakan orang selepas 800 tahun peristiwanya berlaku. Yang ada di situ ialah pokok-pokok condong

berbatang licin, tempat harimau mengasah kuku.

Sebuah batu besar berbentuk kapal sedang berlabuh terletak ke bawah sedikit dari Rumah Peranginan berhampiran sebuah air terjun. Batunya dipanggil ‘Batu Kapal’. Sebuah kapal sedang bulyar ditutup oleh angin taufan yang kuat meloncongnya ke puncak Gunung Jerai. Kemudian disumpah pula oleh Gedembai menjadi batu.

Di bawah ‘Batu Kapal’ ini ada kahruin yang disembunyikan oleh orang zaman dahulu. Mungkin juga khazanah dari kapal batu yang tersimpang dari sumpahan Gedembai. Di buritan kapal ada serumpun buluh - konomnya itulah buluh perindu. Selalunya disembunyikan dari mata kita oleh orang-orang halus. Lagendanya sudah menjadi fantasi. Satu masa dahulu orang-orang Thai membina kutil Buddha di sini. Sekarang tidak lagi. Dari air terjun yang kecil di Batu Kapal ini, mengalir airnya ke bawah menjadi Air Terjun Titi Hayun. Satu tempat perkelahan muncul di situ kerana kolamnya menarik. Batu Kapal yang mengirimkan air.

Banyak batu-batu di Gunung Jerai menyerupai ikan dan buaya, gajah dan harimau. Semuanya menjadi batu kerana disumpah oleh Sang Gedembai - sejenis kejadian yang lantang lidahnya menyumpah apa sahaja menjadi batu !

Ada orang yang menjelajah dari sebuah bukit ke sebuah bukit mencari akar-akar ubat telah bertemu dengan gua batu. Dalamnya terdapat batu-batu menyerupai berpuluhan manusia yang sedang bersembahyang dalam berbagai aksi. Ada yang sedang stitud, sedang tukuk, sedang berdiri dan sedang bertimpah. Semuanya batu yang sudah berlumut.

Orang-orang Kedah memandang Gunung Jerai sebagai sebuah rumah yang amat besar. Puncak yang paling tinggi ialah Bukit Tibar Layar di bahagian paling atas menjadi bumbung ibu kepada gunung. Sebenarnya terdapat dua kemuncak di sini : Kemuncak stesyen TV tempat kawah api dan kemuncak Rumah Peranginan yang rendah sedikit. Dua kemuncak ini dari bawah kelihatan satu jua. Tibar Layar berbentuk tiga persegi dapat dilihat dengan jelas dari laut Tanjung Jaga. Inilah bahagian Gunung Jerai yang paling dikenali oleh pelawat-pelawat.

Bukit-bukit yang menjadi anak kepada Gunung Jerai mengelilingi Bukit Tibar Layar seolah-olah merupakan bumbung-bumbung anjung, bumbung lepau, bumbung serambi, bumbung gajah menyusu dan sebagainya kepada gunung itu.

Bukit di sebelah matahari naik ialah Bukit Bakung. Bahagiannya

yang menghadapi jalan raya dipanggil Kepala Bukit. Ini diumpamakan sebagai beranda kepada Gunung Jerai. Jalan tar berlari lengkok melenggok, lipat melipat naik ke kemuncak sejauh 20 kilometer.

Jejaka-jejaka yang berhasrat mendaki gunung dengan berjalan kaki boleh memulakannya dari sini. Selama lima jam mereka sepatutnya sampai di Tibar Layar.

Selepas dua jam mendaki mereka akan menemui bahagian yang agak curam. Ketua rombongan terpaksa mengkaji semula cara-cara membantu pendaki-pendaki yang agak lemah. Curam itu dipanggil "Curam Allah-Mak". Selepas dua jam pula, rombongan ini akan menemui satu lagi curam yang agak sukar didaki. Pendaki-pendaki pula sudah lebih penat dari tadi. Curam ini dipanggil "Curam Allah-Pak". Di sini ada pendaki-pendaki jatuh kebelakang. Dengan memegang pokok-pokok kayu kecil dan akar-akar yang melilit batu-batu di situ curamnya dapat diatasi. Di sebalik batu curam itu ternampaklah lorong kecil di antara dua bukit. Lorongnya dipanggil Jebak Puyuh. Kemudian ternampaklah kemuncak Tibar Layar yang dituju.

Bahagian gunung yang dibasahi oleh Laut ialah Tanjung Jaga. Ibarat rumah, sinilah dapurnya yang sentiasa basah. Bukit yang tegak di sini ialah Bukit Belida. Dari Bukit Belida boleh didaki ke kemuncak.

Tempat-tempat menarik yang ditempuhi dari sebelah dari sebelah sini selepas bergerak sebatu dua ialah Batu Raja Beradu. Pada masa-masa raja dan pembesar naik ke gunung dengan ditandu atau diusung, di sini mereka neyyenyak beradu. Dipertengahan gunung yang beransur meninggi, tiba-tiba bertemu lah Batu Lintang. Inilah batu yang betul-betul melintang jalan naik ke atas. "Allah-Mak" dan "Allah-Pak" bercantum sekali. Mendakinya ialah memanjang dinding yang tegak. Anak-anak kayu dan akar-akar yang melilit menjadi pembantu. Sebatu dari sini sampailah ke Padang Tuk Syekh. Kawasannya lapang diliputi oleh pokok-pokok lalang. Pokok-pokok periok kera di bawah sudah membesar di sini menjadi periok beruk.

Tidak lama kemudian sampailah ke Batu Kapal dan seterusnya ke kemuncak Rumah Peranginan. Sudah sampai di Tibar Layar.

Di Batu Kapal bermulanya satu deretan kolem-kolem kecil yang sambung menyambung. Anihnya deretan air ini dipanggil Alor Naga. Kononnya ialah tempat naga bergerak dari sebuah kolam ke sebuah kolam. Denai yang dilalui menjadi alur menyambungkan kolam di Batu Kapal dengan kolam Alor Naga di pinggang gunung. Banyak deretan-deretan kolam atau "kator" bersusun dari atas ke bawah – semakin bawah

semakin hebat kerana airnya bertambah banyak.

Satu peristiwa menarik berlaku sekitar 1927. Hujan turun renyai-renyai selama beberapa malam menyebabkan sebahagian dari sebuah bukit kecil di utara Gunung Jerai runtuh menyembah bumi. Satu kawasan batu yang luas terdampar dengan tiba-tiba dan muncul pula sebuah kolam yang menarik. Pekan Yam digenangi air sedalam dua kaki selama enam hari enam malam dan orang terpaksa membeli belah dengan perahu.

Kolam yang baru muncul sekarang membekalkan air ke Kampung Raga dan sekitarnya. Tempat ini dikenali sebagai Batu Hampar. Kolam yang dipandang itu konoinya nombor tujuh. Ada enam buah lagi di atas bersusun satu demi satu tersembunyi dilindungi rimba. Bukit Kecil yang terserpih dipanggil Bukit Reban. Reban dalam Bahasa Kedah ialah runtuh atau roboh. Ini terjadi konoinya kerana seekor naga berkisar ditempat duduknya dan ingin lari ke laut. Ada orang yang mengaku melihat sisik naga di celah-celah batu – sebesar nyiru sekeping-sekepingnya.

Ungkapan-ungkapan Sang Gedembai, Orang Kayangan, Orang Halus Syekh Janggut Panjang, naga dan sebagainya bukan dipinta supaya dipercayai, tetapi inilah bahasa-bahasa yang dipergunakan oleh orang-orang yang kagum dengan sebuah gunung yang penuh misteri.

PERTEMUPURAN DI PULAU BIDAN

Dalam bulan Julai 1838 bersamaan bulan Muharram 1244 Tunku Muhamad Saad telah melancarkan angkatan perangnya dari Kuala Merbuk untuk mara ke Terengganu dan mengusir Siam dari bumi Kedah buat selama-lamnya, dari utara turun ke selatan.

Tunku Muhamad Saad ialah anak sandara Sultan Ahmad Tajuddin dan pernah menjadi tawanan Siam di Legor. Chuping telinganya masih berkerutut seperti kulit limau purut kesan dikarang rotan sega.

Tunku Muhamad Saad dibantu oleh Tunku Muhamad Akib, seorang lagi anak sandara Sultan Ahmad Tajuddin, telah merancungkan segala-galanya dengan pemah teliti.

Mereka telah berjaya mengumpulkan orang-orang Melayu berdiri tegak di belakang perjuangan ini dan telah melantik Tunku Abdulllah, putera sulung Sultan Ahmad Tajuddin menjadi kepala jemaah panglima-panglima perang.

Satu angkatan laut yang berdisiplin diwujudkan di bawah amirul bahr atau laksamananya iaitu Datuk Muhamad Ali bin Datuk Kerma Jaya dari Langkawi yang diberi gelaran Datuk Setia Segara.

Datuk Muhamad Ali telah diutus oleh Tunku Muhamad Saad ke Batu Bara di Aceh beberapa lama untuk melengkapkan sebuah angkatan laut yang besar mengandungi beratus-ratus buah perahu besar dan perahu panjang.

Di bawah kelolaan Datuk Muhamad Ali Setia Segara diletakkan dua buah ketumbuk yang dipanggil "Sayap Kanan" dan "Sayap Kiri" diketuai oleh Nakhoda Lanang Pati.

Bahagian belakang yang dipanggil "Ketumbuk Ekor" mengandungi jumlah perahu besar yang besar sekali terdiri dari pelbagai jenis perahu dan kenaikan air orang Melayu dikawal oleh Datuk Muhamad Ali sendiri. Tiap-tiap sayap dan ekor diberi arahan-arahan tertentu dan jumlah perahu-perahu semuanya menjadi rahsia yang tidak pernah disebut-sebut orang.

Hingga ke hari ini masih lagi tidak diketahui jumlahnya yang sebenar. Datuk Muhamad Ali dibantu oleh Panglima Muhamad Taib Hitam menyusun angkatan perang yang akan bertindak dari belakang.

Sekali ini orang Melayu melancarkan perjuangan yang terakhir hingga sudah ada yang berani menonjolkan perjuangan ini sebagai "Perang Sabil".

Orang-orang Melayu dari Aceh dan Sumatera, dari Petani dan Perak, dari Pulau Pinang dan Langkawi, dari tanah yang terjajah di Setol, Tereng, Kedah dan Perlis. Demikian juga Melayu-Melayu yang lain berkeliaran di dalam laut dan terpencil di pulau-pulau yang tidak bernama dikenali sebagai lanun dan perompak, telah bersatu tukad untuk menebus kembali Negeri Kedah dari tangan Siam.

Masih ada orang menyebut bahawa Tunku Muhamad Saad mempunyai Ilmu Pengasilan. Orang yang tak mahu berperang pun sanggup meninggalkan anak isteri berjalan di belakang Tunku Muhamad Saad masuk ke dalam hutan memperbaikui latihan bersilat dan siasah peperangan masa itu.

Kononnya ramai anak-anak muda belasan tahun yang sanggup mengadaikan nyawa menebus tanah air bersama-sama Tunku Muhamad Saad dan ini telah menarik bapa-bapa dan datuk-datuk mereka menjadi malu dan tak tentu arah.

Dengan itu bapa-bapa dan datuk-datuk ini turut melibatkan diri juga sebagai perjuang di barisan hadapan, meninggalkan yang terlalu diaif dengan orang-orang perempuan mengawal kampung halaman dan sawah padi mereka. Umur panjang bertemu kembali, pantang hidup bercerminkan bangkai. Kalau takdirnya menemui ajal, disyorga kita bertemu sebab mati hanya sekali dan mati sekali ini ialah mati syahid.

Angkatan laut Tunku Muhamad Saad bermalam di Pulau Empat Beradik iaitu di Pulau Telor, Pulau Songsang, Pulau Bidan dan Pulau Bunting. Sedang nyenyak tidur, angkatan yang berteduh di Pulau Songsang dan Pulau Bunting telah diserang oleh sebuah angkatan laut kecil dari pihak siam.

Seorang Panglima yang perkasa berasal dari Selibis bernama Panglima Yu mengapalai angkatan Siam itu telah bertemu dengan Datuk Muhamad Ali Setia Segara di Pantai Songsong dan mereka berdua telah beradu kekuatan dan kesaktian masing-masing dengan menggunakan tipu muslihat ilmu peperangan, ilmu silir dan sebagainya.

Seorang lagi hulubalang Siam bernama Panglima Barim, seorang Melayu asalnya bernama Ibrahim yang gagah berani tetapi tersulut menyebelahi pihak Siam. Panglima Barim amat handal melontar lembing batang pendek dari perahunya tepat menemui sasaran iaitu di tengah-tengah belakang perwira-perwira Melayu yang berada lima puluh elai darinya.

Ramai pejuang-pejuang Melayu yang sedang rihat malam itu menemui ajal mereka Pulau Songsong dan di Pulau Bunting, belum lagi

jauh dari kampung halaman yang mereka tinggalkan di Penaga dan di Kerian.

Dalam pertarungan sengit antara Panglima Yu dengan Datuk Muhamad Ali habis senjata-senjata di badan dipergunakan oleh mereka berdua sehingga akhirnya Panglima Yu terpaksa menggunakan kayu-kayu kapal sahaja membalut Datuk Muhamad Ali.

Datuk Muhamad Ali tergelincir dan jatuh ke dalam air tetapi cepat-cepat ia mendaki semula ke dalam perahuanya dan mencapai sebatang lembing panjang lalu ditikamnya paha Panglima Yu.

Lembing sesat di tangan Datuk Muhamad Ali menembusi daging lembut di paha Panglima Yu, lalu cepat-cepat meminta anak buahnya melarikan diri naik ke tanah besar di Kuala Sala.

Angkatan Tunku Muhamad Saad turut mengarahkan orang-orangnya berkayu habis-habisan di dalam kelam malam itu.

Mengikut cerita, angkataninya telah sampai di Bukit Pinang. Apabila hari telah siang, angkatan Tunku Muhamad Saad mengepung Bukit Pinang dan menangkap Panglima Yu serta orang-orangnya, membawa mereka balik ke Pulau Songsong ke hadapan Tunku Muhamad Saad.

Askar-askar Siam di Kuala Kedah dan di tempat-tempat lain di Kedah sedikit pun tidak memberi perhatian kepada Panglima Yu yang terlibat dalam drama kejar mengejar sepanjang hari ini seolah-olah pergauduhan yang berlaku hanya antara orang Melayu dengan orang Melayu sahaja, bukan membela kepentingan Siam dengan susah payah Panglima Yu dan orang-orangnya ditawan dan dibawa ke Pulau Songsong.

Di Pulau Songsong Panglima Yu dan orang-orangnya cuba melawan, jadi mereka terpaksa diikat. Tetapi Panglima Yu tak dapat diikat kerana tersangat tangkas walaupun pahanya mengalir darah hingga ke tumit. Mukanya bengis memandang orang-orang Melayu yang cuba menindukannya.

Dalam kelangkut yang timbul akibat beberapa orang pengikut Panglima Yu telah terlepas naik ke perahu mereka melarikan diri. Tunku Muhamad Saad terpaksa mengeluarkan hukuman supaya pengkhianat-pengkhianat Negara ini dibunuh saja.

Bagaimanapun telah ramai orang-orang Melayu yang setia telah terkorban masa sedang tidur semalam dibunuh curi oleh orang-orang ini.

Satu keanihan berlaku apabila Panglima Yu tak dapat dipengapakan kerana kulitnya keras dan tulangnya sasa seperti besi.. Hanya lembing sesat seperti yang dicapai oleh Datuk Muhamad Ali tadi saja dapat melukakan Panglima Yu.

Tunku Mihamad Saad teringatkan petua guru lama-lama akan satu cara yang boleh mempengapakan orang yang kahar berkulit kebal seperti ini, iaitu dengan mampaksanya menjilat besi panas.

Beliau mengeluark m arahan supaya sekeping mata cangkul dibakar hingga merah kemudian memaksanya menjilat mata cangkul itu. Ramai orang mendengar Panglima Yu berteriak kesakitan dan melafazkan taubat, "Aku bertaubat, aku bertaubat tak mahu menyebelahi kafir lagi". Tetapi nyata telah terlumbat kerana Malik-Maut telah merentap nyawanya ketika itu juga dan pintu taubat untuknya sudah pun tertutup rapat.

Panglima Barim terbumuh lebih awal lagi dari Panglima Yu dan kubur mereka berdua masih ada di Pinggang Putau Songsong, diatur bersama-sama dengan perajurit-perajurit lain yang menjadi mangsa mereka.

Diatur bersama kerana semuanya Islam.

BULAN PIAMA

Terdapat dua musim di Negeri Kedah iaitu musim hujan dan musim kemarau. Musim hujan bermula dari bulan Mei hingga bulan Oktober dan musim kemarau bermula biasanya dari bulan November hingga bulan April. Orang-orang kampong menamakan juga musim hujan itu musim barat kerana angin barat menuju ke arah barat serta membawa hujan musim kemarau disebut juga musim timur kerana anginnya berhembus dari timur.

Pesawah-pesawah dan nelayan-nelayan Negeri Kedah membahagikan musim-musim ini kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil dipanggil "piama", dan terdapat dua belas piama dalam setahun. Jadi, piama ialah musim-musim pendek dan kerana lamanya sesatu piama itu tiga puluh atau tiga puluh satu hari maka disebutlah pula "Bulan Piama".

Bulan Piama yang pertama di sebut "Bulan Sa" dan bulan kedua disebut "Bulan Dua" dan seterusnya "Bulan Tiga" hingga "Bulan Dua Belas". Tiap bulannya mempunyai ciri-ciri yang teristimewa dan berbeza dari bulan-bulan lain kerana berlaku perubahan-perubahan kepada tumbuh-tumbuhan, arah angin, hujan dan panas, serta tabiat haiwan dan kedudukan Bintang ketika dalam tiap-tiap bulan piama itu.

Kiraan Bulan Piama telah hilang kepada kebanyakan orang-orang sekarang tetapi masih ramai orang tua-tua¹ yang tahu bahawa pada 15

-
- 1 Tuan Haji Yusus bin Haji Ismail, Imam Tua Masjid Kampong Rambai, Tokai.
Encik Ahmad Dacha bin Din, Seberang Nyonya, Kuala Kedah.
Tuan Haji Zakaria, Sungai Limau
Tuan Haji Abdullah bin Haji Said, Kampung Alor Rambai, Bukit Tinggi.
Tuan Haji Said bin Abdul Hamid, Titi Gajah.
Encik Harun bin Haji Yusus, Tandop.
Tuan Haji Hassan bin Ahmad, Tandop.
Tuan Haji Abdullah, Hujung Alor, Tandop.
Tuan Haji Yahaya, Guitong Kenang.
Encik Ahmad bin Ibrahim, Sungai Limau.
Encik Awang, Sungai Limau.
Encik Hussien bin Arif, Tandop.
Encik Nasir bin Haji Abdul Majid, Alor Merah.
Tuan Haji Cik Mat bin Ibrahim, Bukit Raya.
Tuan Lebai Rajah bin Mahmud, Kampong Alor Rambai, Bukit Tinggi.
Tuan Haji Abdullah, Bukit Tinggi.

haribulan Lima dan 15 haribulan Sepuluh kiraan Bulan Piama matahari akan berada tegak di kepada dan pada waktu rembang iaitu tengahari tepat akan hilang bayang-bayang diri "resap ke dalam badan".

Mengikut perhatian, 15 haribulan Lima Piama berlaku pada 3 April 1980 dan 3 April 1981, dan 15 haribulan Sepuluh berlaku pada 5 September 1980 dan 6 September 1981. Pada empat-empat hari yang tersebut bayang-bayang rembang hilang sejenak sebelum waktu Zohor. Dari situ bolehlah dikira bulan-bulan piama untuk sepanjang tahun 1980 dan 1981 dan boleh disusun semula kalender Bulan Piama ini. Pada mata kasar kehilangan bayang-bayang di waktu rembang berlaku empat atau lima hari disekitar tarikh yang disebut tadi dan bukanlah berlaku tepat pada tarikh-tarikh itu sahaja. Kiraan Bulan Piama berdasarkan pemerhatian mata kasar atau percairan yang berlaku dalam langkongan 30 atau 31 hari atau piamanya itu.

Dalam kiraan Bulan Piama tarikh Hijrah tidaklah boleh digunakan. Bulan Piama lebih hampir selari dengan bulan-bulan astrologi Bintang Dua Belas di mana Bulan Sa hampir berlekap dengan Sagittarius atau Kaus. Bulan Piama dengan tarikh Masehi yang bersamaan boleh dilihat di jadual berikut:

Bulan Piama	Tarikh Masehi	Jumlah Hari	
Bulan Sa	20 November	hingga 19 Disember	30 hari
Bulan Dua	20 Disember	hingga 18 Januari	30 hari
Bulan Tiga	19 Januari	hingga 17 Februari	30 hari
Bulan Empat	18 Februari	hingga 19 Mac	30 hari
Bulan Lima	20 Mac	hingga 19 April ¹	31 hari
Bulan Enam	20 April	hingga 20 Mei	31 hari
Bulan Tujuh	21 Mei	hingga 20 Jun	31 hari
Bulan Lapan	21 Jun	hingga 21 Julai	31 hari
Bulan Sembilan	22 Julai	hingga 21 Ogos	31 hari
Bulan Sepuluh	22 Ogos	hingga 20 September ²	30 hari
Bulan Sebelas	21 September	hingga 20 Oktober	30 hari
Bulan Dua Belas	21 Oktober	hingga 19 November	30 hari

1 15 hb. Lima ialah pada 3 April

2 15 hb. Sepuluh ialah 5 September – Bulan Sepuluh ini kadang-kadangnya 31 hari.

Bintang Ketika

Bintang Ketika ialah juga Bintang Tujuh atau Bintang Puyuh dipanggil "Pleiades" dalam Bahasa Inggeris. Sepanjang-panjang Bulan Sa, Bintang Ketika berkerdiri sepanjang malam kerana terbitnya diwaktu senjakala dan jatuh di waktu subuh. Di waktu tengah malam, Bintang Ketika "rembang di puncak kepala" tujuh-tujuh bijinya bersusun di dalam satu kelompok di antara jelas dengan tidak sehingga orang berpantun: "Bintang Tujuh tinggal enam...".

Pada mata kasar Bintang Ketika berkeadaan begini sepanjang-panjang Bulan Sa. Pada hakikatnya dia muncul awal empat minit tiap-tiap malam dan dalam Bulan Dua ternampaklah kepada mata kasar bahawa Bintang Ketika sudah pun dua jam awal dari Bulan Sa. Dalam Bulan Sa, Bintang Ketika muncul dari kaki langit pada jam empat pagi pula dan jatuh dua jam lebih awal dari bulan sudahnya.

Dalam memerhati bintang-bintang yang sentiasa bergerak dari timur ke barat, seperti bulan dan matahari, lokasi bintang-bintang itu telah dipertentukan. Istilah lokasi yang digunakan untuk Bintang Ketika ialah "Menatang benih" ketika ia berada 30 darjah dari kaki langit timur, "Melongsor gelang" ketika ia berada 60 darjah dari kaki langit, dan "Mengangkat kening" ketika itu ia berada 90 darjah di puncak kepala. Kadang-kadang disebut juga "Rembang". Dalam Bulan Sa, Bintang Ketika "mengangkat kening" diwaktu tengah malam.

Masa yang baik menabur padi benih ialah dalam Bulan Lapan iaitu ketika Bintang Ketika "Menatang Benih" di waktu subuh. Padi yang ditabur iaitu yang dijadikan benih untuk tahun itu, eloeklah mengikut warna Bintang Ketika juga : Merah, putih atau kuning.

Dalam Bulan Sembilan, Bintang Ketika "Melongsor gelang" di waktu subuh dan masanya juga sesuai untuk bertanam padi. Dalam Bulan Sepuluh, Bintang Ketika "Mengangkat Kening" di waktu subuh dan masanya dikira terlewat sedikit untuk bertanam padi tetapi belumlah "sayup" dan padi yang ditanam masih boleh mengeluarkan hasil. Tetapi apabila Bintang Ketika sudah hampir jatuh di waktu subuh di sebelah barat langit, padi yang ditanam dalam bulan itu akan berbauah daripada aditnya : tak boleh dimakan lagi!

Burung Balai

Burung ini, terdapat di pinggir sawah di hujung-hujung kampong, telah menjadi perecuman besar kepada pesawah-pesawah di negeri ini. Sepasang atau dua pasang Burung Balai mulanya akan berbunyi dari atas pokok pagi dan petang apabila matahari beridar ke selatan hemispear iaitu selepas 15 haribulan sepuluh Piama. Bunyinya itu seolah menyambut Bulan Sebelas dan selagi burung ini masih berbunyi di atas pokok, pesawah-pesawah boleh lagi bertanam padi.

Dalam Bulan Dua Belas, burung balai asyik berbunyi dari pinggang-pinggang pokok dan dalam Bulan Sa, burung-burung ini galak berbunyi lebih kurang sehasta dari tanah meloncat-loncat di atas ranting kayu atau reba-reba kering. Burung-burung ini menangkap katak atau belalang yang patuk-patuk dengan paruhnya sehingga binatang-binatang itu mati kemudian diletakan di kayu-kayu mati atau duri-duri daun mengkuang seolah-olah menjemur binatang ini kepanas matahari. Kelakuan inilah dipanggil "burung balai panggang katak" - satu ciri terdapat dalam Bulan Sa*.

Di awal Bulan Dua musim kemarau menjelang tiba dan pada musim inilah burung-burung balai bermain di atas tanah yang hampir-hampir kering, berkubang didalam debu. Inilah alamat tamatnya piama berbendang dan kalau ditanam juga padi masa burung batai sudah memupu†, buah padi tidak akan menjadi lagi dan pokoknya menjadi rumput jalang.

* Haji Abdullah, Hujung Alor, Tandop.

Haji Abdullah bin Saad, Kg. Rambai, Bukit Tinggi.

† Bermain debu tanah, mandi pasir atau berkubang kering.

Bulan Sa

Sebelum angin bertukar arah, berlaku hembusan selang seli yang mengelirukan. Kadang-kadang angin timur menghembus disebelah pagi, angin barat disebelah petang, dan di sebelah malamnya angin timur dan barat silih berganti. Orang menyebut "Sembang Timur" dan "Sembang Barat" kerana kedua-duanya herbalas-balas sama kencang seperti orang bersembang. Apabila angin timur menang, maka bermulaalah bulan pertama dalam kiraan piama orang-orang Kedah - dipanggil Bulan Sa.

Kadang-kadang berlaku hujan yang tidak berhenti-henti selama 44 hari di dalam bulan ini dan dipanggil "Piama Hujan Empat Puluh Empat" melanggar masuk hingga ke Bulan Dua kerana "menghantar Musim Barat Pulang". Orang tua-tua menggoreng bertih di dapur menjamu cucu-cucu yang tak dapat bermain di tanah.

Angin ribut dari laut mengejar air masuk ke pintu kuala dan bertembung dengan "air jaur" iaitu air yang mendadak dari ulu dan berlakulah bah atau banjir di mana-mana. Bah ini disebut "Ribut menyapu pantai".

Ahlin yang disebabkan oleh "Ribut menyapu pantai" menggulingkan "Buah Melaka" iaitu tanah dan dasar laut dibawa bergolek-golek sebesar buah nyiur yang telah dikupas naik kederatan pantai. "Buah-buah Melaka" ini teripong-apong ke pantai dan menjadi alamat masuknya Bulan Sa, dan orang-orang laut bolehlah bersedia melaburkan belat*.

Petang-petang hampir senjakala burung berek terbang beribu-ribu ekor dari utara ke selatan+ memandakan kepada orang-orang laut belat boleh dilabuhkan di tepi-tepi pantai walaupun laut masih bergelora. Burung berek terbang ke selatan alamat musim timur akan tiba padi sedang berbuah di dalam Bulan Sa ini.

Pada Pada penghujung bulan ini, buah kendong masak. Burung kedera dan burung punai berkawan-kawan memakannya+. Ikan-ikan bendang seperti haruan dan puyu, keli dan bulan, melompat batas-batas bendang berkejaran mencari jalan ke sungai-sungai kerana sawah akan kekeringan dalam musim kemarau yang akan menjelang. Ikan-ikan jenis lain belum bertindak lagi.

* Encik Ahmad Dacha bin Din, Seberang Nyonya, Kuala Kedah.

Encik Awang dan Encik Ahmad Ibrahim, Sungai Limau.

+ Encik Ahmad Dacha.

Tuan Haji Abdullah, Hujung Alor, Tandop.

Kekura bertelor sekadar tiga empat biji tetapi tidak berkambus seperti yang di buatnya dalam Bulan Sebelas.”

Orang-orang membuat nira nipah mula memutuskan manyang dan bersiap menyalaikan tukil.

Dalam Bulan Sa ini Bintang Ketika terbit diwaktu matahari jatuh dan jatuh ketika matahari naik, rembang di tengah malam.

Anak-anak ikan sungai mudik ke ulu dalam piaman ini kerana bertelor. Di tebing-tebing sungai yang hampir dengan kuala terdapat pula tuntung yang mudik hendak bertelor juga tersapau di teluk-teluk kerana tak dapat mencanggah “air jaur” yang deras dari ulu. Tuntung-tuntung yang tidak rapat di tebing, tercungap-cungap dibawa arus terus ke laut, tetapi apabila bah ini surut, tuntung-tuntung ini mudik semula ke ulu bertelor dan tuntung-tuntung ini menandakan piaman Bulan Sa telah masuk.*

Bah yang penghabisan di Negeri Kedah dipanggil “Bah menyapu pantai” atau “Bah menyapu laut” ataupun “Bah menghanyut bunga Padi”*. Apabila masuk Bulan Dua, orang tua-tua melihat buku rumput halia : Kalau bukunya tiga, maknanya akan berlaku tiga kali bah dan bah yang ketiga itu ialah bah terakhir yang dipanggil “Bah menyapu pantai” tadi. Setinggi mana air membanjiri kampong boleh dilihat setakat mana siput kelemboi membawa anak-anaknya memanjat batang menerong atau batang keladi di saluran air sawah¹.

Padi tak boleh ditanam lagi di dalam bulan ini dan kalau ditanam juga pokoknya tak akan beranak dan kalau berbuah kelak isinya tak akan penuh.

* Tuan Haji Zakaria, Sungai Limau.

¹ Encik Othman Hassan, kg. Padang, Batu 2, Tandop.

Bulan Dua

Ujian masih turun berselang-selang hari dan "Bah menyapu pantai" mungkin berlaku dalam bulan ini. Angin timur bertiup kencang dan berterusan hingga Bulan Lima piala. Kalau angin kencang baik dalam bulan ini buah kayu akan menjadi dalam bulan sembilan dan sepuluh kelak*.

Masa ini tuntung bertelur di pantai-pantai sungai dan setelah mengambuskan telurnya di dalam pasir, mereka berenang semula ke laut.

Pokok padi sudah mengeluarkan buah yang boleh dibuat ringi atau pun emping. Orang yang menanam padi ringan jenis "Radin Keling" umpamanya, sudah pun memuat*.

Burung-burung berkahwin dalam bulan ini dan di celah-celelah pokok padi terdapat banyak burung sintar, ruak-ruak dan ayam-ayam.

Orang-orang laut menurunkan belat kerana ikan-ikan besar seperti tenggiri dan siakap sedang galak.

Ikan-ikan darat mencari jalan menuju ke tempat berair dan dalam perjalanan terdapat ikan-ikan heruan tersadai di atas rumput. Masa ini janggus berbunga dan putat berpucuk.

Pukul 10 malam, Bintang Ketika berada di puncak kepala.

* Jenis ini tidak dibawa lagi. Maklumat dari haji Cik Mat bin Hajilbrahim, Bukit Raya, Pendang. 30.9.1982

* Tuan Haji Abdullah bin Said, Kg. Rambai, Bukit Tinggi.

Bulan Tiga

Buah rukam masak menandakan hujan sudah hamis tahun ini melainkan renyai-renyai*. Di rumput buluh, rebong tumbuh rendah dari ibunya. Ini pun alamat hujan lebat-lebat sudah habis. Jikalau rebung buluh tumbuh lebih tinggi dari ibunya, hujan yang lebat-lebat akan turun lagi.

Padi berat masak untuk dituai.

Buah berkait dan buah cenerai masak ranum. Pokok-pokok kayu lain seperti pokok dedap, cengkering, kacang gula dan keriang lada berbunga dalam bulan ini. Akhir bulan ini mempelam, bacang, rambai, pupur dan lain-lain pokok buah kayu kecil akan berbunga. Asam jawa mengapur.

Bintang Ketika rembang pukul 8 malam.

Bulan Empat

Inilah musim bunga di Negeri Kedah kerana pokok-pokok kayu berbunga dalam bulan ini. Pokok durian juga mengeluarkan bunganya dan pada hujung bulan ini pula pokok manggis dan langsat turut berbunga.

Dalam bulan empat orang menimba ikan telaga. Malamnya orang menggunakan jamung menyuluh puyuh yang tidur tujuh lapan ekor selungguk di celah-celah tinggal jerami dan menangkap dengan serkap. Padi sudah habis dituai.

Angin timur melugas mula mengila dan angin ini boleh menghanyutkan perahu nelayan berbatu-natu di laut. Ditepi pantai airnya tenang tetapi ditengah laut berombak besar.

* Tuan Haji Abdullah, Hujung Alor, Tandop.

Bulan Lima

Pada 15 haribulan 5 ini matahari melangkah kepala dari selatan ke utara dan pada waktu tengah hari tepat akan hilang bayang-bayang rembang.

Air di petak bendang berkepala. Panas sangat kuat dalam Bulan Lima dan airnya melintang mata⁶. Kadang-kadang berlaku panas kuning redup yang dipanggil manus mengkarung.

Orang membuat huma membakar dan memerun masa ini. Pokok-pokok menjemur reba iaitu terdapat ranting-ranting mati kering di hujung-hujung dahan⁷. Pokok janggus mengeluarkan buah.

Bunga sena kembang pertama alamat hujan akan turun tidak lama lagi. Bunga sena kembang pertama ialah masa masuk ke hutan mencuri kayu membuat nanggal tenggala dan alat-alat turun ke bendang⁸.

Kadang-kadang terdengar gurnuh berbunyi dengan kilat sambar menyambar. Temenung naik kedarat dan rebung buluh menjadi. Akhir bulan ini udang menjadi dan amak siakap naik ke pantai⁹.

Biasanya hujan kapar ketanji turun pada hujung bulan ini dengan lintar-litar kuat yang disebut lintar bulan lima.

Orang kuala bersiap mengangkat belat.

⁶ Haji Abdullah bin Haji Said, Kg. Rambai.

⁷ Encik Basir bin Haji Abdul Majid, Alor Merah.

⁸ Encik Abdul Rahman, Kuala Sala.

Bulan Enam

Orang kuala mengangkat belat ke darat kerana Bintang Ketika menyelam yakni tidak dapat dilihat langsung di waktu malam hari. Sebenarnya bintang ini berada satu lembing di kaki langit ketika matahari jatuh dan hilang bersama-sama hilangnya siar metah. Masa Bintang Ketika menyelam berlaku ribut di laut, dan apabila Bintang Belantik pula menyelam di hujung bulan ini, ribut bertambah kuat lagi. Belat-belat boleh ditarik naik sebab alun mula memecah dan angin Barat Muda menghembus kasar. Memukat boleh lagi.

Udang menjadi dan anak siakap naik ke kendang sepanjang pantai Sanglang hingga ke Tanjung Dawai berterusan begini hingga Bulan Sa*.

Hujan kapar keranji iaitu panggilan kepada hujan yang mula-mula turun selepas musim panas tiba bersama guruh. Air hujan menutup bekahan tanah dan menyegarkan pokok-pokok kayu, dan menetaskan telur-telur ikan keli di dalam bendang. Pokok nipah mengeluarkan manyang. Kulat guruh tumbuh di dalam jerami..

Apabila hujan cukup lebat dan sena berbunga kali ketiga orang-orang bendang mulalah mengala sawah.

Dalam bulan enam masa air sungai mati kekat berlakulah "bena air" Bena air ialah arus deras dari selatan ke utara iaitu dari Tanjung Tuan di Negeri Sembilan hingga ke Batu Bara di Setul tak putus-putus selama tiga hari tiga malam. Arusnya deras dan menumbangkan belat-belat berungas dengan mudah. Ikan-ikan dari tengah laut berlari ke tepi pantai. Di Kuala Kedah airnya lima depa dan di Pulau Pinang 15 depa dalam di masa berlaku bena air ini.

Arus ini mulanya berpusing-pusing seperti pusat tasik pauh janggi dan orang-orang laut manakan bendera amaran di Bukit Tuk Panji di Tanjung Tuan menandakan bena air sudah bermula. Arusnya deras dan lebih kuat dari air pasang atau surut yang setiap hari.

* Air sungai mati kekat 8 hb Hijrah atau 22 hb Hijrah tiap-tiap bulan.

† Encik Ahmad Dacha.

“ Encik Abdul Rahman, Kuala Sala.

Bulan Tujuh

Musim hujan sudah bermula dan pesawah-pesawah sibuk mengala¹⁰. Batas-batas bendang diperbaiki dan merampis rumput-rumput jahat. Sungguhpun hujan lebat tetapi apabila panas bahangnya sangat terik.

Alun di laut sudah bangkit dan angin barat tua membawa ribut tenang lima enam hari sekali. Orang di kuala salai pukat. Udang ketak berkelampung di muka air kerama tambur yang menjadi sarangnya diperut laut dipukul alun barat tua yang berselang seli dengan utara¹¹.

Dalam bulan ini matahari jatuh ada penyambut iaitu awan yang bergambar-gambar di kaki langit. Awan-awan bergambar ini menandakan laut akan didatangi ribut. Ribut datang biasanya masa bunga pasang atau masa pasang penuh atau pun masa surut¹².

Dalam bulan tujuh ombak laut ada tujuh alun besar.

Bulan Lapan

Orang bendang menabur supaya sempat masak padi-padi dalam musim kemarau kelak. Tanda-tanda masa menabur benih padi sudah sampai ialah apabila Bintang Ketika timbul di waktu naik fajar. Orang-orang di tepi laut mendengar bunyi burung olok malai¹³ sebagai tanda musim manabur. Burung ini sudah ghaib sekarang.

Orang di bukit menegal padi hunta.

Masa ini orang memanggil sintar turun dari bukit masuk kepukat yang diregang di gigi sawah, dan burung ayam-ayam pun jenuh.

Buah nipah masuk isi dan masa inilah orang yang membuat nira membersihkan manyangnya membuang selaput dan melanyaukan tandan seminggu sekali sehingga Bulan Sa.

Ribut di laut dan guruh tenggara berbunyi sehingga lima belas kali sekali hantar.

Hujung bulan ini hujan berhenti dan tiba musim kering pendek yang dipanggil "Selatan anak keli" atau "Selatan anak puyu". Sawah kering semula dan anak-anak keli dan puyu mati dalam petak.

Angin di laut kencang bertimpas dari selatan. Ombak di laut ada lapan alun besar dim bintang Belantik belum timbul.

Dalam bulan ini timbul penyakit campak.

Bulan Sembilan

Setelah semai cukup umur* mulalah orang menanam padi. Masa ini Bintang Ketika "menatang benih" dan semai yang ditanam tak akan terkena penyakit. Mengikut adatnya jika ditanam padi dalam bulan ini, mula-mula ditanam ialah sembilan perdu. Jika ditanam dalam bulan sepuluh, 10 perdu. Selagi Bintang Ketika belum rembang di waktu subuh bolehlah menanam. Selepas masa itu padi akan terkena penyakit dan mungkin tidak akan mengeluarkan buah. Biasanya dalam bulan dua belas orang tidak menanam lagi. Sebagai perecaman, orang menanam apabila musim buah goncar dan buah kandis sehingga masak buah keriang dot.

Buah durian luruh di Kedah.

Angin selatan durian menghembus dan musim kering yang pendek berlaku pula sebagai memasakan buah durian dan buah-buah kayu kecil lain. Kalau ada hujan pun dalam bulan ini adalah sebagai menyibar-nyibar anak padi sahaja.

Sembang utara dan sembang selatan bertiup iaitu angin utara sulam menyulam dengan angin selatan. Akhirnya pada hujung bulan ini bergerak angin utara.

Ribut di laut dan ombaknya mempunyai sembilan alun besar +.

* 40 hingga 50 hari

0 Encik Ahmad Dacha

+ Encik Awang, Sungai Limau.

Bulan Sepuluh

15 haribulan ini matahari berada di puncak kepala menyeberangi ke bahagian utara, dan hilang bayang-bayang di waktu rembang.

Ribut masih tegang di laut dibawa oleh angin barat laut dan ributnya tidak berpokok yakni tidak barawan.

Bintang Ketika rembang di waktu subuh.

Akhir bulan ini burung balai berbunyi dari atas pokok menyambut Bulan Sebelas - maknanya masih boleh lagi menanam padi bagi orang yang lewat tetap eloklah dibawa padi jenis ringan yakni yang cepat masak. Kalau ditanam padi berat pada adatnya tak boleh dimakan lagi. Kalau hendak menabur padi semaian masanya terlalu suntuk bagi pokok-pokok padi yang akan membesar kelak melalui piama-piama yang sesuai untuk kesuburannya.

Ular air di sawah bermata kelabu dalam bulan ini kerana mudah di pukul dan bila lari selalu tersasul*. Air di dalam petak bendang berkepala**.

Masa ini merebak penyakit selesema.

Bulan Sebelas

Bulan akhir untuk menanam padi kerana akhir bulan ini padi yang ditanam tidak akan mengeluarkan hasil. Masa ini sepatutnya padi sedang dara dan burung balai galak berbunyi dari dahan pokok. Burung tiruk juga galak dan kekura bertelur antara tiga sehingga sembilan biji*. Di laut ada ribut dan di daratan akan berlaku bah jika hujan bertembung dengan air pasang.

Ikan darat seperti puyu, keli, haruan, sepat benua, dan selat beridar dari sawah kesungai-sungai bersama air bah.

Hujan turun menyambut bulan dua belas.

* Tuan Haji Zakaria, Sungai Limau

** Tuan Haji Abdullah, Hujung Alor, Tandop.

Bulan Dua Belas

Masa sudah habis untuk menanam padi. Hujan lebat di Kedah dan banjir mungkin berlaku dalam beberapa minggu ini. Ikan darat biak. Ribut di laut reda dan orang kuala mula bersiap menurun belat-blat ke laut.

Burung sintar dan tiruk galak. Ruak-ruak memandikan anak yakni membawa anak kecilnya bermain air di celah-celah pohon padi. Burung balai berbunyi setiap pagi dan setiap petang dari pinggang-pinggang pokok atau dari atas reba di bawah-bawah pokok*.

Pokok gelingan besar memecahkan bunga. Demikian juga pecah bunga kekabu dan bunga perupuk.

Angin timur mula berpuput berselang seli dengan angin Barat. Laut tenang. Sekali sekala berlaku angin kencang dipanggil "Timur Melugas" berhembus dengan mengejut menerbangkan daun-daun dan kain di jemuran.

o Haji Cik Mat bin Ibrahim, Bukit Raya.

* haji harun bin Ismail, Imam Tua Kg. Rambai, Tokai.

“TANAH LEMBAH, TANAH BERTUAH”

Kedah menempuh zaman pembaharuan apabila dalam tahun 1854 Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah menjadi sultan serta menggalakkan saudagar-saudagar India dan China disamping rakyat Bumiputra membuka perniagaan di Kedah terutamanya di Alor Setar, di Kota Kuala Muda dan Baling. Masa ini Kedah telah menujuhkan pasukan polis membuka sekolah mengadakan perkhidmatan perubatan serta membina limbongan kapal dan lain-lain pembangunan lagi. Seorang penasihat Sultan yang setia ialah Encik Wan Ismail iaitu ayahanda kepada Wan Muhammad Saman. Datuknya Dato' Seri Paduka Raja Laksemana biasa menjadi seorang Menteri Keempat.

Wan Muhammad Saman mengiringi Sultan Tajuddin ke Negeri Thai dalam tahun 1865 dan meninjau pembangunan disana. Maharaja Mongkut memberi penghormatan yang istimewa kepada Sultan Ahmad Tajuddin dan hasil dari lawatan ini, Sultan Ahmad Tajuddin telah berangkat pulang dan berfikir menyusun semula jentera pentadbiran negeri. Dalam kabinet baginda yang dibentuk lima tahun kemudian, Wan Muhammad Saman telah dilantik menjadi Perdana Menteri.

Sultan Ahmad Tajuddin mangkat dalam bulan Jun 1879, dan apabila pembesar-pembesar berangkat ke Bangkok untuk memperolehi kepastian dari Raja Thai menabalkan Sultan baharu. Wan Muhammad Saman memangku negeri. Maharaja Thai bersetuju Sultan Zainal Rashid menggantikan Sultan Ahmad Tajuddin. Sultan Zainal Rashid memerentah selama dua tahun lalu mengutuskan Wan Muhammad Saman pula ke Bangkok untuk menyelesaikan beberapa masalah negeri. Ketika Wan Muhammad Saman sampai di Singapura, Sultan Zainal Rashid telah mangkat di Kedah. Wan Muhammad Saman meneruskan perjalananannya ke Bangkok dan di Bangkok beliau menemui rombongan Kedah yang tiba melalui Senggora untuk mengadap Maharaja Thai supaya berkenan kepada penabalan Sultan Abdul Hamid menjadi Sultan. Sultan Abdul Hamid belum lagi genap 18 tahun telah terbeban dengan tugas untuk mengantikan kekandanya yang mangkat itu. Wan Muhammad Saman ialah ayahanda saudara baginda Yamtuan dan pada masa ini, Paduka Bondanya, Wan Hajar Wan Besar, iaitu kekanda sekandong Wan Muhammad Saman, adalah seorang tokoh yang dikagumi oleh seluruh rakyat dan pembesar negeri Kedah.

Ekonomi Negeri Kedah kukuh dan stabil jika dibandingkan dengan

keadaan negeri-negeri Melayu yang lain pada masa itu, dan kewangan Kerajaan adalah dipegang oleh Sultan Abdul Hamid sendiri. Baginda telah memerintahkan Wan Muhammad Saman mengorek sebatang terusan dari Alor Setar hingga ke Gunung Jerai supaya dapat dibuka tanah-tanah sawah yang lebih luas dan menambahkan hasil negeri. Dalam tahun 1886, Wan Muhammad Saman mulalah mengorek terusan yang dikenali sekarang sebagai "Terusan Wan Muhammad Saman", sejauh 22 batu, lebar 24 kaki dan dalam 5 kaki, lurus dari tebing Sungai Kedah di Alor Setar hingga ke kaki Gunung Jerai di Gurun melalui tanah-tanah lembah dan paya, carok-carok dan rawa.

Sungai Korok atau Terusan bukan sahaja penting sebagai alat pembendong banjir di musim tengkujuh tetapi juga menjadi saluran yang boleh mengeringkan kawasan-kawasan lembah dan paya supaya boleh dijadikan tanah persawahan, dan menarik para penduduk untuk memacak gawar membuat bendang dan kampong halaman. Selain itu, sebatang sungai boleh digunakan sebagai sebatang jalanraya untuk membawa sayur-sayuran, buah-buahan, beras padi dan ayam itek ke bandar Alor Setar dari tempat-tempat yang tidak dipenuhi oleh Sungai Besar. Kerana tujuan ini menjadi tujuan yang utama, penduduk-penduduk tidak dibenarkan membuat jambatan menyeberangi sungai itu melainkan di tempat-tempat yang di khaskan sahaja.

Anak-anak pesawah zaman ini ramai berdendangkan pantun :-

Hujan oh hujan,
Turun lebat-lebat,
Balik sana gantong halu,
Balik sini gantong pahat,
Balik sana hujan lalu,
Balik sini hujan lebat.

Terusan Wan Muhammad Saman mulanya dikorek dari hujong Sungai Pengkalan Kundor iaitu di sebuah lubuk yang bernama Lubuk Katong dan beransor-ansor hingga ke Kota Sarang Semut tempat yang bernama Lubuk Kalong itu sekarang dipanggil "Tandop" kerana disini lah dibinakan sebuah tandop atau ampangan yang boleh mengawal air supaya tidak berubah kedudukannya di masa tengkujuh atau kemarau dan tidak menjelaskan peranannya sebagai "jalanraya". Dari Kota Sarang Semut, sungai ini di ansur-ansur korek sehingga Kaki Gunong Jerai di Gurun. Langkah yang terakhir ialah mengorek terusan ini dari Tandop ke tebing Sungai Kedah di bandar Alor Setar. Sebagai

memudahkan perahu-perahu menyeberangi ampangan di Tandop, sebatang talair kecil sepanjang satu relong telah dikorek bertentangan dengan ampangan seluri dengan terusan. Talair kecil ini dipanggil "telinga". Perahu-perahu akan diseret naik ke tebing dan masuk ke "telinga", dari situ diseret pula ke terusan untuk meneruskan perjalanan. Tandop menjadi tempat tumpuan perahu-perahu dengan muatan yang dipunggah siang dan malam. "Telinga" di Tandop dipanggil "Telinga Haji Ali" mengambil nama seorang harapan kaman kepada Wan Muhammad Saman yang mengorek "telinga" itu.

Batu peringatan di Kuala terusan itu tertulis dengan catatan yang berbunyi : "Sanah 1303, 10 haribulan Shawal : Kadam Wan Muhammad Saman ibni Wan Ismail, mulai korek Sungai Korok diujung Sungai Pengkalan Kundor tuju ke Gunong Jerai dan muka kualanya di seberang tentang dengan balai air Kota Setar ini, tammat". 10 haribulan Shawal, 1303 adalah bersamaan dengan 13 haribulan Ogos, 1885.

Alat-alat perkakas yang digunakan untuk mengorek terusan ini ialah cangkul dan cam, cop dan parang semata-mata; dikerjakan oleh rakyat yang dikerah oleh Perdana Menteri. Penghulu-penghulu diarah mengatorkan kerja-kerja supaya tidak timbul masaalah-masaalah seperti sawah-sawah yang terbiar, kerja-kerja yang membazir. Kadang-kadang terdapat kawasan-kawasan yang terpaksa disegerakan pengorekannya seperti mengelakkan musim hujan, mengelakkan kesibukan musim menuai atau membajak. Pada masa-masa yang demikian, penghulu-penghulu mengerahkan rakyatnya bekerja siang dan malam. Penghulu-penghulu melantik pula panglima-panglima dan tok kweng untuk melicinkan peraturan-peraturan bekerja. Orang-orang yang tidak dapat bekerja sebab tua atau uzur, dikenakan tugas membekalkan beras dan air.

"Kerah" ini ialah "boroh paksa" yang dilakukan secara bergilir-gilir dan dengan semangat gotong royong. Berlaku juga kerja secara "berderau" yakni apabila penduduk sebuah kampung berpaktat bekerjasama dengan penduduk kampong lain, kemudian menyudahkan kerja yang ditentukan untuk kedua-dua buah kampong mereka bersama-sama.

Seorang tukang pelan yang membuat peta terusan ini supaya lurus tidak bengkaung-bengkok bernama Encik Embi dan dua orang juru ukurnya bernama Haji Keehik dan Fakharuddin dan dua orang pegawai dari Tahiland yang turut datang ke Kedah memberi nasihat teknik. Tanah-tanah yang dikorekkan itu dilunggokkan semuanya di sebelah kiri sungai

supaya dapat dijadikan tapak jalannya satu masa kelak.

Kejayaan Wan Muhammad Saman mengorek Sungai Korok hanya berpandukan kepada petua orang tua-tua yang telah biasa pengorekan sungai korek begini. Sekurang-kurangnya telah ada lima atau enam batang terusan yang telah dikorek sebelum ini oleh orang-orang Kedah. Pengalaman Wan Muhammad Saman melihat sungai-sungai begini diguna dengan sepenohnya oleh rakyat, memberikan peransang kepadanya untuk mengorek Sungai Korok dari Alor Setar ke Gunong Jerai. Bagaimanapun projek Sungai Korok Wan Muhammad Saman ini sangatlah besar untuk dipikul oleh orang sembarangan. Orang tua-tua masih ingat lagi bagaimana orang-orang kampong membuat rumbunan api dari tempat kesetempat supaya asapnya menjadi pedoman kepada pekerja-pekerja meluruskan aliran terusan. Lungguk-lungguk kayu dan daun-daun separoh kering telah dibakar berbetulan dengan arahan daripada peta Encik Embi.

Sebagai seorang menteri Wan Muhammad Saman dapat mengerahkan orang-orang Melayu bekerja dengan percuma kepadanya, tetapi beliau terpaksa mengupah kuli-kuli China untuk mengorek di tempat-tempat yang tidak disanggupi oleh orang-orang kampong. Orang-orang China mengadakan sistem kontrek dan telah beberapa kali mengancam jiwa Wan Muhammad Saman kerana bayaran-bayaran sehabis tenaga dan budi bicaranya mengumpul wang untuk membayar upahan-upahan kepada orang-orang China yang menganggap diri mereka sebagai rakyat British.

Hampir 10 tahun berlalu, barulah terusan ini siap dikorek. Wan Muhammad Saman diberi ampun kurnia 40 relong tanah sepanjang-panjang terusan : 20 relong sebelah kiri dari 20 relong sebelah kanan. Sultan Abdul Hamid memberi izin kepada beliau sawah dengan harga \$3.00 serelong. Beliau dibenarkan menuntuk menjualkan tanah-tanah tersebut kepada peneroka-peneroka menghuni kawasan ampun kurnianya. Boleh diagakkam barangkali Wan Muhammad Saman telah dapat mengumpul sebanyak \$70,000/- sedangkan perbelanjaan mengorek sungai dahulu diperlukan tidak lebih dari \$35,000/- : dikira lebih kurang \$55/- sebagai kos mengorek serelong (176 kaki) sungai.

Sungguhpun projek membuka terusan memerlukan perbelanjaan besar, ramai orang yang sanggup "menangkap kontrek" untuk mengorek terusan-terusan lain selepas mengambil contoh tauladan dari kejayaan Wan Muhammad Saman. Wan Muhammad Saman sendiri mengorek pula sebatang terusan lagi dari Tanah Merah Pendang hingga ke Kuala

Kangkong, Wan Yunus mengorek Sungai Dukung, Titan Syed Othman mengorek sungai Yan Kechik, Tunku Yaakub mengorek Sungai Alor Changlih iaitu dari Jitra ke Jerlon, dan Wan Yahaya, Setiausaha Kerajaan, mengorek Sungai Korok, Wan Yahaya dari Kodiang ke Kuala Sanglang. Selepas 1909 hingga 1949 Inggeris datang ke Kedah hanya sibuk membersihkan dan meluaskan tali-tali air yang sudah lama disediakan oleh orang-orang Melayu.

Pengorekan terusan di Kedah bukanlah projek yang tidak membawa sebarang makna kepada pentadbiran di negeri ini. Maknanya terang dan nyata bahawa Kedah sentiasa mengalami pentadbiran yang sempurna. Tidak ada rafiah atau bimbang bagi penduduk-penduduknya membuka sawah dan kampung halaman serta tinggal menetap di negeri ini sebagai rakyat yang tidak akan berganjak dari terusan-terusan yang telah wujudkan bersama.

Seorang Gobenor Negeri-Negeri Selat telah berkata dengan berselindong dalam tahun 1890, bahawa "Negeri Kedah muncul diantara Negeri-Negeri Melayu lain di Semenanjong ini sebagai sebuah negeri yang mempunyai pentadbiran yang berjaya dan bijak.....". Dari tahun 1870 hingga kembalinya pada 14 haribulan Disember, 1898, Wan Muhammad Saman ialah Perdana Menteri yang bertanggongjawab meletakkan Negeri Kedah di tempatnya yang begitu cemerlang.

Dari orang tua-tua di Tandop, terdapat beberapa rangkap pantun begitu lama tidak dilakukan :

Tanah Tandop tanah lembah,
Taman keduduk bercabang dua,
Tanah Tandop tanah bertuah,
Habuan duduk sehari 'ngan dua,
Tanah Tandop tanah lembah,
Telok Bagan tebing tinggi,
Tanah Tandop tanah bertuah,
Tumpang diduduk sebelum mati.

FUNAN : PANAH PERANG BERUBAH JADI PANAH ASMARA

Sa-orang utusan Raja China yang melawat negeri Funan pada kurun masehi ketiga bernama Kang tai ada meninggalkan suatu cherita mengenai negeri itu.

Raja negeri Funan yang pertama sa-kali ialah kaundinya iaitu sa-orang anak raja yang berasal dari India, atau boleh jadi pula dari pulau-pulau Melayu. Di negeri asalnya Kaundinya telah bermimpi bahawa ia di pesan supaya belayar mengikut matahari hidup hingga sampai ke sabuah negeri seperti yang dilihat dalam mimpiinya dan memerentah negeri itu.

kaundinya pun belayar dan sampailah ke Funan. Inilah negeri yang dilihat dalam mimpiinya. Ratu Funan yang bernam "Soma" tidak senang menerima kedatangannya. Ratu Soma memerentah bala tenteranya mengusir kaundinya.

Kaundinya telah terpaksa menghunuskan panah hikmatnya dan melontarkan busar lalu membedil ke-udara. Panah itu rupanya jatoh betul-betul ke-lantai perahu di-raja kenaikan Ratu Soma. Terpacak !

Kebetulan rupa-nya penah asmara juga menembusi jantonghati ratu tunggal itu dan mereka berdua pun berkahwin. Keturunan dari Ratu Soma dan kaundinya ini memerentah Funan bersambong-sambong sa-kurun sa-tengah lama-nya.

Ini hanya dongeng, tetapi dongeng-lah biasanya yang menghidupkan sejarah.

Mengikut kajian arkeologi pula Funan mula dibuka sejak TM 1 lagi. Prasangka sa-tengah serjana bahawa pusat perkembangan pengaroh India mula-mula sa-kali harus terletak di Semenanjong Tanah Melayu atau di pulau-pulau dalam gugusan Tenggara Asia tidaklah tepat.

Pusatnya terletak di Muara Sungai Mekong, di bandar Vyadhapuri, ibu kota negeri Funan. Di kaki bukit Ba Phanom itulah asalnya bibit Hindu marak berchambah. Mendampak naung ke seluruh Tenggara Asia ini.

Bandar Vyadhapur ("Bandar Pemburu") dudoknya 120 batu ke-darat, pelabohannya ialah Oc-Eo tempat singgah segala dagang dari dua benua China dan India.

Bumiputera negeri Funan ialah orang-orang "Indonesia", maksudnya

ialah orang yang asal sa-rumpun dengan orang-orang Melayu dan mempunyai keadaan hidup seperti orang-orang di gugusan pulau-pulau Melayu. Bahasa mereka pun adalah sa-rumpun pula dengan bahasa Melayu.

Tiba masa Funan hampir jatoh, 6 atau 7 ratus tahun kemudian, bumiputeranya telah menukar bahasa itu dengan baharu iaitu bahasa Khmer kuno. Nama sa-tengah dari raja-raja Funan - sa-tengah-nya mengikut yang di-tuliskan oleh ahli-ahli sejarah China ialah. Fan Shih-Ma ialah yang termashor sa-kali. Dia lah yang mengembangkan jajahan taalok Funan. Konon-nya sa-puloh kerajaan besar-besar tunduk kepada-nya, di-antara-nya termasuk Cochin-China dan Tun-Hsun. Tun-Hsun kata Pelliot, ialah Segenting Kera dan Selatan Siam sekarang.

Mengikut pengarang "Sejarah Liang" (sa-buah buku tawarikh China), bahawa Fan Shih-Man telah sampai hampir dengan perenggan atau sempadan negeri Suvarnabhumi—"Bumi Kenchana" dan berura-ura hendak menyerangnya.

Suvernabhumi atau "Bumi Kenchana" itu ialah Semenanjong Tanah Melayu. Chita-chitanya gagal sebab tiba-tiba ia jatuh sakit lalu mati.

Mengikut pendapat Dr. Linehan, mereka inilah yang telah tiba di Klang dan mengajar penduduk-penduduk Tanah Melayu menggunakan alat-alat perkakas dari logam, emas besi dan timah. Jika pendapat ini benar, haruslah bandar Klang telah menjadi sa-buah dari pelabuhan Kerajaan Funan itu. Kang ta, pemilis riwayat Funan, mencherita bahawa "Kota dan parit mengelilingi kawasan istana dan rumah-rumah tempat tinggal ra'ayat jelata di-Funan. Penduduknya hudoh berkulit hitam dan rambut kerinting. Adat resam-nya sangat sederhana acoh tak acoh pada orang asing tetapi tidak chepat tangan. Mereka berchuchok tanam dengan alat-alat yang perimitis. Banyak orang Funan suka mengukir ketul-ketul kayu dengan pahat. Pinggan mangkok mereka diperbuat daripada perak. Hasil yang terbanyak di-negeri itu ialah emas, perak, mutiara dan ayer wangi. Dalam pekan-nya ada pustakaan dan muzium.

Maalumat-maalumat ini terdapat dalam chatetan ahli-ahli sejarah China yang memulisnya agar dita-tap oleh Maharaja China di-Peking dan untuk saudara-saudaranya yang ingin merantau. Kebanyakan dari ahli-ahli sejarah China ini-lah juga ahli-ahli diplomat yang bijak.

Kang Tai konon-nya telah memujok Raja Fan Hsun mengeluarkan perentah supaya semua ra'ayat Funan memakai kain. Begitulah kononnya asal kain chewat "sampot" yang di-pakai oleh orang Kemboja hingga sekarang ini.

Orang Funan konon-nya gemar menyabong ayam dan menyabong babi. Ra'ayat Funan berugama Hindu. Tuhan mereka ialah patong yang berkepala dua dan bertangan empat. Jika itu kurang baik mereka ada pula patong yang berkepala empat dan bertangan delapan.

Manyat-manyat rakan mereka yang telah meninggal akan dilontarkan ka-tengak arus sungai atau di-bakar sampai jadi abu, atau ditanam dalam lobang atau di-dedah kepada gagak atau burung heriang.

Tahun 540, Kerajaan Chenla asal-nya tanah jajahan Funan sendiri, telah menyerang Vyadhapura dan mengusir raja Rudrawarman. Sejak itu Funan pun Rosak dari empayar menjadi negeri dari negeri menjadi kampung dan seterusnya menjadi kenangan. Dalam tahun 627 Funan sudah tidak ada lagi.

Kemudian-kemudian-nya orang Khmer telah menduduki kawasan Funan itu dan sadikit demi sadikit di-pulehkan sa-mula hingga menjadi negeri. Pada ketika itu Funan telah diberi nama baharu ia-itu Kemboja. Orang-orang Khamer di-Kemboja itu-lah yang mendirikan chandi di-Angkor.

KESAN LAWATAN KE RANONG DI THAILAND SELATAN

Seramai 51 orang ahli dan keluarga Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman membuat lawatan ke Thailand Selatan dari 15 November hingga 20 November, 1987. Sasaran lawatan ialah Ranong, sebuah wilayah bersempadan Burma untuk melihat cara-cara hidup orang-orang Melayu di sana. Peserta rombongan tinggal di sana dua hari dua malam, bergaul mesra dengan penduduk Islam di dua buah kampong : Kampong Tacang dan Kampung Kamphuan.

Tempat-tempat yang disinggahi dalam perjalanan ialah Haad Yai, Songkhla (Senggora), Nakhora (Legor), Surat Thani, Chaiyya dan terus ke Ranong. Dalam perjalanan balik, tempat yang disinggahi ialah Terang, Pathalong dan Haad Yai semula. Dari Haad Yai bertolak balik ke Kedah. Jumlah lawatan ialah selama 6 hari.

Geografi Ranong

Ranong terletak di pantai barat Thailand bersempadan dengan Burma. Victoria Point, bahagian yang paling selatan bagi Negara Burma bersetentangan dengan Ranong. Nama asal Victoria Point ialah Pulau Dua, dan dikenali dengan nama itu oleh orang-orang Melayu di sana sehingga hari ini. Pulau Dua dan Ranong dipisahkan oleh sebuah selat yang menirus ke Segenting Kera. Jaraknya lebih dekat lagi dari Butterworth ke Pulau Pinang. Perhubungan dilakukan dengan bot atau sampan bermotor sangkut.

Ranong sebenarnya bukan sahaja nama sebuah pelabuhan tetapi juga nama sebuah wilayah atau "Changwad" yang mempunyai seorang gabenor. Pada masa ini gabenorinya bertalian keluarga dengan Raja Thailand. Changwad ini mempunyai empat daerah atau amphur pula. Jaraknya 600 km dari Bangkok dan 300 km dari Puket. Luasnya kira-kira 3426 km persegi. Panjang dari utara ke selatan ialah 1,000km.

Cuaca di Ranong keseluruhannya 27 darjah Celsius dan menerima dua kali musim hujan. Hujan paling lebat ialah dalam bulan Disember dan Januari. Penduduknya 100,000 orang, 20,000 ialah orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu di sini tinggal di 20 buah Kampung dan kampung yang paling ramai penduduk Melayunya ialah di Tacang dan

di Kamphuan. Tacang dengan Ranong tidak jauh hanya 12 km. Jarak Ranong dan Kamphuan ialah 95 km.

Ranong terkenal dengan lombong bijihnya. Terdapat bukit-bukit talang yang gondol tiada berpokok, manarik mata memandang. Pelancong-pelancong datang ke sini kerana tertarik dengan kolam air panasnya. Sebuah hotel di sini ialah antara 5 buah di dunia yang menyalurkan air panas natural ke bilik-bilik penghuni dari perut bumi.

SEJARAH

Mengikut "Al-tarikh Salasilah Negeri Kedah" karya Muhammad Hassan, Wilayah Ranong ini pernah diperintah oleh Kedah dalam zaman Sultan Muhammad Jiwa 1710-1778. Katanya : "Maka pada masa Tunku Anjang Seri Paduka Maharaja Durga Senggara itu ia menjadi Raja Laut ia menawan ambil negeri Tengkah, Terang, Kupah dan Randung hingga sampai ke perenggan Murgi. Maka pada masa Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin memerintah itu negeri-negeri yang tersebut itu adalah termasuk di dalam perintahnya." ialah nama yang sekarang dikorapkan menjadi Ranong.

J. Anderson ("Political and Commercial Consideration Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca" JMBRAS, Vol XXXV Pt. IV) dalam tahun 1824 menyenaraikan beberapa batang sungai kepunyaan Negeri Kedah bermula dengan Sungai Polian, Sungai Trang, Sungai Bongsu, Sungai Lingu, dan Sungai Setol turun ke selatan sehingga Sungai Muda.

Di tempat lain, Anderson mengatakan : "This River (Trang) forms the northern boundary of the Quedah Kingdom, but has been possessed by the Siamese for these last fifteen years". Thailand menduduki kawasan Trang kepunyaan Kedah sejak 1810. Kemungkinannya Wilayah Kedah di utara sehingga ke Ranong diduduki lebih awal lagi.

Apabila berlaku serangan Thailand ke atas Kedah dalam tahun 1821 (12.11.1821) rakyat Kedah berhampiran mengundurkan diri ke wilayah-wilayah yang tidak diganggu oleh angkatan prang Thai, khususnya tentera-tentera Legor (Nakhon Sri Tammarat). Selain dari menghala ke selatan, ke Pulau Pinang dan Perak, orang-orang Kedah tinggal di Ranong amat besar kerana Ranong ialah wilayah Kedah dalam zaman Sultan Muhammad Jiwa. Pelarian-pelarian dari Kedah dipimpin oleh kerabat-kerabat diraja seperti Megat Johan, usalnya seorang Tunku yang tidak

mahu namanya disebut-sebut. Orang-orang di Renong masih menyebut nama Wan Sofian dan Wan Ismail sebagai ketua-ketua Melayu yang berhijrah ke Ranong. Kononnya orang-orang Melayu telah menduduki pulau-pulau di Perairan Murgi dan ada setengahnya yang berhijrah ke Burma. Di perairan Murgi terdapat pulau-pulau yang bernama Melayu dan sehingga hari ini masih ada orang-orang Melayu di pulau-pulau tersebut. Pelancong-pelancong Eropah yang ditemui di pulau-pulau tersebut. Pelancong-pelancong Eropah yang ditemui di Haadyai dan di Surat Thani menceritakan peri adanya orang-orang Melayu yang tinggal di pulau-pulau terpencil mengaku diri mereka Melayu dan beragama Islam tetapi "minum arak seperti ikan".

SIRIH PULANG KE GAGANG

BAGHALAH Maskat meninggalkan Murgi menuju ke Selatan. Dato' Indera Setia mengarahkan lancangnya pulang ke Kedah membawa surat kepada Raja Bendahara mengatakan Tunku Muhammad Jiwa sudah ditemui. Kita akan menyambut puasa tahun ini bersama-sama Tunku Muhammad Jiwa di Bukit pinang. Para penyambut dari Kedah hendaklah menyongsong di Langkawi dan dari sana berangkat ke Kuala Kedah dan mengiringi Tunku Muhammad Jiwa ke Bukit Pinang.

Jeragan dan awak-awak tersentak menyedari bahawa selama ini yang menjadi penumpang baghalah mereka ialah seorang anak raja Bakal Sultan di Kedah Darulaman - tapak canai dan tapak takul Gunung Jerai.

Dato' Indera Setia tidak berpisah dengan Tunku Muhammad Jiwa : berenggang serasa hilang, bercerai serasa mati. Baghalah Maskat belayar menuju ke Pulau Langkawi dengan angin sembang utara yang amat baik. Tunku Muhammad jiwa mengajak Shaikh Abdul jalil dan Shaikh Hafiz Sab bermastautin di Kedah. Mereka bersetuju kerana tugas mereka ialah berdakwah di mana sahaja di bumi Tuhan ini.

Dari pulau ke pulau akhirnya baghalah Tunku Muhammad Jiwa masuk ke Langkawi mengikut Selat Timun. Angkatan pembesar-pembesar Kedah yang dikepalai oleh Raja Laksmana menyusur dari Selat Pulau Tilui. Dari jauh ternampaklah tertunggal Raja Laksmana berwarna hitam dan putih berkibar-kibar ditiup bayu. Baghalah Tunku Muhammad Jiwa dan angkatan Raja Laksamana bertemu di Kuala Selat Tilui dan Selat itu dikenali hingga sekarang sebagai "Selat Baghalah Tunku Muhammad Jiwa Balik". Beratus-ratus perahu hamba rakyat di Langkawi keluar menyambut Tunku Muhammad Jiwa berpesta dengan gendang dan serunai.

Setelah Raja Laksamana mengangkat sembah dan berpeluk-pelukan dituruti oleh pembesar-pembesar lain seperti Dato' Seri Paduka Maha Menteri, Dato' Seri Maharaja Putera Dewa, Dato' Seri Paduka Tuan, Dato' Seri Paduka Anggeraha Dewa, Dato' Johan Pahlawan, Dato' jaya Pahlawan, Dato' Nila Pahlawan dan Dato' Biram Pahlawan. Tunku Muhammad Jiwa dipinta menaiki kenderaan Diraja yang siap khas dengan tetungkul kuning. Sekelian yang hadir dipersilakan ke Pulau Dayang Bunting kerana berkenduri kesyukuran.

Mengikut catatan "Altarikh Salasilah", pada 26 Sya'aban 1122 bersamaan Bulan Oktober 1710., berangkatlah Tunku Muhammad Jiwa

ke Tanah Besar Negeri Kedah menemui rakyat jelata yang menunggu. Baghalah Maskat mengiringi Tunku Muhammad Jiwa hingga ke Kuala Kedah kemudian meneruskan perjalananannya ke Jawa. Beberapa pembesar negeri telah ditugaskan untuk menyambut Tunku Muhammad Jiwa hingga ke Kuala Kedah danikut mengiringi angkatan Diraja. Tunku Muhammad Jiwa, Shaikh Abdul Jalil dan Shaikh Hafiz Sab dan pembesar-pembesar sekalian memudiki Sungai Kedah ke Alor Setar. Dari Alor Setar angkatan Diraja berangkat ke Pengkalan Gelung mengikuti Sungai Anak Bukit.

Pengkalan Gelung ialah tempat singgahan perahu-perahu dalam perjalanan ke Padang Terap atau ke Petani. Gajah-gajah yang datang dari Perlis atau dari Siam menyeberangi Sungai Anak Bukit di sini dan tempat ini dikenali sebagai "Titi Gajah". Pengkalan Gelung merupakan satu daripada beberapa pengkalan disepanjang sungai di Titi Gajah itu. Gajah-gajah ini mengikuti denainya yang tetap dari Perlis melalui Pering, Siputih, Megat Dewa, Gelung Rambai, Padang Perahu, Kampung Raja, Kota Naga dan akhirnya di Pengkalan Gelung atau manu-mana pengkalan lain di Titi Gajah. Tebing Sungai di Pengkalan Gelung telah rendah berlurah di kiri kanannya kerana dilalui oleh gajah-gajah sejak beratus-ratus tahun. Jalan inilah yang digunakan untuk membawa "Bunga Emas" dan "Bunga Perak" ke Bangkok. Di Titi Gajah, gajah-gajah yang membawa orang atau barang berpecah dua : satunya ke Anak Bukit dan terus ke Alor Setar mengikuti denai yang menjadi jalan keretapi sekarang. Dari Alor Setar bolehlah pergi ke Kuala Kedah atau Limbung. Satu lagi menuju ke Bukit Pinang dan boleh terus ke Langgar dan Limbung juga. Dari Limbung bolehlah pergi ke Padang Terap terus ke Petani, Kelantan atau Pahang menyeberangi beberapa gelung lagi. Mengikut jalan gajah hanya dua batu saja dari Pengkalan Gelung ke Bukit Pinang.

Elok sahaja Tunku Muhammad Jiwa meletakkan cerpu dulinya di Balai air Pengkalan Gelung, dikembangkanlah payung kuning, dipalukan nobat, diciupkan nafiri dan ditembakkan meriam tujuh belas das. Raja Bendahara menyambut Baginda di sini dan dari sini Tunku Muhammad Jiwa berangkat dengan gajah ke Bukit Pinang. Gajah berjalan dengan pantas menuju ke istana yang diperhiasi indah. Tunku Muhammad Jiwa disambut dengan penuh istiadat. Adat istiadat terhenti sejenak kerana Tunku Muhammad Jiwa menerpa kepelukan ibunya Paduka Bonda Wan Nang dan adinda Tunku Aisyah. Tujuh tahun tiada berjumpa.

Tunku Muhammad Jiwa ditabalkan menjadi Sultan Kedah

kesembilan belas pada 27 Sya'aban 1122 dengan gelaran Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin Adilin Muadzam Syah Yang Maha Mulia. Mengikut adat dahulu kala, raja yang hendak ditabalkan itu akan berangkat ke mesjid dengan gajah kemudian berangkat pulang ke istana untuk diletakkan di atas astaka beralaskan petrakna kuning serentak dengan paluan nobat lagu Ibrahim Khalil Allah. Ini berlaku dalam bulan Oktober, 1710.

Orang tua-tua masih menyebut bahawa baginda Sultan Muhammad Jiwalah yang mula-mula membawa masuk kain pelikat dari India dan mulalah rakyat hina dina memakai kain pelikat. Sebelum ini dipakai kain dari Siam dan kain tenun tempatan. Bergudang-gudang kain belacu diimport dari India terkumpul di Kuala Kedah dibawa oleh saudagar-saudagar sebagai barang pertukaran dengan bijih dan lada tetapi tidak ada kain pelikat.

Sultan Muhammad Jiwa membawa balik pelita yang menggunakan minyak kelapa. Sebelum ini digunakan lilin dan damar. Zaman Bagindalah masjid-masjid mula dipasangkan lampu minyak kelapa terutama sepanjang Bulan Puasa kerana menyenangkan orang bertaddarus. Baginda juga dikatakan membawa pulang benih mangga dari India. Berabad-abad juga mempelam mangga ini buah yang hanya tumbuh di perkarangan istana-istana sahaja.

Masa Tunku Muhammad Jiwa berangkat balik, padi sedang dara.

Tidak puan kelapa padi,
Daun terap di atas bukit,
Tidak tuan siapa lagi
Harapan kami bukan sedikit.

MARHUM BUKIT PINANG

ISTANA Bukit Pinang dikelilingi pohon buah-buahan. Diantara pohon-pohon yang dibela dengan baik ialah durian, manggis, nangka, cempedak, redam, randa, duku melaka, limau langkat, salak, rampara dan mata kucing. Hingga sekarang Bukit Pinang terkenal sebagai kawasan buah-buahan. Tamannya berpasir muda dan sangat subur. Kesannya istana tidak ditemui lagi tetapi sekarang ini tempatnya dikenali sebagai Kampung Tuk Marhum. Berhampiran loji air masih terdapat beberapa nisan lama.

Sungai Kedah mengalir ke Alor Setar dan di sini berpecah dua ke Anak Bukit dan ke Pendang. Sungai Anak bukit berpecah dua pula di Bukit Pinang iaitu ke Padang Terap dan ke Limbung. Di Limbung Sungai itu bertemu dengan Sungai Pendang dan menghilir ke Kuala Kedah semula melalui Alor Setar. Jadi, dari Bukit Pinang perahu-perahu boleh pergi ke Alor Setar mengikut Sungai Anak Bukit atau Sungai Teluk iaitu sungai yang menuju ke Limbung tadi. Limbung pada masa ini ialah sebuah pelabuhan yang sibuk - sama sibuknya dengan Alor Setar, Anak Bukit dan Bukit Pinang. Abang pelabuhan-pelabuhan yang sibuk ini ialah Kuala Kedah.

Sultan Abdullah memerintahkan Tunku Ibrahim, Raja Muda, yang bersenayam di Limbung supaya membina sebuah kota batu sebagai makam kerabat-kerabat diraja Kedah di Langgar iaitu diantara Bukit Pinang dengan Limbung. Kota batu itu siap dalam tahun 1702. Luasnya kota itu 24 jemba panjang dan 5 jemba lebar terletak di atas tambak setinggi lebih kurang enam kaki. Tukang-tukang yang membuatnya ialah orang-orang Limbung dan Langgar di bawah arahan Tuk Derga, seorang India Muslim yang serba boleh. Di masa tuanya Tuk Derga mencari nafkah menjual susu di Limbung dan boleh berjalan di atas air.

Masa Kota ini siap, Tunku Muhammad Jiwa berusia 22 tahun dan belum lagi keluar merantau. Sebelum ini, ahli-ahli kerabat diraja dikebumikan di merata-rata tempat seperti di Bukit Meriam, di Sungai Einas, di Siputih, di Naga, di Kayang dan di Bukit Pinang. Ayahanda Sultan Abdullah, Sultan Ataullah Muhammad Syah, dimakamkan di Bukit Pinang dan dikenali sebagai Marhum Bukit Pinang Pertama. Sultan Abdullah ingin supaya kerabat Diraja diabadikan di satu tempat seperti pernah dilakukan oleh Sultan-sultan Empayar Uthmaniah di Istanbul.

Oleh kerana "duduk dalam kemasyghulan teringat akan paduka

anakanda Baginda" maka Sultan Abdullah mangkat dalam tahun tahun 1706. Almarhum yang bertanggungjawab membina Kota Makam menjadi penghuni makam itu yang paling awal. Jenazah Almarhum dibawa dengan perahu dari Bukit Pinang ke Langgar dan dikenali sebagai Marhum Bukit Pinang Kedua. Sultan Ahmad Tajuddin mengupah beberapa orang santeri Langgar bertugas membaca Quran. Pada masa itu sudah ramai orang belajar agama secara pondok di situ. Perkataan Langgar itu dalam bahasa Kedah tua ialah tempat orang belajar agama.

Sultan Ahmad Tajuddin sentiasa berangkat dengan perahu dari Bukit Pinang ke Limbung. Kadang-kadang Baginda berangkat ke Alor Setar dan terus ke Kuala Kedah. Dalam pemerhatian Baginda, air Sungai Teluk di langgar itu. Sungai Teluk terpaksa dimatikan. Rakyat dikerah membuat jajar dan menambun muara Sungai Teluk dengan tanah, batu dan pasir. Muara itu sekarang telah menajadi Kampung Teluk di kaki Bukit Pinang dan sungai yang mengalir ke Langgar tanpa muara dipanggil Sungai Mati. Sungainya masih ada tetapi airnya mengalir tenang dari Limbung dan tidak menumbuk tebing lagi.

Dalam kesibukan menambun muara Sungai Teluk, Tunku Ibrahim Raja Muda Limbung telah gering. Raja Muda Limbung yang selama ini menjadi penasihat utama kepada Sultan Ahmad Tajuddin bertanggungjawab membuka pelabuhan di Limbung dan memajukan wilayah negeri Kedah disebelah Sungai Tajar dan Sungai Pendang. Akhirnya Raja Muda mangkat dan dimakamkan di dalam Kota Makam sebagai penghuni kedua.

Setahun senggang, Istana Anak Bukit berkabung pula. Sultan Ahmad tajuddin mangkat dengan tiba-tiba lima hari selepas Hari Raya haji 1121. Bahinda memerintah selama 44 bulan. Usia Baginda masih terlalu muda - baru 24 tahun dan Baginda tidak berputera. Sepuluh tahun lalu dalam 1699 Sultan mahmud di Johor mangkat dijulang. Ketika mangkat usia Sultan Mahmud juga 24 tahun dan tidak berputera.

Isteri Megat Seri rama yang sedang menagndung telah dibedah perutnya oleh Sultan Mahmud kerana memakan sebutir nangka dari buah yang dipersembahkan kepada Baginda. Atas kesalahan yang begitu kecil maka dibalas dengan hukuman yang begitu kejam menyebabkan Megat Seri Rama menderhaka menikam rajanya yang diusung dalam julangan ketika berangkat ke masjid bersempbahyang Jumuat.

Kisah-kisah Sultan mahmud mangkat dijulang dibawa ke kedah dan

apabila sampai ke telinga rakyat, ceritanya sudah berubah. Rakyat memahaminya Sultan Ahmad Tajuddin yang bertindak membeda perut wanita kerana memakan nangka dari perkarangan Istana Bukit Pinang. Ditambahi pula konon apabila dibedah, maka ternampaklah si bayai dalam kandungan terkubil-kubil mengecap seulas nangka. Kulit perut perempuan yang malang itu kononnya telah dijadikan kulit gendang nobat.

Jenazah Sultan Ahmad Tajuddin dijulang dari Bukit Pinang hingga ke Kota Makam di Langgar. Bila nobat dipalu dalam istiadat permakaman ini bunyinya seperti orang menangis terisak-isak pula.

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah I dikenali sebagai Marhum Bukit Pinang ketiga. Bertambah sibukorang mengajji Quran di dalam kota.

PENGEMBARAAN TUNKU MUHAMMAD JIWA

SULTAN Kedah yang ketujuh belas, Sultan Abdullah Mua'zam Syah, mempunyai dua orang putera dan seorang puteri. Yang tua bernama Tunku Muhammad Jiwa dan seorang lagi bernama Tunku Ahmad Tajuddin. Puteri tunggal Baginda bernama Tunku Aishah ialah yang bungsu. Istana baginda terletak di Bukit Pinang dan di sinilah tempat segala orang besar-besar datang mengadap. Di antara yang selalu mengadap termasuklah saudagar-saudagar asing dan alim ulamak dari dalam dan luar negeri.

Tunku Muhammad Jiwa yang sedang muda remaja tertarik dengan cerita-cerita yang didengar dari dagang senteri yang mengadap ayahandanya, khususnya dari saudagar-saudagar yang sebaya dengan Baginda. Tunku Muhammad Jiwa terpengaruh dengan kisah-kisah sejarah Kerajaan Melayu di Bukit Siguntang Mahameru dan terpesona dengan berita-berita keindahan keraton dan "lelancangan cindai natar kuning emas berkampuh jaya kesilir" yang menjadi pakaian puteri-puteri Jawa dalam hikayat lama.

Tunku Muhammad Jiwa mempunyai latar belakang yang lengkap mengenai Tanah Jawa kerana pembacaan beliau di istana ialah hikayat-hikayat panji bertulis tangan selain dari kitab-kitab ugama. Hiburan-hiburan di istana pula selain dari membaca syair dan bersilat ialah pertunjukan wayang kulit Jawa. Di istana hanya wayang kulit Jawa yang dipertunjukkan kepada kerabat diraja, bukan wayang kulit termpatan.

Tunku Muhammad Jiwa mendapat izin dari Sultan Abdullah untuk merantau. "Pergilah anak ingsun urip warna....." dan mengingatkan supaya segera pulang kerana Tunku Muhammad Jiwa ialah bakal Raja. Dengan senyap-senyap yakni dengan tidak setahu sesiapapun selain ayah bondanya. Tunku Muhammad Jiwa berangkat dengan kapal dagang orang Jambi dan selang tidak berapa lama sampailah di Negeri Jambi. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1703 Masehi ketika Kuala Kedah dan Limbung menjadi tempat persinggahan dagang sentari dari Sumatra, Jawa, India, Siam, Kemboja dan juga dari Tanah Arab dan Benua China.

Tunku Muhammad Jiwa tidak lama tinggal di Jambi kerana matlamat sebenar ialah palembang dan Gunung Merapi tapak tukul Kerajaan Melayu antah berantah seperti dalam talibun orang Minangkabau.

Dari mana titik pelita?
Dibalik tanglung nan bertali,
Dari mana asal nenek kita?
Dari puncak Gunung Merapi
Nan turun dari Periangan,
Nan berasal dari benua rum
Adalah nenek moyang kita,
Di bawa nenek Seri Maharaja,
bertempat di puncak Gunung Merapi,
Lalu ke Pulau Langkapuri,
Antara Siguntang mahameru,
Antara Palembang dengan jambi.

Di Plembang Tunku Muhammad Jiwa bertemu dengan seorang pendita Arab bernama Shaikh Abdul Jalil - seorang ulamak musafir yang mengembangkan Islam secara berdakwah dari negeri ke negeri. Apabila Tunku Muhammad Jiwa menceritakan hasrat Baginda hendak ke Tanah Jawa melihat keraton dan candi, maka bersetujuilah tuan Shaikh Abdul jalil mendaftarkan Tunku Muhammad Jiwa di dalam kafilahnya yang akan mengembara ke Tanah jawa. Sementara menanti angin yang baik dan ketika yang sesuai, tinggallah Tunku Muhammad Jiwa di Palembang menjadi murid Shaikh Abdul Jalil. Kononnya Tunku Muhammad Jiwa mendah ilmu agama selama enam purnama di Palembang dari Shaikh Abdul jalil di samping mempelajari adat resam orang Palembang, pemasaran lada hitam dan kisah-kisah putar belit Belanda.

Selepas enam bulan, Tuan Guru Shaikh Abdul Jalil pun berangkat ke Tanah Jawa khususnya ke Mataram. Di Mataram mereka mendengar kisah rajanya seorang raja Islam yang enggan menggunakan gelaran "Sultan" sedangkan bapanya telah lama menggunakan gelaran itu. Dipakainya gelaran Jawa "Susuhunan" menjadikan namanya Susuhunan Amangkurat dan Kraton Amangkurat ini dikawal oleh wanita-wanita seramai sepuluh ribu orang. Mereka mendengar kisah Susuhunan Amangkurat mengumpulkan alim ulamak seluruh Tanah Jawa dengan ahli keluarga masing-masing di kratonnya kemudian mengarahkan soldadu-soldadunya membunuh kesemua alim ulama tersebut saffan-saffa.

Ketika di Jawa mendengar kisah kekejaman Susuhunan Amangkurat

yang membunuh alim ulama. Alim Ulama yang terdiri dari kiayi dan santeri serta keluarga mereka yang syahid berjumlah enam ribu orang. Ada orang mengatakan tujuh ribu. Kiayi santeri dianggap merbahaya kepada keraton kerana selalu mengecam tindak tanduk Amangkurat.

Amangkurat tidak senang melihat gelagat alim ulama kerana bersikap sompong dan "kurang ajar". Mereka datang ke kraton memakai pakaian Arab, berjubah dan berserban, tidak berbangkong dan berbatik, bertasbih tidak berkeris dan tidak mahu menyembah Susuhunan - langsung tidak mau! Bahasa percakapan orang Jawa bukan setakat bertuanku dan berpatik sahaja tapi ada lima tingkat, lima lapisnya sebelum dipergunakan yang paling halus untuk Susuhunan. Kiayi menggunakan "ana" dan "anta" sahaja, kerana mereka bercakap dengan tuhan pun menggunakan bahasa itu. Dengan orang banyak mereka menggunakan "aku" dan "kamu". Kemarahan Amangkurat tidak dapat ditahan, diperintahnya supaya alim ulama dikumpulkan di keraton dan menitahkan mereka memanjat tali gantung, mana yang lambat ditembak. Ramai pula ulama yang lari sehelai sepinggang meninggalkan Mataram.

Sultan Kediri, seorang Sultan Islam di Tanah Jawa juga bertindak membela kiayi dan santeri. Angkatan Kediri menyerang Mataram dan membakar keraton Amangkurat. Dalam pertempuran yang diiringi dengan para doa arwah ulama-ulama yang syahid. Kediri berjaya menewaskan Susuhunan Mataram. Kediri disokong oleh rakyat yang sayangkan ulama.

Amangkurat hilang siuman. Beliau meninggalkan Keraton membawa diri mengikut kakinya dari kampung ke kampung. Bertahun juga baginda merayau. Akhirnya meninggal dikaki jalan dan dikebumikan orang dikaki sebuah gunung di sebuah hutan.

Anaknya Amangkurat Kedua meminta bantuan Belanda menangkis serangan Kediri dan lain-lain negeri Islam yang bencikan Mataram dipunyai oleh Belanda yang berpusat di Betawi.

Di Mataram dan sekitar Laut Jawa orang Islam telah ramai menjadi "lanun" kerana menentang Belanda. Di bandar Betawi iaitu Jakarta sekarang terdapat risalah-risalah yang diedarkan kepada orang Islam supaya bangun berperang sambil menentang Belanda yang kafir! Belanda membuat serangan demi serangan ke saki baki ulama di Mataram dan mempertingkatkan propaganda supaya orang Islam memusuhi sesama

Islam dan memomokkan orang ulim, santeri atau orang pondok.

Dalam satu majlis di Keraton, yang dihadiri oleh pembesar Jawa dan Belanda, Amangkurat kedua menyintak kerisnya dan menikam pemimpin orang-orang Islam yang tertawan. Perjuangan orang Islam meminta tempat" di Tanah Airnya sendiri sangat haibat dalam Kurun Ke Delapan Belas!.

Apabila Tunku Muhammad Jiwa dan Shaikh Abdul Jalil sampai di Mataram, orang-orang Islam sedang ditekan oleh Belanda yang amat berkuasa di sana. Susuhunan Mas, Sultan mataram yang menggantikan Amangkurat Kedua membuat persediaan menentang pengaruh Belanda kerana terasa silapnya berkait-kait hubungan dengan bangsa itu, tetapi pernyata agak terlambat. Dalam suasana begini Tunku Muhammad Jiwa dan Shaikh Abdul Jalil berundur meninggalkan Jawa. Suasana di Jawa seperti dalam hikayat "Ielancingan cindai natar..." sudah tiada lagi.

Ada juga angan-angan Tunku Muhammad Jiwa hendak ke Bantam, sebuah negeri Islam yang masih besar masjidnya dan nyaring azannya. Tetapi 10 tahun sudah, Sultan Bantam mangkat dalam penjara di Jakarta sebab melawan anaknya yang menyebelahi Belanda. Pendeknya Bantam juga dua kali lima dengan Mataram yang lima kali dua. Masa Tunku Muhammad Jiwa di Jawa, Sultan Bantam bernama Sultan Muhammad Mahasin Zainal Abidin dan barangkali ada jugakeistimewaananya Sultan itu kerana apabila Tunku Muhammad Jiwa menjadi Sultan Kedah tujuh tahun kemudian, baginda menggelarkan dirinya Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin, nama orang tasauwuf juga.

Kapal-kapal saudagar Islam berduyun-duyun meninggalkan Jawa. Terdengar berita orang-orang Arab tidak dibenarkan langsung mendarat di Surakarta, mereka diusir!. Ramailah ulama dan musafir mengangkat sauh mencari tempat yang lebih aman - dan ramailah masa ini yang datang ke Kedah Darulaman!. Dengan menumpang sebuah kapal orang Islam, Tunku Muhammad jiwa dan Shaikh Abdul Jalil berangkat ke India. Tunku Muhammad Jiwa masih belum dapat apa yang dicari-cari.

Raja di India ialah Aurangzib - seorang Raja Mongol yang nasyhur dalam sejarah India, kuat usahanya mengembangkan Islam. Shaikh Abdul Jalil bin Abdul Wahab bin Ahmad Al-Mahdali al Yamani berasal dari Kota Sana'a di Yaman di sambut dengan takzim oleh murid-muridnya di India. Pada masa ini guru-guru ugama amat disanjung oleh orang-

orang India dan makam-makamulama yang meninggal amat banyak di "Kermat"kan di sana.

Dalam tiap-tiap kampung ada sahaja keramatnya. Tunku Muhammad Jiwa - berserban dan berjubah - menjadi pembantu kuat kepada Shaikh Abdul Jalil yang bergerak dari kampung ke kampung, dari kota ke kota mengajar ilmu ugama disamping menziarahi anak muridnya. Seorang anak murid Shaikh Abdul Jalil bernama Hafiz sab menjadi sahabat karib Tunku Muhammad Jiwa. Tunku Muhammad jiwa pada masa ini adalah seorang yang amat alim dan fasih berbahasa Arab. Kalau Shaikh Abdul Jalil diletakkan di kanan, Tunku Muhammad Jiwa di kiri. Kalau berjalan, Tunku Muhammad Jiwa hanya dua tapak sahaja di belakang Tuan Shaikh Abdul Jalil, kemudian barulah diikuti oleh anak-anak murid yang lain.

Tidak ditemui sebarang dokumen mengatakan Tunku Muhammad Jiwa berangkat ke makkah. Tidak diketahui adakah beliau naik haji atau tidak. Tapi besar kemungkinan mereka berangkat juga ke Tanah Suci kerana adat orang di sana ialah berpakat mengumpulkan wang menghantar guru mereka ke Mekah dan Shaikh Abdul Jalil banyak muridnya di India. Sekurang-kurangnya sekali ataupun dua mereka berangkat juga ke Makkah, jauhnya dari India hanya sepemanggil, sedangkan kalau dari negeri kita, kalau dipanggil tidak kedengaran. Kalau ini berlaku, Tunku Muhammad Jiwa ialah Sultan Melayu yang paling awal mengadap Batullah! Kita yakin dia seorang haji.

Islam masuk ke India sejak tahun 1000 tetapi 500 tahun kemudian baharu Islam berkembang meluas dan menegakkan empayar Mongol yang kuat di bawah Akbar. Ketika Tunku Muhammad Jiwa sampai di India, cicit Akbar bernama Aurangzib yang memerintah India. Kebesarananya lebih gemilang dari neneknya kerana empayar Mongol di bawahnya lebih luas. Memijak mereu begitu tinggi, dilakukannya dengan lembut dan kasar. Mula-mula sekali dikurungnya ayahnya, Syah Jihan, yang mendirikan Taj mahal itu ke dalam penjara. Kemudian dibunuuhnya pula abang-abangnya seorang demi seorang, sampai tiga orang, yang dikatanya mahu merebutkan empayar itu dari tangannya. Musuh-musuh lama bapanya, menerima penangan pedangnya.

Seorang Raja Hindu di Negeri Maharata telah merompak sebuah kafilah orang-orang Islam yang bersiap hendak ke Makkah dari pelabuhan Surat. Bila berita ini sampai kdi telinga Aurangzib, dia

sendiri mengepalai angkatan perang terus ke Maharata, menyerang dan menawan negeri itu menambah luaskan empayar Mongol Islam. Islam betul-betul berkembang dengan pedang.

Seorang kepala perang Maharata berumur 30 tahun sedang mabuk. Beliau ditawan dengan mudah dan disumbat ke dalam penjara. Apabila beliau siuman, dimaki hamunnya Aurangzib, kemudian melarat pula mencercakan ugama Aurangzib dan mengata-ngatakan Nabi Besar Aurangzib. Aurangzib memotong pangkal lidah pahlawan itu kerana terlalu petah menyerahan Ugama Islam, kemudian baharulah dipancung lehernya.:

Air mata Aurangzib berhamburan mendengar riwayat hidup Rasul Allah dari para ulama, tetapi tahan melihat darah berhamburan dari musuh-musuhnya. Dalam kehidupan sehari-hari, Aurangzib adalah seorang yang sangat saleh, sentiasa berpuasa dan bersembahyang tahajud. Hidupnya bertasauwuf dan amat memanjakan alim ulama.

Aurangzib biasa memenggal kepala oang-orang yang dianggap "wali" - kerana dia pantang melihat ugama Islam di kotori oleh ajaran yang songsang atau terkeluar rel. Sudah ada "wali" yang mengaku menerima wahyu, dan sudah ada yang mengatakan "Ana'l Hag". Seorang dari "wali" yang dipancungnya ialah abang kandungnya sendiri bernama Dara Sikoh, pengarang "Majmaul-Bahrain" atau "Pertemuan Dua Lautan". Lautan yang dimaksudkan ialah tasauwuf Islam dan mistik Hindu - dua-dua lautan ini ada titik pertemuannya. Aurangzib menuduh abangnya sudah murtad!.

Guru Aurangzib juga dianggap wali oleh orang ramai. Namanya Shaikh Muhammad Maksum al-Naqsyabandi. Shaikh maksum mencadangkan kepada Aurangzib supaya mengenakan hasil ke atas orang-orang bukan Islam dan melarang apa jenis muzik pun dimain oleh orang Islam dalam empayarnya. Kemudian wali itu menganjurkan pula pemeruntuhan kuil, sebuah demi sebuah, satu demi satu.

Aurangzib mendirikan masjid di Banares, tanah suci orang Hindu. Nama Bandar itu ditukarnya menjadi Ahmadabad, Pemberontakan berlaku di sana sini. Orang-orang Hindu sudah mula senyum di luar tetapi berbara di dalam.

Aurangzib memerintah selama 50 tahun seorang dirinya. Menteri-menteri tidak dapat berkongsi pahla dengannya. Semuanya dia

berjihad bersendirian. Dalam tahun 1707 Aurangzib mangkat. Usianya 93 tahun. Seperti masa hayatnya, dia berseorangan - matanya tidak rapat kerana ternampak arwah ayahnya dan abang-abangnya melambai-lambainya dengan pedang akhirat yang lebih tajam! Selepas Aurangzib tiada, Empayar Islam di India tidak kuat lagi. Yang memberontak kecil-kecilan sudah siap melancarkan perang. Inggeris berada di sekeliling pantai.

Tunku Muhammad Jiwa memungut banyak pengalaman dan sudah melihat sekurang-kurangnya bagaimana Mataram jatuh, dan bagaimana Empayar Islam di India bermewah ikan. Tahun 1708, diajaknya Shaikh Abdul Jalil dan Hafiz Sab berangkat ke Tanah Melayu. Memikirkan India bukan tempatnya bertasauwuf lagi, mereka berangkat dengan kapal menyusur Pantai Teluk Benggala dan akhirnya sampai ke Margi. Tunku Muhammad Jiwa amat rindukan Negeri Kedah. Diantara barang-barangan yang dibawa balik ialah sehelai kain pelikat; sebiji pelita minyak kelapa dan biji buah mangga hendak dibuatnya benih.

NISAN YANG PALING BERSEJARAH

BUSUT yang di-cangkul beberapa bulan dahulu di-sabuah perkuboran di Kedah menimbulkan satu bukti yang terbaharu dan mengagumkan ahli sejarah. Batu nisan yang tersembunyi di-dalamnya berumur lebih dari sa-ribu tahun.

Dalam bulan Nobember, 1964; ahli Persatuan Tawarikh Sekolah menengah Sultan Abdul Halim, Jitra telah melawat perkuboran di-Tanjong Inggeris ia-itu sa-buah kampong di-Langgar, enam batu dari Alor Star.

Mereka dapat di-perkuboran itu sa-buah keramat yang bernama : Shaikh Abdul Kadir ibni Shaik Hussein Alirah" bertarikh 291 Hijrah. Tahun-nya bersamaan dengan 904 Masehi. Batu nisan keramat itu yang engandongi tarikh dan nama-nya baharu sahaja di-temui oleh orang-kampong di-situ satelah mereka meruntuhkan sa-buah busut besar yang bertahna di atas bahagian pinggang dan kaki kubor itu.

Keramat ini di-kenali sa-bagai Keramat 'To' Tanjung Serban Hijau.

Nisan di-selbelah kepala-nya yang tidak pernah di-liputi oleh busut berpahat dengan dua kalimah shahadat.

Dua batu nisan keramat ini masih kuat dan tulisan-nya sunggoh dan tenggelam timbul dapat juga di-bachah.

Sa-lain dari nama Shaikh dan tarikh-nya yang terchatet di-nisan satalah kaki-nya dapat pula di-lihat aksara yang berupa huruf kawi ia-itu tulisan yang di-pergumakan oleh orang Melayu sa-hingga lima ratus tahun dahulu.

Mengikut nama-nya Shaikh Abdul Kadir atau Keramat To' Tanjung Serban Hijau ini ia-lah sa-orang keturunan Parsi. Untuk sa-orang Parsi yang berugama Islam berkelana di-Kedah ketika ini tidak-lah menjadi airan jika di-fikirkan bahawa sa-keping dirham yang bertulis nama Khalifah Abbasiah al-Mutawakkil 448 Masehi. Dirham itu di-jumpai dalam puloh batu jauhnya dari perkuboran keramat ini ia-itu di-dalam sa-buah chandi Hindu di-Merbok.

Butir mengenai kubor ini dan sa-kitar-nyatelah pun di-persampaikan apada Persatuan Tawarikh Negeri Kedah di-Alor Star oleh persatuan ita.

Kira-nya pakar dapat menentukan bahawa Keramat To' Tanjung itu

betul; sa-orang pengembang ugama Islam yang meninggal dunia pada tahun 291 Hijrah (904 Masehi) seperti yang tertulis di-nisan-nya, maka batu bersurat yang di-jumpai di-Terengganu bertarikh 1386 Masehi, dan batu makam Sultan Alauddin Riayat Shah, Sultan Melaka, bertarikh 1488 masehi, tidak-lah lama benar.

Sa-lama ini ahli sejarah berpendapat bahawa Islam terlebih dahulu sampai di-Indonesia ia-itu di-Sumatra Utara sa-belum berkembang ke Malaysia melalui Melaka dalam kurun yang kelima belas. Buktiya ia-lah kerana di-temui orang makam Malikul-Saleh dan anak chuchu-nya di-sana.

Pendapat ini perlu di-kaji sa-mula kerana terlalu banyak bukti yang menunjukkan bahawa Islam telah lama bertapak di-Semenanjong Malaysia sa-belum orang di-seberang pandai mengambil ayer sembahyang.

Batu nisan Shaikh Abdul Kadir ibni Shah Hussein Alirah di-Kedah ini hampir empat ratus tahun lebeh tua dari nisan Malikul Saleh di-Sumatra Utara dan dua ratus tahun lebeh tua dari nisan Fatimah binti Maimun di-Leran Tanah Jawa.

Di-dalam kawasan satu batu di-sakitar perkuboran Shaikh Abdul Kadir ini, Persatuan Tawarikh Sekolah ini telah menemui sa-kurangnya dua puluh buah kubor lagi yang senang, lebeh tua tua dari kuboran Malikul-Saleh dan Fatimah binti Maimun tadi, berselerak menghiasi kampong dan tebing; sungai - hanya tidak berpahat dengan tulisan. Tetapi tiap garis ukiran dan kerawang di-batu: nisan-nya tetap memperlihatkan urat pertukangan Kembayat, ia-itu pertukangan orang yang membuat batu: nisan raja: Aceh dan raja: di-Tanah Jawa.

Sa-sunggoh-nya aksara di-permakaman Tuan Shaikh Abdul Kadir di-Tanjong Inggeris itu mengandungi rahsia yang amat penting.

RAHASIA NEGERI 'ALANG-KAH SUKA'

AHLI sejarah dari pelbagai bangsa, Inggeris dan Belanda, Perancis dan Peringgi, masing-masing dapat menentukan dengan pasti di-mana letaknya negari Langkasuka. Ahli sejarah India dan Melayu, China dan Jawa dan Thai (Siam) tidak menyebutnya di-mana negeri itu dengan tepat. Skalau di-kata tepat pun, masih boleh di-sangskikan.

Ahli sejarah Melayu yang mengatakan Langkasuka itu ia-lah negeri "Alang-kah Suka" di-Kedah Tua patut di-ketengah untuk di-soal. Mungkinkah Kedah, bumi negeri Kedah, menjadi tapak Kerajaan Langkasuka? Mungkinkah Langkasuka itu nagara Kedah Tua?

Hikayat China dari abad ka-abad meletakkan Langkasuka di Telok Benggala dengan telok Siam. Tempat yang di-buat orang pantun :

Ka-Telok sudah ka-Siam sudah,
Hanya ka-Makkah aku yang belum.

Dengan bagitu pestilah Langkasuka bertapak di-Tanah Semenanjong juga. Tetapi bukan bermaana Semenanjong Tanah Melayu.

Tuan Winstedt, sarjana tawarikh Tanah Melayu yang ulong, mengatakan Langkasuka itu di-Kedah. Seringkali ia berkata Kedah itu menjadi pelabuhan Langkasuka pula. Dato Za'ba yang menterjemah buku Winstedt telah berkata : "... Sa-sunggoh-nya negeri langkasuka itu sama ini telah di-benarkan dan di-fahamkan oleh semua orang ia-lah nama negeri Kedah Tua zaman dahulu kala menurut seperti yang tersebut dalam cherita 'Sejarah Kedah' (Hikayat Marong Mahawangsa)...."

Tuan Quaritch Wales dan professor Coedes, sa-orang Inggeris dan sa-orang Perancis, mengatakan bahawa Langkasuka itu letaknya di-Kedah - tepat di-Kuala Sungai Merbok.

Quaritch Wales pula bersama dengan isteri-nya (kerana mereka berdua ia-lah sa-kelamin ahli arkeologi) telah bertemu dengan chandi Hindu di-pinggir Gunong Jerai dan di-kampung sa-panjang Sungai Bujang, ia-itu sa-batang anak Sungai Merbok. Mereka memutuskan bulat dan penoh itu-lah Langkasuka, negeri Kedah Tua.

Dalam "Sejarah Liang" (502-556 TM) ada tersebut fasil Langkasuka. Negeri itu dudok-nya di-Laut Selatan (Laut China) 24,000 li dari Kanton. Luas-nya dari Timor ka-Barat ia-lah 30 hari perjalanan dan dari Utara ka-Selatan 20 hari perjalanan.

Hasil negeri itu kapor barus dan gahtar. Kekuasaan-nya melitupi dari pantai Timor ka-pantai barat ia-itu dari pinggir Laut Siam ka-pinggir Laut India (Telok Bengala).

Saperti yang di-katakan oleh Dato Za'ba tadi, maka kita ada pula "Hikayat Merong Maha Wangsa" dan beberapa hikayat tewarik negeri Kedah lagi, yang boleh di-utarakan untok memperkuat pendapat kita bahawa Langkasuka itu Kedah Tua.

Tetapi Dato' Roland Braddell telah mempelupori anggapan bahawa Kedah itu Kedah, dan Langkasuka itu Langkasuka, dua nagara yang berasingan.

Pendapat Dato' Braddell menjadi alasan yang harus di-kaji dengan seksama. Dato' Braddell berujah :

1. I-Ching yang meninggalkan negeri China dalam TM 671 telah sampai ka Funan, dan lepas itu sampai pula ka-Lang Chia-Su. Lang Chia-Su ini ia-lah Langkasuka mengikut pendapat ahli sejarah dan ta' boleh di-napikan lagi.

Dari negeri Lang Chia-Su ini ia belseyar pula menempoh beberapa negeri di Semenanjong Tanah Melayu dan Sumatra seperti Pahang dan Palembang kemudian baharu sampai ka-Chieh-Cha. Ya'ani Kedah.

2. Dalam pelayaran balek I-Ching bertemu dengan Chieh-Cha dahulu, kemudian Palembang, kemudian baharu-lah Lang Chia-Su pula, kemudian baharu Kanton (Kwantong di-negeri China).

Chieh-Cha atau Kiet-Cha telah di-akui pula oleh ahli sastera bahasa China ia-lah Kedah. Dengan bagini thabit-lah bahawa Kedah dudok-nya di-pantai Barat dan Langkasuka di pantai Timor.

3. Pada TM 1292 Marco Polo telah singgah di Lochac dalam perjalanan-nya menghantar anak raja Parsi China ka-negeri Parsi.

Lochac itu ia-lah Langkasuka jadi dengan kerana ia datang dari negeri China ikut jalan laut maka saheh-lah Lochac atau Langkasuka tuu dudok-nya di-pantai Timor dan ia tidak menempohi Kedah kerana Kedah berada di-pantai Barat.

4. Dalam TM 607, Chang Chun telah belseyar ka Lang Ya Hsu. Lang Ya Hsu ini pun Langkasuka juga. Ia belseyar lebuh dari sa-bulan baharu sampai ka ibukota Lang ya Hsu itu. Nama ibukota itu Shih Tze Shih, ("Batu Singa").

Tung Tien, sa-orang lagi ahli pelayaran juga sampai ka-Lang Ya Hsu juga dan mendapati ibukota Lang Ya Hsu pun sa-bulan juga perjalanan-nya dari negeri China; tetapi nama ibukota-nya bukan "Batu Singa" tetapi Shih Tze Cheng ia-

"Batu Singa" atau "Bandar Singa" itu menurut pendapat sa-orang jama China, Enche' Hsu, ialah "Singgora", (nama Siam ia-lah ngkhla)

Maka jika betul Singgora itu ibukota Langkasuka maka ibukota Langkasuka tentu-lah letak-nya di Pantai Timor Segenting Kra.

5. Jika di-tilek maka terdapat-lah bahawa Langkasuka telah lebuh dahulu di-sebut dalam sejarah China ia-itu dalam Sejarah Tang (502-556TM), pada Kedah baharu sahaja di-sebut ia-itu dalam Sejarah Tang (618-906TM). Apabila Langkasuka dan Kedah di-sebut sa-kali, maka kedua-nya di-sebut sa-bagai negeri yang rasingan - satu di-pantai Barat.

Hikayat Liang telah mengelirukan banyak orang apabila ia berkata kuasaan langkasuka itu katup dari laut Siam ka laut India : Pantai mor ka-Barat.

Hikayat atau riwayat lain tidak berkata bagitu. Jika benar pun langkasuka itu dari Timor ka-Barat maka hendak-lah di-ingatkan bahawa luas-nya itu tidak dari Barat ka-Timor.

6. Sa-orang yang bernama Chiu Tang Shu berkata bahawa Langkasuka bersempadan dengan Pan-Pan. Pan-Pan itu dudok-nya di Segenting Kra. Ini bermakna bahawa Pantai Barat yang di-tulis oleh ali sejarah Liang ia-lah pantai di-sepanjang Segenting Kra dan bukan pantai negeri Kedah.

Pantai di-tempat yang bernama Terang memang-lah bertentangan dengan laut India seperti yang di-sebut itu. Patut di-ingat bahawa Kedah tidak pernah di-perentah oleh langkasuka.

7. Sa-orang sarjana berkata bahawa ibukota Langkasuka letak-yan di-Petani. Mr. Moens berkata di-Patalung. Enche' Hsu berkata di-Sanggora. Banyak lagi yang tekad berkata Langkasuka letak-nya di-Pantai Timor.

8. Dalam TM 1026, Raja Rajendra Chola melanggar Kerajaan Seri Wijaya dan merosakkan negeri yang menjadi wilayah Seri Wijaya itu.

Di-antara negeri yang menerima malapetaka itu ia-lah Melayu, Pane, Terang, Langkasuka, Tambralinga, Kedah, Aceh, dan Pulau Nikobar. Ia-lah Kedah dan Langkasuka itu di-sebut berasingan.

9. Dalant TM 1030 batu tugu di-Tanjor menekati bahawa Raja Rajendra Kola telah menewaskan pula sa-kali lagi negeri Kadaram (Kedah) dan Langkasuka.

10. Peta yang di-buat oleh Wu pei Chih dalam KM 15menunjukkan bahawa Langkasuka letak-nya antara Kelantan dan Petani. peta ini-lah

yang di-gunakan oleh Laksamana Cheng Ho melawat negeri di-Tenggara Asia.

11. Gajah Mada (1365) yang menjadi Perdana Menteri Kerajaan Majapahit menda'awu bahawa Majapahit telah menguasai negeri yang mengandungi Langkasuka, Kedah dan Petani.

12. Langkasuka mempunyai lombong emas. Kedah tidak. Negeri Pantai Timor seperti petani, kelantan dan Pahang mempunyai emas.

13. Nama negeri yang menghantar emas ka-negeri China termasoklah Langkasuka. Kedah tidak pernah menghantar bunga emas ka-negeri China itu

Professor Coedes menarik balek pendapat-nya yang menempatkan Langkasuka di-Kedah (1951); Dr. Quaritch Wales meninggal dunia pada tahun 1941, dan Dr. Winstedt mengeluarkan perbahathan (1956) mengatakan Hikayat Marong Mahawangsa itu bukan buku sejarah hanya hikayat yang di-bacha untuk "mengliporkan lara" sahaja.

E.J. Moorhead pengarang buku "Malaya and Her Neighbours" (malaya dan jiran-nya 1957), telah puas menyelidik tentang perkara ini di-Kutub Khanah besar di-Liverpool dan London, menyiasat di-antara naskhab yang terkumpul berzaman mengenai sejarah Tenggara Asia di-sana dan dia yakin bahawa Kedah dan Langkasuka itu dua negeri yang berasingan sa-kali.

Langkasuka itu, kata Moorhead, ia-lah sa-buah Kerajaan merentang dari Singgora hingga ka-Saiburi di-negeri Siam. Moorhead-lah yang mengagakkan bahawa petani itu ibukota Langkasuka.

Sedang kita berkechimpong ini, sa-batang anak sungai mengalir ta' berhenti di-chelah bukit kecil di-ulu Sungai Perak. Namanya Sungai Langkasuka. Adakah di-situ Langkasuka di-lahirkan? Ada-kah di-situ Langkasuka bertapak?

Sejarah yang sa-benar dan tegas habis di-bawa ayer yang mengalir, sudah mendap ke-perut laut. Batu-bukit ta' boleh berkata, hingga akhir zaman anak sungai itu menjadi rahsia alam.

MENGENANG ALLAH YARHAM

Y.B. TUAN HJ .OMAR HJ. SALLEH , AMN. JP.

AMIR ABDUL AZIZ IBN SU'UD sa-orang pahlawan padang pasir telah menyerang dan menduduki Hijaz pada tahun 1952. Sa-telah selesai perperangan itu maka sampai-lah sa-gerumbulan anak-anak Malaya di-Tanah Suchi untuk menuntut ilmu ngama. Di-antaranya ia-lah Allah Yarham Tuah Haji Omar Kubang Lembu.

Ibn. Su'ud tidak memperolehi takhta yang bertilam empok kerana baginda terpaksa berjuang menentang pemberontakan-pemberontakan, menghapuskan bida'ah dan khirafah buat menegakkan sa-butah negara Islam sa-peri yang terdapat di-zaman Rasul Allah.

Sa-bagai sa-orang yang luas pergaulan di-Tanah Suchi Tuan Haji Omar telah menyedut banyak pengalaman dan pandangan mempelajari dari dekat pergolakan di-Timor Tengah. Sa-lepas Terusan Suez di-buka Perancis menduduki Tunisia, Inggeris menduduki Masir, Itali menduduki Libya, Turki di-bawah kamar Ataturk bangun, Arab memberontak terhadap Khalifah Othmaniah, champor tangan orang Barat di-Sharkal Ardan dan di-Palestin, di-Siam dan di-Labnam, perchubaan-perchubaan Inggeris mengambil minyak Irak, kejayaan-kejayaan Amerika mengambil minyak ibn. Su'ud dan pembangunan Masir moden. Semua-nya ini menjadi pengajaran yang bernilai kapada penuntut-penuntut Melayu di-Mekah.

Tuan Haji Omar telah bersedia untuk ini semua. Dia telah mendapat sa-orang guru yang tidak pernah hilang dari sebutam-nya. Dia telah berguru kepada sa-orang ulama yang berfalsafah progresif ia-itu Tok Kenali di-Kelantan.

Antara guru-guru-nya di-Tanah Harram banyak pula yang terpengaroh dengan pembaharuan yang di-bawa oleh Shaikh Muhammad Abdul iaitu seperti Shaikh Sa'id Yamani, Shaikh Ali Maliki, Tuan Mukhtar Jawa dan Shaikh Muhammad Fatani, (ayah saudara Hussein Fatani, duta besar Saudi Arabia di-Malaysia sekarang), dan lain-lain lagi. Tuan Haji Omar juga bergaul rapat dengan penuntut-penuntut dari Indonesia dan dari India.

Tahun 1932 Ibn Su'ud mengishtiharkan negara Sandi Arabia negara Islam yang berdaulat. Tahun itu-lah Tuan haji Omar pulang ka-tanah ayer-nya.

Dia telah membuka pondok-nya di-Kubang lembu dan telah dikenali sa-bagai sa-buah pondok yang paling moden pada ketika itu. Murid-nya yang muda-muda di-ajar latehan jasmani dan tidak di-paksa memakai songkok puteh. Sedangkan anak-anak-nya sendiri di-hantar-nya ka-sekolah Inggeris.

Apabila orang-orang Melayu memerlukan tenaga dalam pergolakan politik di-Tanah Ayer sa-lepas perang Jepun, Tuan haji Omar telah berkechimpong dalam "Saberka" dan di-sini ia bertemu dengan orang-orang yang lebih muda yang berpendidekan Barat dan mereka perlukan bantuan dia. Di-sinilah dia berkenalan dengan In. Senu Abdul Rahman, In. Khir Johari, In. Syed kechik, In. Mahadhir Sekarang Doktor) dan jagoh-jagoh lama yang telah hilang bintang seperti tengku Daud Anak Bukit, In. Khir Awang, Ustaz Hadi, In. Khir Segara dan In. Mustafa Afifi.

Di-dalam politik ia telah bertemu kembali dengan sa-tengah dari rakan-rakannya di-Mekah dahulu seperti Tuan Haji Ahmad Bedui, Tuan Haji Ahmad Maliki, Tuan Haji Ismail Kuala Kedah, Tuan haji Ahmad Hussein, Allah Yarham juga telah berganding bahu berjuang dengan ahli-ahli politik lain seperti Tuan haji Abdul Rahman Merbok, Tuan haji Hussein Che' Dol, Tuan Shaikh Abdul Halim dan Tuan Haji Rejab.

Dalam perjuangan merebut kemerdekaan Allah Yarham Tuan Haji Omar Kubang Lembu menyumbangkan tenaga dan harta yang bukan sadikit. Dia telah di-pilih oleh ra'ayat Jitra Timor menjadi wakil mereka di-Majlis Meshuarat Negeri dua kali berturut-turut hingga akhir hayat-nya dalam bulan Julai, 1965. Sa-masa menjadi wakil ra'ayat ini Allah Yarham juga ia-lah Ahli Kerja Dewan Negeri. Beberapa waktu sa-belum meninggal Allah Yarham ia-lah sa-orang dari ahli Lembaga Pengelola, Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, yang terletak sa-batu dari rumah-nya.

Ia menghembuskan nafas-nya yang akhir di-dalam perjuangan moga-moga di-chuchori rahmat oleh Tuhan ku-atas-nya.

ALOR SETAR SEBELUM MOTOKAR DAN KERETAPI

Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah menjadi Sultan dalam tahun 1854. Baginda bertindak meluruskan jalan-jalan di Bandar Alor Setar dan mendirikan rumah-rumah kedai serta menggalakkan pembinaan rumah-rumah batu, jambatan dan jalan raya. Disamping orang-orang Melayu, Baginda juga menggalakkan orang-orang Cina dan India berniaga di Alor Setar dan di pekan-pekan kecil seperti Kuala Kedah, Anak Bukit, Langgar dan Limbung.

Jalan raya paling awal diketahui ialah antara Alor Setar dengan Langgar ; kemudian menyimpang di Hutan Kampung ke Kepala Batas. Baginda mengerahkan rakyat membina jalan ini dalam tahun 1855. Kemudian dalam tahun 1858 dibinakan pula jalan dari Alor Setar ke Anak Bukit. Pembinaan jalan-jalan raya ini tidaklah bertujuan menjelaskan kesibukan jalan-jalan sungai yang menggunakan perahu dan sebagainya.

Sultan Ahmad Tajuddin mengarahkan Tunku Kudin Raja Muda membina "batas" atau "jalan besar" dari Kepala Batas hingga ke Sadao secara mengarahkan rakyat seluruh Kubang Pasu menjayakan projek itu. Raja Senggora telah bersetuju membina jalan dari Senggora ini siap pada tahun 1866. Sultan Ahmad Tajuddin mengenderai gajah memeriksa jalan yang dibuat dan selesai pemeriksaan Baginda selepas lima hari dan lima malam.

Baginda sendiri berangkat ke Bangkok melalui jalan ini beberapa kali. Dari Senggora Baginda belayar dengan kapal. Raja Cholalongkon pernah melalui jalan ini dengan kereta kuda ketika berangkat balik ke Bangkok dari melawat India dalam tahun 1874. Alor Setar ke Sadao jauhnya 50 kilimeter.

Dalam tahun 1867 orang-orang Titi Gajah dan Alor Ganu dikerah menyambungkan jalan dari Anak Bukit ke Kepala Batas.

Dalam KM 19 tiada ada Raja Melayu yang membina jalan dalam negerinya seperti yang dibuat oleh Sultan Ahmad Tajuddin. Usaha membuat jalan raya ini sepatutnya mendapat sambungan yang sama jika tidak lebih dari sambungan yang diberikan kepada Wan Mat saman yang mengorek terusan Alor Setar ke Gurun sepanjang 35 kilometer itu.

Sungguhpun jalan ini merupakan tambunan tanah sahaja dengan

sedikit batu dan pasir tetapi jalannya mempunyai parit dan lurus serta mempunyai permukaan yang rata. Ia digunakan dengan mudah oleh gajah, kuda, kereta kuda, kereta lembu serta orang berjalan kaki.

Jalan tanah dari Alor Setar ke Langgar terus hingga ke Sok dan Sik merupakan jalan gajah utara ke selatan. Sebatang lagi jalan gajah yang diperbaiki menjadi jalan raya ialah dari Alor Setar ke Pendang dan terus ke Jeneri dan bercantum dengan jalan tadi menuju ke Baling, Kuala Ketil, Kuala Kupang hingga ke Gerik dan Lenggong di Perak.

Dalam bandar Alor Setar terdapat kereta kuda, dipanggil bogi membawa penumpang-penumpang hingga kekampung-kampung dipersekutaran Alor Setar. Sultan dan pembesar-pembesar memunggang kuda ataupun mengenderai gajah. Orang-orang Cina telah memperkenalkan "langca" berkhidmat membawa penumpang-penumpang secara berlari ke mana-mana sahaja empat atau lima kilometer sekitar bandar. Orang-orang India masuk ke Kedah membawa kereta-kereta lembu bersama-sama mereka. Kereta lembu digunakan untuk perjalanan jauh dan membawa barang-barang yang berat. Biasanya kereta lembu membawa barang bergerak di waktu malam dan sampai di destinasi pagi-pagi keesokan hari. Satu-satu konvoi kereta lembu ialah sebanyak 30 atau 40 buah. Orang-orang Melayu walaupun bukan nelayan mempunyai perahu. Dengan perahu mereka bergerak sepanjang pantai dan sungai.

Orang-orang Alor Setar pergi ke Pulau Pinang dengan kapal atau perahu. Syarikat-syarikat di Pulau Pinang mengendafikan beberapa buah kapal api kecil berulang alik ke Kedah. Perjalanan dengan kapal itu memakan masa antara enam dengan lapan jam. Dari Kuala Kedah ke Alor Setar sahaja mengambil masa dua jam ketika air pasang penuh.

Dalam tahun 1860-an tuan-tuan kapal layar dari saudagar-saudagar Eropah mula menjualkan kapal-kapal mereka kerana kapal api telah wujud. Sultan Ahmad Tajuddin telah membeli sebuah kapal dua tiang dan menggunakan untuk berangkat ke Bangkok dari Senggora. Tuan Syed Mohammad melayari kapal itu dengan kelasi-kelasi Melayu yang pernah berkhidmat dengan orang-orang putih dahulu. Sebuah kapal Sultan buatan England bernama "Gratitude" telah tenggelam di Laut China dekat Kemboja ketika balik dari Negeri China.

Awal 1860-an Sultan Ahmad Tajuddin membuka sebuah limbungan tempat memperbaiki kapal-kapal dan juga tempat menimbau kapal-kapal kayu di Alor Setar. Tempat ini dipanggil "Limbung Kapal".

Sedangkan tempat menimbau kapal yang lebih lama iaitu di Limbung, tujuh kilometer lagi ke utu Sungai Kedah telah dimusnahkan oleh Thai 20 tahun sebelum ini.

Dalam tahun 1875 Sultan Ahmad Tajuddin telah membeli sebuah kapal roda lambung ("paddle steamer") dan Baginda menaikinya apabila berangkat ke Pulau Pinang atau ke Langkawi dan Terutau. Sebuah lagi kapal Baginda ialah "Tentayu". Kapal ini juga berulang alik dari Alor Setar ke Pulau Pinang dan ke pulau-pulau lain. Tunku Kudin selalu menggunakan untuk belayar ke Selangor.

Sultan Abdul Hamid menjadi Sultan dalam tahun 1881. Baginda mengarahkan Perdana Menterinya Wan Mat Saman mengorek terusan dari Alor Setar ke kaki Gunung Jerai. Setelah terusan siap dikorek dalam tahun 1895 tebing kiri terusan itu menjadi jalan untuk kereta kuda dan kereta lembu, dan terusan itu sendiri dilalui oleh perahu-perahu siang dan malam.

Sesorang boleh menaiki kereta kuda dari Alor Setar ke Kota Sarang Semut. Jalan sejauh 16 kilimeter itu ditambun batu. Sungai Sala di Kota Sarang Semut mempunyai titi besi. Selepas itu berperahu mengikut terusan ke Gutur Chempedak sejauh 13 kilometer.

Selepas ini terpaksaalah berjalani kaki sepanjang tebing Sungai Gurun melalui dusun-dusun buahan yang teduh sejauh 3 kilometer untuk sampai ke Gurun. Di Gurun pengembara-pengembara berehat di balai lintang masjid sehingga pagi esok. Orang-orang bukan Islam menampang di Balai Posis. Yang paling nyenyak ialah yang tidur di dalam lokap.

